



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN USIM 2014



# بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الْرِّيحَ بُشِّرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا  
أَقْلَتْ سَحَابًا ثُقَالًا سُقْنَةً لِّبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلَنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجَنَا  
بِهِ مِنْ كُلِّ أَثْمَارٍ كَذَلِكَ تُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ

zv

Maksudnya:

Dan Dialah (Allah) yang mengutuskan angin umpama pembawa berita gembira di ambang limpahan rahmat kasih sayang daripadaNya, sehingga apabila angin itu membawa awan mendung yang berat, Kami halakannya ke sebuah negeri yang mati (kering kontang), lalu Kami turunkan dengan awan itu air hujan, lantas Kami keluarkan dengan air hujan itu segala jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang yang telah mati, supaya kamu sentiasa beringat (mengambil pengajaran daripadanya).

[Surah al-A'raf 7:57]

Allah SWT sering kali memberi peringatan serta perbandingan tentang kepentingan air yang menjadi nadi kepada kehidupan dan kemakmuran alam semesta menerusi banyak ayat dalam Kitab SuciNya. Air boleh menghidupkan kembali bumi yang mati. Air boleh mengubah wajah sebuah negeri yang tandus dan kering kontang menjadi subur, makmur dan luhur. Dari sebuah negeri yang mundur dan tidak berpenghuni kepada negeri yang maju dan menjadi tumpuan manusia dari segenap rantaun dan pelusuk alam. Lebih dari itu, dalam satu ayat lain (al-Anbiya': 30), Allah SWT menegaskan bahawa dengan airlah Dia menjadikan semua hidupan di muka bumi. Berdasarkan kepentingannya terhadap kehidupan lahiriah inilah, maka kita dapatiti bahawa air sering menjadi simbol bagi merungkai dimensi maknawi dalam kehidupan insani yang kompleks dan abstrak.

Antara dimensi maknawi utama dalam kehidupan insan terutama muslim ialah ilmu dan hidayah.

Begitulah nilai air hujan yang turun bertitisan ke lautan, dan turut mengalir menyaliri dan meresapi tanah-tanah di bumi, sehingga membawa berbagai hasil dan manfaat mengikut kesediaan dan tahap kesuburan masing-masing untuk kesejahteraan dan kemakmuran hidup umat manusia. Hakikat ini dijadikan simbol oleh Quran dan Sunnah bagi menerangkan fungsi serta interaksi ilmu dan hidayah dalam diri manusia sehingga menatjahkan hasil dalam membentuk modal insan seperti yang telah ditentukan oleh Allah SWT sebagai khalifahNya di muka bumi, serta didambakan oleh masyarakat dan negara bagi membina negara bangsa dan tamadun yang gemilang.

Sebagai sebuah institusi yang bertanggung jawab mencurahkan ilmu serta membimbing generasi masa hadapan umat Islam sebagai pewaris usaha kebangkitan dan kemajuan ummah, seluruh warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) komited dalam menguasai semua bidang ilmu dan menjana ilmu baharu terutama yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli, seperti yang tersurat pada falsafah Universiti. Komitmen ini merupakan iltizam USIM dan warganya dalam menjamin semua siswa di bawah naungan Universiti ini benar-benar dapat menghayati hakikat sebenar ilmu yang dipelajari dan memperolehi manfaat yang bermakna dalam membentuk jati diri, sahsiah, kemahiran dan keterampilan sebagai modal insan yang sedia berbakti kepada masyarakat, negara, ummah dan manusia sejagat. Ibarat titisan air bersih yang memberikan kesejahteraan kepada kehidupan fizikal dan material mereka, begitulah hendaknya ilmu pengetahuan yang dipelajari di USIM akan memberikan kecemerlangan kepada minda dan nilai hidup mereka. sebagaimana air mampu menghidupkan semula bumi yang tandus dan mati, begitulah diharapkan ilmu pengetahuan berteraskan paduan antara ilmu naqli dan aqli yang dijana oleh USIM, mampu mengembalikan kepada ummah ini era kegemilangan dan keemasannya yang telah malap dan suram sejak sekian lama.



# LAPORAN TAHUNAN USIM 2014



## ISI KANDUNGAN

PROFIL UNIVERSITI	...6
ALUAN NAIB CANSELOR	...18
BAKAT DAN IKON	...26
PENYELIDIKAN DAN INOVASI	...38
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	...52
PENGALAMAN PEMBELAJARAN	...70
LIBATSAMA KOMUNITI	...84
PEMERKASAAN INSTITUSI DAN KELESTARIAN BAKAT	...96
PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN	...114



# USIM IN BRIEF

**11,039 PELAJAR**

Sarjana Muda 9908 89.75%

Pascasiswazah 1131 10.25%

**1,131 PELAJAR PASCASISWAZAH**

*PhD* 565 49.96%

*MA/MSc* 513 45.36%

*Advanced Diploma* 53 4.69%

**827 PELAJAR TAMHIDI (PRA-UNIVERSITI)**

**50 PELAJAR KOLEJ PERMATA INSAN**

**64 PROGRAM AKADEMIK**

Sarjana Muda 26

Tamhidi 5

Program Pascasiswazah 33

**KONVOKESYEN 2014**

Kebolehpasaran graduan USIM

70.97 % pada konvokesyen 2014

% bergraduasi pada masa yang ditetapkan

89.58% tahun 2014

**(7.43%) 821**

**PELAJAR ANTARABANGSA**

Sarjana Muda 127 15.47%

Pascasiswazah 694 84.53%

**8 FAKULTI**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Fakulti Sains dan Teknologi

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Fakulti Pergigian

**1,457 KAKITANGAN**

Kakitangan Akademik 538

Kakitangan Pentadbiran 919

**9,765 ALUMNI**

**6 PUSAT KECEMERLANGAN**

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI)

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM)

Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA)

Institut Sains Islam (ISI)

Pusat Permata Insan

**2 KURSI PROFESOR**

Perbankan dan Kewangan Islam

Kepemimpinan Islam



## TUANKU CANSELOR



DULI YANG MAHA MULIA  
TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN  
TUNKU AISHAH ROHANI BINTI ALMARHUM TENGKU BESAR MAHMUD  
DK (NS), DPTJ

## PRO CANSELOR



YANG AMAT MULIA  
TUNKU BESAR SERI MENANTI  
TUNKU ALI REDHAUDDIN IBNI TUANKU MUHRIZ

DKYR, SSTM

# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



- 
- 1 Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor bin Haji Husin** - Pengurus PSN, DSNS, JSM, DIMP, Al-Aliya, MA, PhD (al-Azhar), Dip. Pend. (Ain' Shams)
  - 2 Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad**  
DBMS, B.Sc Hons (UKMalaysia), M.Sc (Manchester), Ph.D (Manchester)
  - 3 Datuk Abd. Shukor Ibrahim**  
AMN, KMN, DIMP, PMW, B.Econs (Hons), Dip. Peng. Awam (INTAN)
  - 4 Dato' Hj. Mat Ali Hasan**  
D.P.N.S., D.P.T.J., A.M.T., Dip. Peng. Awam (INTAN),  
Dip. Pent. Awam (INTAN), B.A (Hons) (UM), MA (HRD) (USA)
  - 5 Profesor Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh**  
DPMP, JSM, PPT, BA (Hons.) MA (Monash), PhD (Manchester)
  - 6 En. Mohd Zuhri Abdullah**  
DSM, B.Sc (Hons.) (Surrey)



7



8



9



10



11



12

- 
- 7 Datuk Mohamed Azahari Mohamed Kamil**  
DMSM, PKT, BBA (Western Michigan), MBA (Central Michigan)
- 8 En. Mustafar Taib**  
M.Econs (Hartford) USA, B.Econs (Hons.) UM, DPA (INTAN)
- 9 Dato' Idris Kechot**  
KMN, DIMP, BSc (Hons) UPM, MBA (Finance) (UK), CFP
- 10 Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani**  
BA (Hons) in Dakwah (UKM), PhD (Edinburgh University)
- 11 En. Anuar Elias**  
BMAHons (USIM)
- 12 En. Muhammad Haizuan Rozali - Setiausaha**  
DPT, KMN, ANS, SmSa, SSa (UKMalaysia)



# JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

**Timbalan Naib Canselor  
(Akademik Dan Antarabangsa)**  
Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani  
(Menjalankan Tugas)

**NAIB CANSELOR**  
Profesor Dato' Dr.  
Musa Ahmad

**Pemangku Bendahari**  
Zairul Hisham  
Ahmad Khulaimi

**Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan Dan Inovasi)**  
Y. Bhg Profesor Dato' Dr.  
Mustafa Mohd Hanefah

**Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar  
Dan Alumni)**  
Profesor Dato' Dr.  
Mohamed Asin Bin Dollah

**Ketua Pustakawan**  
Jasmin Bin Jaimon

**Pendaftar**  
Muhammad  
Haizuan Rozali



**Penasihat  
Undang-undang**  
Yuhani Jamiran

**Pengarah Pusat Perancangan Korporat &  
Pengurusan Kualiti**  
Dr. Mohd Azman  
Hashim @ Ismail

**Pengarah  
Pusat Komunikasi Strategik**  
Dr. Faizal Kasmani

**Pengarah  
Pusat Perhubungan  
Antarabangsa**  
Profesor  
Dr. Roshada Hashim

**Pengarah Pusat Hubungan Industri &  
Pengkomersialan**  
Profesor Madya  
Dr. Awangku Abdul Rahman  
Hj. Awangku Yussuf

**Pengarah  
Pembangunan**  
Ir. Daim Saian

**Pengarah Pusat  
Pengurusan Penyelidikan**  
Profesor  
Dr. Nor Aripin Shamaan





# SENAT UNIVERSITI



## DEKAN- DEKAN

**FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**  
Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff

**FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN**  
Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**  
Dr. Syahirah Abdul Shukor

**FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT**  
Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI**  
Prof. Dr. Bachok M.Taib

**FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**  
Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris

**FAKULTI PERGIGIAN**  
Dr. Haslinda Ramli

**FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA**  
Dr. Noor Azizi Ismail

**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**  
Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda

**PUSAT KOMUNIKASI STRATEGIK**  
Dr. Mohd Faizal Kasmani

**USIM ‘Alamiyyah**  
Prof. Dr. Roshada Hashim

**INSTITUT SAINS ISLAM**  
Prof. Dato Dr. Mustafa Mohd Hanefah ,  
TNC P&I (Menjalankan Tugas)

**PENGARAH PENYELARASAN PEMBINAAN  
KOMPLEKS KESIHATAN USIM**  
Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail

**GOAL CENTRE**  
Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus

**PUSAT PEMBANGUNAN PEMBIAYAAN WAKAF**  
Prof. Dato' Dr. Mohammad Hj Alias

**PUSAT PAKAR KESIHATAN USIM**  
Prof. Dr. Mohd Yunus Abdullah

**PUSAT ISLAM**  
Dr. Wan Abdul Fattah Wan Ismail

## PENGARAH INSTITUT/ PUSAT

**PUSAT TAMHIDI**  
Dr. Nurlida Basir

**PUSAT PENGAJIAN TERAS**  
Dr. Adibah Sulaiman@Mohamad

**PUSAT INOVASI PENGAJARAN &  
PEMBELAJARAN**  
Dr. Othman Ab Rahman

**PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH**  
Dr. Abdul Manan Ismail

**PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN SISWA**  
Dr. Ummi Salwa Ahmad Bustamam

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN**  
Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan

**PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI DAN  
PENGKOMERSILAN**  
Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman  
Hj. Awangku Yussuf

**INFAD**  
Dr. Irwan Mohd Subri

**IHRAM**  
Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim

**IFWMI**  
Dr. Norhazlina Ibrahim

**ACREDA**  
Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani

**PUSAT PERMATA INSAN**  
Prof. Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim

**PUSAT PERANCANGAN KORPORAT DAN  
PENGURUSAN KUALITI**  
Dr. Mohd Azman Hashim@Ismail



# STRUKTUR ORGANISASI USIM

## TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

### PUSAT SOKONGAN & KHIDMAT AKADEMIK

Bahagian Pengurusan Akademik  
Pusat Pengajian Siswazah  
Pusat Perhubungan Antarabangsa

### FAKULTI & PUSAT PEMBELAJARAN

Fakulti Pengajian Quran & Sunnah	Fakulti Sains & Teknologi
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan
Fakulti Syariah & Undang-undang	Fakulti Pergigian
Fakulti Ekonomi & Muamalat	Fakulti Pengajian Bahasa Utama Pusat Tamhidi

### PUSAT KECEMERLANGAN AKADEMIK

- Pusat Pengajian Teras
- Pusat Inovasi Pembelajaran & Pengajaran
- Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global (GOALS)
- Pusat Permata Insan

## TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

### BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

### PUSAT SUKAN

### PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAANAN SISWA

### PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH

### PUSAT ISLAM USIM

### PUSAT KEBUDAYAAN USIM

## DEKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

### PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI & PENGKOMERSILAN

### BAHAGIAN PENERBITAN

### PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN


Institut Pengurusan & Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Institut Pengurusan & Penyelidikan Halal (IHRAM)

Institut Pengurusan Harta & Kewangan Islam (IFWMI)

Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA)

Institut Sains Islam (ISI)





# integrasi ilmu NAQLI & AQLI

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah sebuah institusi Pengajian Tinggi Awam ke-12 di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan seimbang antara aspek mental, fizikal dan rohani, USIM menekankan perspektif pendidikan yang menyeluruh ke arah penyatuan ilmu Naqli (wahyu) dan Aqli (rasional) selaras dengan falsafah, misi dan visi universiti. Penawaran model pendidikan yang unik ini membezakan USIM daripada universiti lain di seluruh dunia.

Graduan USIM yang dibentuk berdasarkan paduan ilmu wahyu dan rasional ini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai tenaga kerja profesional yang efektif, tetapi pada masa yang sama bersedia untuk menyumbang dan membuat perubahan kepada masyarakat. Selain bersedia dalam menghadapi cabaran global semasa, graduan USIM yang dilengkapi dengan kesepaduan antara teori dan amali juga mampu melahirkan idea dan penyelesaian yang relevan dalam menangani permasalahan ummah dan manusia sejagat.



# MOTO

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa.

# FALSAFAH

Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

# VISI

Mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

# MISI

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan yang berteraskan pengajian Islam dan menjadi peneraju ilmu baharu yang menggunakan teknologi terkini bagi menghasilkan inovasi yang mampu mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat.

# TEMA

Mempelopori Sains Islam • Memimpin Keilmuan

# OBJEKTIF


- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadau, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.



### SOROTAN 2014

Alhamdulillah, laporan tahunan USIM 2014 telah berjaya diterbitkan dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah serta ucapan terima kasih kepada semua staf USIM yang bertungkus-lumus dalam memberikan komitmen dan kerjasama yang baik untuk menerbitkan laporan ini.

Tahun 2014 meninggalkan pelbagai memori indah dan kejayaan USIM samada di peringkat kebangsaan maupun di peringkat antarabangsa. Suka saya mengulangi semula beberapa pencapaian tersebut kerana ia merupakan satu penzahiran penghargaan, dan terima kasih saya secara peribadi di atas komitmen dan kerja keras semua pihak sehingga berjaya mengharumkan nama USIM. Selain itu, ia merupakan satu motivasi agar lebih banyak lagi pencapaian yang membanggakan boleh kita perolehi pada tahun akan datang untuk menjadikan USIM lebih cemerlang.



## PENCAPAIAN INSTITUSI

USIM menerima khabar gembira apabila diberi status autonomi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana majlis penyerahan status autonomi telah diadakan pada Majlis Amanat Tahun Baharu YAB Menteri Pendidikan Malaysia merangkap Timbalan Perdana Menteri pada 16 Januari 2015 di Putrajaya yang meliputi empat komponen iaitu governan, kewangan dan penjanaan pendapatan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan akademik dan kemasukan pelajar.

Dengan status autonomi ini, peranan dan kuasa Universiti dalam membuat keputusan menjadi lebih luas. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bersama-sama sumber-sumber kuasa Universiti seperti Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan Senat diberi mandat untuk membuat keputusan secara kolektif bagi menetapkan halatuju Universiti. Status ini memberi ruang kepada USIM untuk bergerak ke hadapan dengan lebih terbuka dan seterusnya memacu *niche* yang telah digagaskan secara progresif.

Status autonomi yang diterima ini perlu dihayati oleh semua lapisan warga USIM; kakitangan dan pelajar. Ianya bukan agenda LPU atau JKPU, tetapi adalah agenda Universiti. Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPPK) akan mengambil langkah proaktif untuk memberi pencerahan berkenaan status autonomi ini kepada semua warga USIM untuk memastikan semua lapisan warga USIM cakna mengenai bidang kuasa autonomi dan mampu membuat perancangan sewajarnya.

USIM juga untuk kali kedua, telah memperolehi penarafan *Tier 5* dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2013 (SETARA'13) oleh MQA yang diumumkan pada 17 November 2014. Memperolehi *Tier 5* (pencapaian tertinggi adalah *Tier 6*) meletakkan USIM pada kedudukan “CEMERLANG” di antara 53 Universiti dan Kolej Universiti yang dinilai. Tiada mana-mana Universiti/Kolej Universiti yang memperolehi *Tier 6*, namun, iltizam USIM adalah ke arah itu. Penarafan ini meletakkan USIM duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan IPT lain yang jauh lebih ‘senior’ berbanding USIM seperti universiti APEX dan universiti-universiti penyelidikan di Malaysia.

Jabatan Bendahari juga telah menunjukkan prestasi yang cemerlang kerana telah dianugerahkan “Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2011 dan 2013” untuk 2 kali berturut-turut dengan memperolehi prestasi cemerlang 4 bintang iaitu pencapaian tertinggi dalam penarafan indeks berkenaan. Penarafan indeks tersebut mula diperkenalkan pada tahun 2007 bertujuan untuk membudayakan pematuhan undang-undang dan peraturan serta menambah baik prestasi pengurusan kewangan agensi awam di peringkat persekutuan dan negeri. Dengan adanya penarafan ini, pengurusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan sektor awam dapat dipertingkatkan ke tahap yang tinggi selain pembudayaan kerja yang berasaskan amalan terbaik. Mulai tahun 2015, Jabatan Bendahari akan menggunakan sistem pengurusan kewangan yang baru iaitu sistem Al-Maliyah Versi 2 (AMV2). Sistem ini akan menambahkan lagi kecekapan pengurusan kewangan Universiti, dan semua isu-isu berkaitan kewangan akan dapat diatasi. InshaAllah.



## USIM lecturer to be Fulbright visiting scholar

**NILAI:** Universiti Sains Islam Malaysia's (USIM) Shariah and Law faculty senior lecturer Dr Zulkifli Hasan has been selected as the sole Malaysian representative for the Fulbright United States-Asian Visiting Scholar initiative.

Zulkifli will join eight other Asean academics in the one-on-one programme, sponsored by the US State Department.

As visiting scholars, Zulkifli will be placed in an American university for four months, from September to December, during which he will conduct research on legal and financial issues between the US and Asean.

Zulkifli thanked the Fulbright US-Asean Initiative for giving him the opportunity to participate in the programme, which would provide a platform to his alma mater.

The initiative, then US Secretary of State Hillary Clinton, aims to strengthen Asean-US relations through education and exchange programmes.

The I

ded by

bright



Dr Zulkifli Hasan says he is grateful for the opportunity to participate in the Fulbright US-Asean Initiative

### Universiti Rusia iktiraf kepakaran Pensyarah Kanan USIM

SEREMBAN 12 DESEMBER - Penganugerahan Kesenian Pakatan Rakyat dan Undang-undang (GSPU) di Universiti Malaysia (UM), Dr. Mohd. Hassan Md. Yusof, selaku Profesor Pengajar Terwakil (PPTU), Vladivostor Federal University (VFTU), Rusia, telah dilantik sebagai pakar dalam bidang undang-undang dan hukum.

Pemilihan Dr. Mohd. Hassan

sebagai pakar dalam bidang undang-undang dan hukum berdasarkan

ketulungan akademik dalam

berkaitan dengan undang-undang

dan hukum antarabangsa.

Menurut Dr. Mohd. Hassan, dia

akan berlakukannya pelajar

universiti bagi mendapatkan

kepelbagaian pengetahuan

yang luas dan mendalam

sejajar dengan keperluan

pasaran kerja di negara ini.

Dr. Mohd. Hassan telah berada

di Rusia sejak 1 Disember lalu

hingga kini dan semoga dia

pada minit-minit mendatang

dapat menghadiri sambutan

kepada pelajar dan

staf universiti yang diadakan

di Universiti

Rusia pada 20 Disember ini.

Dr. Mohd. Hassan

merupakan ahli akademik

dan penulis buku

yang banyak

ditulis dalam undang-

undang dan hukum

antarabangsa.

Dr. Mohd. Hassan

merupakan ahli akademik

dan penulis buku

yang banyak



dari petjar di sana. Sesudah itu, beliau juga diminta untuk menyampaikan beberapa undang-undang pelajaran Sarjana Muda Undang-undang dan hukum dan turut memberi disempron menarik tentang undang-undang pelajaran Sarjana Muda Undang-undang.

Dr. Mohd. Hassan

menyampaikan bahawa

undang-undang dan hukum

ialah subjek yang penting

dan perlu dipelajari oleh

pelajar-pelajar

yang bertujuan untuk

membentuk individu

yang berkualiti dan

berbakat.

Dr. Mohd. Hassan

menyampaikan bahawa

undang-undang dan hukum

ialah subjek yang penting

dan perlu dipelajari oleh

pelajar-pelajar

yang bertujuan untuk

membentuk individu

yang berkualiti dan

berbakat.

Dr. Mohd. Hassan

merupakan ahli akademik

dan penulis buku

yang banyak

ditulis dalam undang-

undang dan hukum

antarabangsa.

Dr. Mohd. Hassan



## PENGIKTIRAFAN FIGURA

Ahli akademik USIM, Dr. Zulkifli Hasan, Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengharumkan nama USIM apabila muncul sebagai satu-satunya calon Malaysia yang terpilih menjadi Sarjana Pelawat Fulbright U.S.-ASEAN di bawah *Fulbright U.S.-ASEAN Initiative* yang mendapat tajaan Jabatan Negara Amerika Syarikat (*U.S Department of State*). Beliau ditempatkan di *Fordham Law School, Fordham University*, New York, Amerika Syarikat selama empat bulan bermula September hingga Disember 2014 di mana beliau telah menjalankan penyelidikan berkaitan isu-isu perundangan dan kewangan Islam antara Amerika Syarikat dan negara ASEAN.

Di peringkat nasional, saudara Iqmal Hisham Kamaruddin, pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian di Fakulti Ekonomi Muamalat (FEM) yang juga merupakan penerima Anugerah Pelajaran Diraja-Pingat Jaya Cemerlang pada Majlis Konvokesyen USIM Kali ke-12 turut mengharumkan nama USIM apabila dianugerahkan Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan Kategori Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik 2013 dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau juga telah mewakili USIM ke Program Jejak Mahasiswa Ke Parlimen 2014 dan terakhir, mewakili Malaysia ke *World Heritage Youth Forum Qatar* 2014.

## KOLEJ PERMATA INSAN USIM

USIM merupakan peneraju bagi program PERMATA Insan yang dinaungi oleh program PERMATA Negara. Pembinaan Kolej PERMATA Insan USIM sedang giat diusahakan di mana fasa pertama Kolej PERMATA Insan dijangka akan siap pada Disember 2014. Dijangka juga bahawa pengambilan batch pertama Kolej Permata Insan adalah pada Januari 2015. Kolej ini adalah kolej kedua selepas Kolej PERMATA Pintar di UKM yang ditubuhkan di dalam Universiti dengan kurikulum integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Ini merupakan usaha berterusan USIM untuk meneruskan kelangsungan pendidikan berdasarkan kurikulum integrasi Naqli dan Aqli di peringkat sekolah rendah, menengah, matrikulasi dan seterusnya di peringkat sarjana muda, sarjana dan PhD. Suasana pembelajaran kolej di Universiti memberi peluang kepada pelajar pintar ini untuk menggunakan segala prasarana pengajaran dan pembelajaran di Universiti di samping untuk mereka merujuk para profesor yang ada di Universiti.

Saya amat yakin, dengan menempatkan secara berpusat anak-anak ini di dalam kolej, akan lebih banyak kejayaan cemerlang yang akan diukir pada masa akan datang. Pada tahun 2014, anak-anak PERMATA Insan USIM begitu menyerlah di persada antarabangsa apabila penyertaan mereka di *World Creativity Festival 2014 : Sharing Wisdom di Korean Advanced Institute of Science and Technology (KAIST)* telah mendapat beberapa anugerah seperti *Special Award on Virtual Reality on short term problem*

solving contest, Bronze Medal for students Long Term Thesis (Presentation of The Dabai's Face Mask) dan Silver Medal for students Long Term Thesis (Presentation on The Usage of Belimbing Buloh).

## PENGITIRAFAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Jika pada tahun 2013, buat pertama kalinya penyelidik muda USIM berjaya dengan cemerlang di arena *British Invention Show (BIS)*, kecemerlangan tersebut diteruskan pada tahun 2014 di mana dua pasukan penyelidik muda (pelajar pra-siswazah) daripada Fakulti Sains dan Teknologi, sekali lagi meletakkan nama USIM dan Malaysia di Kota London pada pentas BIS edisi 2014 dengan merangkul 2 pingat emas menerusi produk “*Novel Green Active Nanofiltration GANF*” yang berfungsi sebagai komponen penapis untuk kegunaan industri tekstil dan pingat perak bagi produk “*Crushy Energy Bar*” iaitu pemakanan tinggi serat menggantikan makanan ringan dan cukup kecil untuk dimasukkan ke dalam poket. Lebih manis, produk “*Novel Green Active Nanofiltration GANF*” juga dianugerahkan “*Special Double Gold Award*” dan “*Diploma Of Excellence For Promotion Of Creativity From Romanian Inventors Forum*”.

Kecemerlangan USIM menerusi penyelidikan dapat ditonjolkan menerusi kemenangan dalam pameran penyelidikan 25<sup>th</sup> *International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2014)* yang berlangsung pada 8-10 Mei 2014 di KLCC apabila USIM dapat merangkul tiga (3) pingat emas bagi produk bertajuk EZCert, ITAG V1.0 dan *Novel Narrow-Pores Active Ultrafiltration (NPA-UF)* for *Bio-Industry* manakala pingat perak dimenangi oleh produk *I-LEGACY* hasil ciptaan penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi.

Selain kejayaan dalam bidang penyelidikan dan penghasilan inovasi, penerbitan USIM juga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Tahun 2014 telah mencatatkan sebanyak 182 penerbitan jurnal berindeks ISI, Scopus dan ERA. Ini menunjukkan peningkatan kualiti penyelidikan di USIM. Untuk meneruskan kelangsungan kecemerlangan penerbitan ini, saya memohon kepada semua ahli akademik agar menggunakan segala prasarana yang telah disediakan bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan di USIM bagi mencapai matlamat untuk menghasilkan penyelidikan yang relevan kepada industri dan dimanfaatkan untuk kesejahteraan ummah.

Sebagai usaha untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, USIM juga giat mendapatkan dana menerusi *endowment* bagi menubuhkan kursi-kursi akademik. Pada 15 Oktober 2014, Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin yang dibiayai oleh Yayasan Nurul Yaqeen telah dilancarkan. Majlis pelancaran Kursi tersebut yang dibiayai dengan dana berjumlah RM500,000.00 telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj





Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan Malaysia yang juga penaung kepada Yayasan Nurul Yaqeen. Kursi ini merupakan kursi akademik yang kedua setelah Kursi Akademik Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam di Fakulti Ekonomi dan Muamalat. In-sya-Allah, USIM akan mendapat dua (2) lagi kursi akademik iaitu Kursi Profesor Syariah dan Undang-Undang serta Kursi Profesor Kajian Fatwa yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

## JARINGAN KERJASAMA USIM DAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Keakraban USIM bersama kerajaan Negeri Sembilan terserlah dengan beberapa projek kerjasama yang dijalankan bersama. Sebagai Menteri Mentor USIM, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan sentiasa memberikan sokongan pada aktiviti yang diadakan di USIM. Sepanjang tahun 2014, USIM telah berjaya melaksanakan lebih daripada 50 aktiviti tanggungjawab sosial (CSR) di semenanjung Malaysia khususnya di Negeri Sembilan. Sebagai satu-satunya IPTA yang bertapak di Negeri Sembilan ini, adalah amat wajar USIM memberi manfaat kepada warga setempat sebagai menyahut saranan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

sendiri agar "Pokok yang ditanam di Negeri Sembilan, biarlah sebahagian besar buahnya jatuh di Negeri Sembilan juga". Antara aktiviti khidmat masyarakat yang telah dianjurkan adalah seperti Kempen Derma Darah Perdana Bersama Hospital Tunku Jaafar Seremban, Program Belia Islam Selamat dan Sejahtera (BLISS) di Nilai, Khidmat Komuniti Orang Asli di Kampung Ulu Chembong Rembau Negeri Sembilan dan Program Kembara Kembara Sahur di sekitar rumah anak yatim di Sendayan dan Panchor Negeri Sembilan.

Tahun 2015 juga bakal memperlihatkan Klinik Pakar USIM akan mula beroperasi di mana klinik pakar ini bakal menawarkan perkhidmatan kepada lebih daripada 200,000 orang komuniti setempat di Nilai. Penubuhan klinik ini adalah kesinambungan daripada memorandum persefahaman (MoU) yang termetrai di antara USIM dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada 21 Januari 2014. Melalui kerjasama itu, USIM diberi kepercayaan oleh MAINS untuk mengurus dan membangunkan dana wakaf dan mengagihkan manfaat kepada golongan sasaran yang dihasratkan oleh wakif (orang yang mewakafkan). Klinik pakar ini akan menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pergigian dan rawatan pesakit luar yang dikendalikan oleh khidmat profesional, termasuk doktor-doktor pakar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM. Melihat

kepada penglibatan-penglibatan USIM di dalam libatsama komuniti ini, saya mengharapkan ia dapat ditingkatkan lagi dari segi kuantiti program libatsama serta kualiti program yang diadakan. Saya percaya, ini adalah satu aspek *soft power* (kuasa lunak) yang sangat berkesan supaya USIM berbekas di hati masyarakat.

Tidak menghadkan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan dengan penduduk setempat atau di dalam negara sahaja, USIM, khususnya dalam usaha untuk menjadikan pelajar USIM sebagai *Global Citizen*, juga cakna dan prihatin dengan keadaan masyarakat yang kurang berasib baik di luar negara seperti di Laos, China, Thailand dan Kemboja menerusi penganjuran program *signature* USIM iaitu *Global Islamic Student Outreach* (GISO).

GISO juga merupakan salah satu platform bagi mengantara bangsa kan pelajar di mana selain mendedahkan pelajar dengan budaya masyarakat luar, ia turut mempromosikan USIM di peringkat global. Sebanyak lebih daripada 30 negara telah dilawati menerusi program GISO antaranya Jepun, Korea Selatan, China, England, Mauritius, Brunei, Indonesia, Singapura, Thailand, Laos, Vietnam, Kemboja, England dan India. Melihat kesungguhan dan keperihatinan pelajar-pelajar ini dalam menggerakan aktiviti pelajar, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah menyumbangkan sejumlah RM800,000.00 kepada USIM yang telah disumbangkan pada tahun sebelum ini. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan kepada pelajar USIM untuk terus berbakti kepada masyarakat.

## **VOLUNTEERISM DAN COMMUNITY SERVICES**

Pelajar USIM juga aktif di dalam penyertaan program kesukarelawanan di peringkat antarabangsa. Misi Sukarelawan Siswa ke Luang Prabang, Laos anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) adalah program khusus di mana seramai tiga orang pelajar USIM adalah di antara 20 orang yang terpilih daripada sejumlah 200 orang calon mahasiswa yang memohon untuk mengikuti misi ini. Tiga (3) orang pelajar USIM yang terpilih menyertai YSS ini iaitu Nur Ain Zakiah daripada Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Nurathiqah Fadzil daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dan Ammar Iqram daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) di Luang Prabang yang memfokuskan kepada kluster pendidikan di mana para sukarelawan telah diberikan peluang untuk menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran seperti Bahasa Inggeris, *Fun Learning*, pendidikan kesihatan dan kemahiran atasas ICT.

Di peringkat institusi, USIM terus memperkasakan hubungan kerjasama yang bermula sejak tahun 2008 dengan Jabatan Penjara Malaysia menerusi penganjuran CIPTA iaitu pertandingan mencipta lagu patriotik sempena



Usim, Mains bangunkan pusat perubatan

SEREMBAN – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) dalam usaha membina klinik polair dan pusat hemodialisis.

Dalam MoU itu, sebanyak RM2 juta diperuntukan untuk pembinaan Klinik Pakar Kesihatan Usim di Nilai Square, manakala RM1.5 juta bagi pembinaan Pusat Hemodialisis Usim-Mains.

Menteri Besar Mohamad Hasan berkata, kerjasama piawai antara Usim dan Mains itu merupakan satu-satu-




Nah Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Asma Odri (kanan) bersama disaksikan Mohamad dan

an wakaf di negeri ini.

naga kepalanannya, maka meranc





Kemerdekaan. Walaupun telah diadakan sebanyak lima (5) kali, penganjuran CIPTA bagi edisi 2014 telah mendapat liputan oleh RTM dan telah disiarkan di kaca televisyen semasa sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2014. Untuk memperluaskan penglibatan USIM dalam program pemulihan banduan, pengurusan USIM telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi ramah mesra bersama Komisioner Jeneral Penjara, Jabatan Penjara Malaysia. Saya secara peribadi melihat banyak peluang kerjasama yang boleh dijalankan antara kedua-dua belah pihak dan akan memanggil beberapa PTJ yang berkaitan untuk menggerakkan kerjasama ini. Antara program kerjasama yang dicadangkan adalah penawaran program pengajian akademik USIM atas talian kepada banduan dan penyelidikan dalam bidang penyelidikan dadah.

## PENGIKTIRAFAN DAN PENJENAMAAN (BRANDING)

USIM terus mendapat liputan meluas oleh media elektronik dan media cetak di seluruh negara. Pada tahun 2013 yang lalu, jumlah paparan berita berkaitan USIM di dalam akhbar adalah sebanyak 838 dengan PR Value mencapai RM 22,976,199. Namun pada tahun 2014, jumlah keratan akhbar mengenai USIM telah mencecah 1424 dengan PR Value sebanyak RM32,826948. Ia menunjukkan peningkatan jumlah artikel sebanyak 586 dan peningkatan terhadap PR value sebanyak RM 9.9 juta. Ini bermakna pada tahun 2014 sahaja, sebanyak 117 artikel berkaitan USIM dipaparkan dalam bentuk berita di media cetak dan media elektronik setiap bulan, atau 3.9 artikel setiap hari. Lebih menarik, pada

suku terakhir tahun 2014, laporan daripada syarikat pemantauan media antarabangsa, Isentia, menunjukkan jumlah artikel yang memaparkan brand USIM di media cetak dan media elektronik berjaya mengatasi banyak universiti awam negara yang telah lama kukuh lain. Ini membuktikan bahawa mesej berkaitan keunikan dan kelebihan USIM sebagai institusi yang mempelopori integrasi ilmu Naqli dan Aqli semakin diketahui umum. Ini menunjukkan sokongan media yang tidak berbelah bahagi terhadap USIM.

Dalam usaha menghargai sokongan media terhadap USIM, satu Majlis Makan Malam Bersama Media telah diadakan pada tahun lepas. InshaAllah, USIM akan terus menjalin kerjasama baik dengan pihak media dan berkongsi bersama mereka falsafah pendidikan USIM yang unik dan berbeza untuk dihayati bersama oleh masyarakat di Malaysia. USIM turut mula mendapat perhatian media serantau dan media global. Pada tahun 2013 dan 2014 sebanyak 66 artikel berkaitan USIM diterbitkan di media global antaranya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Oman, Nigeria, Thailand, China, Indonesia, Bangladesh, Sri Lanka dan Brunei. Ini membuktikan bahawa kredibiliti USIM sudah dirasai di peringkat serantau dan global.

## KELESTARIAN KAMPUS

Pada akhir tahun 2014, USIM telah mendapat tempat dan kedudukan pada nombor 235 daripada 360 universiti dan 62 buah negara berdasarkan kelestarian kampus dan pengurusan persekitaran dalam UI-Greenmetric World University Ranking. Ini merupakan percubaan pertama USIM bagi menilai sejauh mana

kelestarian kampus dan pengurusan persekitaran yang telah USIM laksanakan dengan mengambil kira beberapa penambahbaikan termasuk pembersihan tasik dan mewujudkan trek jogging dan berbasikal di sekitar kampus.

Ruang-ruang ini di wujudkan untuk meningkatkan tahap kesihatan kepada pengguna melalui aktiviti sihat di kalangan warga kampus. Antara inisiatif yang dilaksanakan Pihak Universiti melalui Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) bagi menjadikan sebuah universiti yang mempunyai ekosistem yang sejahtera adalah seperti pembersihan cerun dan kolam, penanaman landskap lembut (pokok bernilai estetika, pokok buah), pembinaan laluan berbasikal, pembinaan wakaf yang mempunyai kemudahan wifi serta pembekalan dan pemasangan lampu solar.

mengekalkan bakat yang terbaik dan memindahkan ilmu untuk membawa perubahan yang lestari kepada masyarakat. Semoga hasrat USIM untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli diperingkat serantau menjelang tahun 2016 dan di peringkat global menjelang tahun 2025 termakbul dan dipermudahkan oleh Yang Maha Esa. Amin.

## AGENDA USIM 2016 : MASA DEPAN

### USIM

Pada tahun 2014, USIM akan bergerak untuk menjajar dan memantapkan 6 bidang iaitu penjenamaan (*Branding*), Bakat (*Talent*), Kurikulum, Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan dan Governan. Pelan strategik USIM telah mengenalpasti 18 *output* yang merangkumi keperluan universiti, KPM dan LPU yang akan membawa 3 *outcomes* iaitu *3R, Global Reference University for the Integration of Naqli and Aqli Knowledge and Being No. 1 in the Hearts and Minds of the People*. Justeru, menjelang tahun 2016 untuk USIM bertekad untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Naqli dan Aqli diperingkat serantau disamping terus komited untuk melahirkan graduan yang seimbang dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, menyediakan kurikulum Naqli dan Aqli yang unik, melakukan penyelidikan yang relevan pada industri dan mampu membantu kesejahteraan hidup rakyat dan ummah, berusaha ke arah kelestarian kewangan, memberi perkhidmatan ke arah pematuhan syariah, menyediakan governan untuk menarik dan

# BAKAT DAN IKON



USIM menghargai bakat dan kompetensi warganya sebagai aset universiti yang tidak ternilai harganya. Tahun 2014 menyaksikan pencapaian cemerlang kakitangan dan pelajarnya dalam pelbagai bidang. Kejayaan mereka boleh dijadikan model untuk semua. Mereka ialah ikon USIM.



-YBhg. Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

## PENGIFTIRAFAN DAN RUJUKAN

### Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad (F.A.Sc)

Naib Canselor ke-4 USIM dilantik sebagai Felo di Akademi Sains Malaysia (ASM) iaitu satu pengiktirafan yang berprestij bagi ahli akademik. Ini adalah satu penghormatan kepada beliau atas sumbangan dalam bidang sains dan teknologi. Dato' Musa mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi sensor kimia dan biosensor. Sebagai Felo ASM, beliau akan membantu dalam membangunkan dan mempromosikan perkembangan Sains dan Teknologi di Malaysia ini melalui kepakaran yang ada.

### Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) menerima anugerah *The Brand Laureate Most Eminent Brand Icon Leadership Award 2014* daripada *Asia Pacific Brands Foundation* (APBF) pada 6 November 2014. Anugerah ini diberikan atas sumbangan beliau dalam dalam kepimpinan dunia akademik di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Beliau merupakan Presiden, *International Association of Universities* yang berpangkalan di Paris, Perancis, Felo Akademi Sains Malaysia, ahli *World Academy of Art and Sciences* dan *Malaysian Institute of Malaysia*.

### Dr. Zulkifli Hasan

Dr. Zulkifli Hasan, Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) terpilih bersama lapan ahli akademik lain sebagai Sarjana Pelawat *Fulbright U.S.-ASEAN* yang merupakan salah satu program di bawah *Fulbright U.S.-ASEAN Initiative* tajaan Jabatan Negara Amerika Syarikat (*U.S Department of State*). Dr Zulkifli Hasan merupakan satu-satunya calon daripada Malaysia yang terpilih sebagai Sarjana Pelawat *Fulbright US-ASEAN* dan ditempatkan di Fordham Law School, Fordham University, New York, USA dari September hingga Disember 2014 di mana beliau telah menjalankan penyelidikan berkaitan isu-isu perundungan dan kewangan Islam antara Amerika Syarikat dan Negara ASEAN.

Seorang lagi pakar akademik USIM Prof. Dr Norita Md Norawi daripada Fakulti Sains dan Teknologi telah dilantik sebagai Profesor Pelawat di Faculty of Computer Engineering, Taskent University of Technology, Samarkand, Uzbekistan pada 5-20 September 2014.

Selain itu, pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang undang, Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli turut dijemput menjadi Profesor Pelawat di Far Eastern Federal University, Vladivostok Rusia berdasarkan kepakaran akademik beliau dalam bidang undang undang laut antarabangsa.



YBhg. Dr. Zulkifli Hasan,  
Pensyarah Kanan, FSU

### Profesor Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dipilih menerima Anugerah Khas oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan Anugerah Kertas Kerja Terbaik bertajuk Sumbangan Ulama Perak Dalam Pentafsiran Al-Quran: Kajian Perbandingan antara Abdul Aziz Salam (M1978) dan Mustafa Abdul Rahman (M.1968).

### Anuar Hasin

Tutor di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), menjadi johan dalam Tilawah Al Quran: ASEAN Al-Quran Reciters Competition di Bangkok, Thailand yang telah diadakan pada 15-23 Mac 2014.

### Mohd Nurhakimi Md Yaman

Penolong Pendaftar di Pusat Tamhidi, USIM memenangi tempat kedua Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKNN) dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia pada 18 Oktober 2014.

### Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), USIM menerima pengiktirafan sebagai *The Best Educational Institution in Islamic Business* oleh Asian Leadership Awards (ALA) pada 24 September 2014 di Dubai.

### Jabatan Bendahari USIM

Jabatan Bendahari USIM menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2011 dan 2013. Jabatan Bendahari memperoleh prestasi cemerlang 4 bintang iaitu pencapaian tertinggi dalam penarafan Indeks Akauntabiliti pengurusan kewangan kerajaan selama 2 siri berturut-turut. Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti yang diperkenalkan bagi tahun kewangan 2007 bertujuan untuk membudayakan pematuhan undang-undang dan peraturan serta menambah baik prestasi pengurusan kewangan kementerian/ jabatan/ agensi di peringkat persekutuan dan negeri. Dengan adanya penarafan ini, pengurusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan sektor awam dapat dipertingkatkan ke tahap yang tinggi selain pembudayaan kerja yang berdasarkan amalan terbaik. Implikasi penarafan Indeks Akauntabiliti ini juga dapat meningkatkan persepsi dan keyakinan awam terhadap tatacara pengurusan dan penggunaan wang awam yang dilaksanakan oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.



Anuar Hasin,  
Tutor, FPQS



Majlis Penutup i-INOVA'14 oleh YB.  
Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah

## KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### *25Th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (I-Tex'2014)*

Produk 'EZCERT' ciptaan Dr Madiah Mohd Saudi (FST), produk ITAG V1.0 oleh Prof Madya Dr Norita Md Norwawi (FST), dan produk 'Ultrafiltration (NPA-UF) for Bio-Industry' oleh Dr Abdul Rahman Hassan memenangi pingat Emas dalam *25th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (I-TEX'2014)*

### *Ekspo Inovasi Islam ke-5 (i-INOVA'14)*

USIM memenangi 30 Pingat iaitu 8 Pingat Emas, 7 Pingat Perak dan 15 Pingat Gangsa pada Ekspo Inovasi Islam ke 5 (i-INOVA) yang telah diadakan pada 29-30 November

2014 bertempat di Dewan Besar, USIM. Selain itu juga, USIM berjaya memenangi beberapa anugerah utama seperti Anugerah Inovasi Islam, Anugerah Ibnu Sina, dan Anugerah Al-Khawrizmi.

### *Pameran Penyelidikan International Exposition on Syariah Compliant Idea, Invention, Innovation and Design (ISCIID 2014)*

Penyelidik USIM yang terdiri daripada pensyarah dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) berjaya memenangi 2 pingat perak dalam Pameran Penyelidikan *International Exposition on Syariah Compliant Idea, Invention, Innovation and Design (ISCIID 2014)* yang telah diadakan pada 26-27 November 2014 di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam melalui produk My-EMA (Enterpreneuership Monitoring Apps). Ia adalah hasil

ciptaan kumpulan kakitangan akademik USIM iaitu Dr. Azman Abd Rahman, Mohammad Noorizuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Muhd Fuzi, Mohd Faez Abu Bakar dan Dr. Mohd Yazis Ali Basah. Manakala produk *Faraidys: Towards Syariah Compliant in Faraid Systems* dicipta oleh pensyarah dari Fakulti Quran dan Sunah yang terdiri daripada Dr. Mohd Fadzli Marhusin, Zahari Maahad Musa dan Dr. Azman Abd Rahman.

### *National University Carnival on e-Learning 2014 (NUCeL 2014)*

Penyertaan sulung USIM dalam *National University Carnival On e-Learning 2014 (NUCeL 2014)* yang diadakan pada 14-15 November 2014 bertempat di Pusat Konvensyen, Shah Alam membuatkan hasil apabila memenangi 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 pingat gangsa. Pingat emas dimenangi produk Ilmu



Tajwid Asas Atas Talian. Manakala pingat perak melalui produk ‘Online Distance Learning Module-Research Methodology’ dan ‘Online Distance Learning Module-Data Analysis’. Pingat gangsa pula melalui produk ‘A New Instructional Design Model for Java Learning online’.

#### **Novel Research and Innovation Competition (NRIC 2014)**

USIM memenangi sebanyak 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 4 pingat gangsa dalam *Novel Research and Innovation Competition (NRIC 2014)* yang telah diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 19-23 Ogos 2014. Pingat emas telah dimenangi melalui produk ‘Crushy Snack Bar’ yang turut memenangi anugerah ‘Special Award for Social Impact’. Produk lain yang turut memenangi pingat emas ialah ‘Novel Active Membrane for Dyes’.

#### **British Invention Show (BIS) 2014**

Pameran Inovasi British (BIS) telah diadakan di *Barbican Exhibition Centre*, London, pada 22 Oktober hingga 25 Oktober 2014. Pelajar USIM berjaya memenangi dua pingat emas dan satu pingat perak. Pingat emas diraih melalui produk ‘Novel Active

Membrane for Dyes Wastewater’ (ANF Membran) yang dicipta oleh Kumpulan IMTL. Produk ini turut memenangi ‘Gold Medal for Best Invention of The Year’ dan ‘Special Double Gold Award Invention of The Year’. Manakala pingat perak pula dimenangi bagi produk ‘Crushy Snack Bar’ yang dicipta oleh kumpulan Authen6.

#### **MAHASISWA KEBANGGAAN**

##### **Anugerah Pelajaran Diraja**

Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dan Noor Syuhadah Sudiro, graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen tahun 2014. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan kecemerlangan dalam bidang akademik, aktif dalam ko-kurikulum, menyumbang bakti kepada masyarakat di samping mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan sifat-sifat keperibadian yang mulia.



Noor Syuhadah Sudiro  
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian  
Penerima Anugerah Pelajaran Diraja



Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin  
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian  
Penerima Anugerah Pelajaran Diraja

### Anugerah Tokoh Siswa

Pada Majlis Penyampaian Anugerah Tokoh Siswa yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2013 yang diadakan pada 1 Mac 2014 bertempat di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, USIM telah berjaya menggondol Anugerah Pemimpin Kelab/Persatuan Terbaik yang dimenangi oleh Arraratnasari Kachong Maa'arof, pelajar tahun empat, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Selain itu, USIM turut menerima Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik menerusi Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, pelajar tahun empat, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM).

### Anugerah Ikon Varsiti Berita Harian

Pada tahun 2014, USIM telah berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori Inovasi (Berkumpulan), IKON Varsiti Berita Harian menerusi Kumpulan De Noona's. Kemenangan ini membolehkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000 dan trofi. Selain itu, USIM turut menerima hadiah saguhati bagi kategori Khidmat Sosial (Berkumpulan) menerusi Urusetia Latihan Pembangunan Mahasiswa (UPLM) dan juga kategori Inovasi (Berkumpulan) menerusi kumpulan 'The Bambusia'.

### Pemenang Anugerah Tilawah Al-Quran

Muhammad Husaini Mahmur, pelajar tahun tiga, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) berjaya menjadi johan Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan sempena Festival Belia Putrajaya 2014. Selain itu juga, beliau turut menjadi Naib Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan.

### Pertandingan Debat Piala Ketua Hakim Negara 2014

Pasukan Debat daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), USIM berjaya memenangi Pertandingan Debat Piala Ketua Hakim Negara 2014 yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 24 April 2014. Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, pelajar tahun empat, Program Syariah dan Undang-Undang (FSU) dipilih sebagai Pendebat Terbaik.

### THE 10TH WORLD CREATIVITY FESTIVAL : Mind Frontier 2014

Pelajar dan kakitangan Pusat PERMATA Insan memenangi beberapa anugerah utama dalam *The 10th World Creativity Festival : Mind Frontier 2014* yang berlangsung pada 24 hingga 27 Oktober 2014 bertempat di KAIST (Korea Advanced Institute of Science and Technology), Daejeon, Republic of Korea. Berikut adalah anugerah yang diraih oleh mereka:



Penerima Anugerah Sukan MASUM tahun 2014

- i) Special Award on virtual reality short term problem solving contest oleh Muhammad Fakhrurrazi
- ii) Bronze Medal for students' long term thesis (*The Dabai's Face Mask*) oleh Uwais Al Qarni Yahya dan Muhammad Faris Daniel Azman
- iii) Silver medal for students' long term thesis (*The Usage of Belimbing Buloh*) oleh Muhammad Imran Ihtisyam Mohd Najid dan Fatin Nabilah Mohamed Sallehuddin
- iv) Bronze medal for short term project, Silver medal for elementary students' long term thesis, Special Awards for leadership in creativity dan Special Honour for creativity achievement dimenangi oleh Dr. Khairuneezam Mohd Noor
- v ) Bronze medal for students' long term thesis Special awards for leadership in creativity dimenangi oleh Amirah Zainun

#### **Pertandingan Sayembara Puisi MAKUM (Ikon Sasterawan Negara Usman Awang)**

Mohd Hanif Abdullah Jalil, pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang juga Urusetia Kesenian Pelajar, Pusat Kebudayaan, USIM menjadi johan dalam Pertandingan Sayembara Puisi Majlis Kebudayaan

Universiti Malaysia (MAKUM) (Ikon Sasterawan Negara Usman Awang) yang telah diadakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

#### **Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014**

Pasukan Pencak Silat, USIM membawa pulang 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa dalam Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014 yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi:

- Pingat Perak Kategori Olahraga Puteri (E): Ain Najwa Mohd Latif
- Pingat Gangsa Kategori Olahraga Puteri (B): Ily Izreen Mohamed Zaabah,
- Pingat Gangsa Kategori Olahraga Putera (A): Mohammad Asyraf Adnan

#### **IMPACT 2014 (Immersion Project, Appreciation and Tribute)**

Penyertaan USIM pada Program Immersion Project, Appreciation and Tribute (IMPACT) 2014 yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) membuatkan hasil apabila berjaya menenangi beberapa anugerah seperti berikut:



PERMATA Insan Cemerlang di World Creativity Festival 2014, Korea

i) Pertandingan Pengacaraan

- Johan, Muhamamad Ismat Salleh (FPBU, Tahun 3)
- Naib Johan, Muhammad Arif Che Soh (FKP, Tahun 2)

ii) Pertandingan Cerpen

- Johan, Nurul Nafisah Mohd Hisam (FKP, Tahun 2)

iii) Pertandingan Pengumuman Awam

- Naib Johan, Muhamad Nur Syazwan B Misran (FKP, Tahun 3)
- Tempat Ketiga, Nurul Nafisah Mohd Hisam (FKP, Tahun 2)

**Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Peringkat Kebangsaan kali ke-3 tahun 2014**

Pelajar tahun akhir, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) yang terdiri daripada Noor Elkamel Elias, Najihah Farhah Madon, Muna Majidah Zameram, Nasrul Hanif Ahmad Nasri dan Nur Izati Mohd Ijhar berjaya memenangi tempat ketiga dalam Simulasi Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Peringkat Kebangsaan Kali Ketiga 2014.

**Pertandingan Rube Goldberg Machine bersempena dengan MATEC'14**

Pasukan dari USIM memenangi tempat kedua dalam Pertandingan ‘Rube Golderberg’ yang diadakan bersempena dengan penganjuran MATEC’2014. Pertandingan diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 4-5 Disember 2014. Pelajar yang terlibat dalam pertandingan ini ialah:

- i) Muhammad Syakir Ahmad Zaki (FEM)
- ii) Mohd Norfaeezwan Buang (FPQS)
- iii) Habibah Ismail (FST)
- iv) Mohamad Zulfadli Shahbudin (FKP)
- v) Nur Hafizah Mohd Suhaimi (FPBU)
- vi) Navilah Mansyur (FSU)
- vii) Dr Sundresan a/l Perumal (Pengiring)

## BAKAT TERKEHADAPAN

### NUR EKMAL BUHARY

Nur Ekmal Buhary mula berkhidmat pada 2 April 2001 dan merupakan perintis kepada penubuhan Pusat Sukan di universiti. Beliau dilihat sebagai ikon dalam bidang sukan di USIM memandangkan penglibatan beliau dalam kemajuan dan perkembangan sukan hingga dilantik menjadi pengurus pasukan MASUM ke Sukan Universiti ASEAN di Filipina (2002), Indonesia (2004), Vietnam (2006) dan juga pengurus pasukan Taekwondo MASUM ke sukan universiti dunia di Bangkok (2007).

Selain itu, Nur Ekmal turut dilantik sebagai Urusetia Sukan Universiti Dunia China (2011), Laos (2012) dan juga Urusetia ke Sukan Universiti Dunia di Kazan, Rusia pada tahun 2013. Beliau juga merupakan Naib Presiden Persatuan Taekwondo Malaysia dari tahun 2007 hingga kini. Kecemerlangan yang ditunjukkan oleh beliau ini telah melayakkannya menerima pengiktirafan sebagai Pengurus Terbaik MASUM pada tahun 2007 dan Anugerah Sekalung Budi MASUM (2009). Pihak Universiti juga telah memberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2011.



Nur Ekmal Buhary  
Pegawai Sukan

### NOR AZZAH MOMIN

Nor Azzah binti Momin, Timbalan Pustakawan Kanan terlibat secara aktif dalam dunia penulisan dan sering dijemput sebagai penceramah dan pembentang kertas kerja berkaitan dengan bidang kepustakawan dan juga penulisan bab-bab dalam buku. Selain itu juga, beliau turut terlibat sebagai ketua kumpulan perintis pentadbiran universiti yang diberikan geran untuk menjalankan penyelidikan. Keistimewaananya semakin terserlah apabila beliau telah berjaya mendaftarkan dan memperkenalkan *Little Free Library* yang pertama di Malaysia. *Little Free Library* merupakan satu konsep di mana individu menyediakan rak buku kecil untuk orang ramai meminjam atau membaca buku. Ia umpsama mini perpustakaan dengan bentuk yang menarik dan mudah dicapai.

Beliau juga aktif sebagai Penasihat Kelab Kakitangan Wanita dan Isteri Kakitangan USIM (WARDAH), Penasihat Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL),



Nor Azzah binti Momin  
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan



sebuah kelab pelajar di bawah naungan Jabatan Perpustakaan, Exco Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas USIM (PRAGMATIS) dan juga Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Kakitangan USIM Bhd. Di peringkat kebangsaan, beliau terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Islam Malaysia dan terlibat dalam pembangunan Garis Panduan Perpustakaan Masjid. Atas ketokohan dan kecemerlangan dalam pengurusan, ia telah membolehkan beliau menerima pelbagai anugerah seperti :

- Anugerah Tokoh Maal Hijrah (Kategori Pentadbiran), USIM 2014
- Anugerah Staf Contoh Tahunan USIM, Kategori Kumpulan Pengurusan Dan Profesional USIM (2012)
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang USIM (2007 dan 2011)
- Anugerah Pustakawan Harapan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (2011)



Mohd Jamil Ahmad Mokhtar  
Pembantu Perpustakaan

#### MOHD JAMIL AHMAD MOKHTOR

Mohd Jamil Ahmad Mokhtar amat sinonim dengan Kumpulan Inovatif Kreatif atau lebih dikenali sebagai KIK di USIM. Penglibatan beliau dalam KIK selama hampir 10 tahun telah menaikkan nama Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan USIM dikenali di arena KIK di peringkat antara Universiti Awam di negara ini. Antara kejayaan lain yang dicapai oleh beliau dalam KIK adalah seperti :

- Johan peringkat USIM 2009, 2011, 2013
- Fasilitator Terbaik 2013/ 2015
- Pingat Perak KIK Peringkat Universiti Awam 2012
- Tempat Ketiga dalam KIK Perpustakaan seluruh Malaysia.
- Pingat Emas sebagai Fasilitator KIK
- Anugerah Khas Bencana Negara, KIK Peringkat Universiti Awam 2015

Minat dan bakat beliau dalam seni orator juga telah membolehkannya dilantik mengacarakan pelbagai acara rasmi universiti. Bakat beliau tidak hanya dalam bidang KIK dan pengacaraan, malah turut terserlah dalam bidang sukan dengan mewakili universiti dalam acara bola tampar sejak dari tahun 2009 hingga kini dan berjaya memenangi pingat gangsa dalam Sukan Antara Universiti Malaysia.



Nurain Syazrin Abu Samah  
Setiausaha Pejabat

### **NURAIN SYAZRIN ABU SAMAH**

Nurain Syazrin Abu Samah mula berkhidmat sebagai setiausaha di USIM pada tahun 2006. Beliau cukup aktif dalam aktiviti berpersatuan dan sukan. Antaranya sebagai Exco Kelab Setiausaha USIM dan juga ahli jawatankuasa pelbagai program yang diadakan oleh pihak USIM.

Nurain Syazrin juga mempunyai bakat sebagai pengacara. Maka tidak hairanlah, beliau sering dijemput untuk mengacarakan program utama universiti seperti Majlis Kalam Bitara dan juga Majlis Minggu Kualiti dan Inovasi USIM. Selain itu juga, beliau mewakili USIM dalam acara sukan bola tampar dalam Sukan Kakitangan Universiti Malaysia (SUKMAS).

# PENYELIDIKAN DAN INOVASI




Pada tahun 2014, USIM telah merangka Pelan Strategik berkaitan penyelidikan dan Inovasi yang bermatlamat agar penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan tidak sahaja mencapai sasaran KPI, tetapi turut menghayati visi dan misi USIM untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli serta memberi nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat. Dua fokus utama aspek penyelidikan dan inovasi yang digariskan dalam Pelan Strategik adalah untuk menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang relevan kepada industri untuk kesejahteraan ummah berdasarkan pematuhan Syariah dan meningkatkan kualiti penyelidik berstatus pakar rujuk dan diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa.



## DANA PENYELIDIKAN

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, jumlah keseluruhan projek penyelidikan aktif USIM adalah sebanyak 314 dengan 104 merupakan penyelidikan baharu yang diluluskan, manakala 209 merupakan projek penyelidikan sambungan (Jadual 2.1). Jumlah keseluruhan dana adalah sebanyak RM5,837,440.00 seperti dalam Rajah 2.1.

### CAPAIAN DANA PENYELIDIKAN TAHUN 2014



Rajah 2.1: Pecahan Dana Penyelidikan

### Dana Dalam

Untuk merangsang dan membudayakan aktiviti penyelidikan khususnya di kalangan tenaga pensyarah muda, USIM telah memperuntukkan dana penyelidikan dalaman lebih RM1.1 juta untuk membiaya 34 projek penyelidikan yang baharu. Antara projek penyelidikan baharu yang menerima peruntukan dana yang tinggi iaitu sebanyak RM300,000.00 adalah berkaitan pembangunan membran bertajuk *Design and Fabrication of State-of-the-Art Capillary Spinning System (Capsys) and Production of Novel Active Nano-Pores Capillary (Nano-Cap) Fiber Membranes for Nanofiltration*.

### Dana Luar

Dana penyelidikan yang diterima daripada sumber luar bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM4,557,545.00 dengan pembiayaan terbesar diperolehi daripada sumber kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu sebanyak 53 penyelidikan berjumlah RM4,006,084.10. USIM turut menerima dana penyelidikan daripada pihak swasta iaitu daripada

Syarikat Laman Langat (Umrah), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan Yayasan Nurul Yaqeen iaitu sebanyak 11 projek dengan keseluruhan dana berjumlah RM146,086.00.

Selain itu, sebanyak tiga proposal penyelidikan USIM yang mempunyai elemen integrasi ilmu Naqli dan Aqli telah berjaya menerima dana daripada pihak luar (Jadual 2.1). Ini merupakan satu permulaan positif bagi USIM untuk meneroka lebih banyak penyelidikan yang menepati *niche* universiti dan usaha akan dijalankan agar pembiayaan daripada sumber-sumber luar dapat dipertingkatkan.

### Insentif Penyelidikan

Dalam usaha untuk membudaya serta menyemarakkan aktiviti penyelidikan, USIM telah menyediakan pelbagai insentif antaranya mewujudkan kembali Geran Pentadbir iaitu satu bentuk insentif kepada kakitangan akademik yang memegang jawatan pentadbiran dengan peruntukan dana (maksimum) sebanyak RM50,000.00. Pihak universiti turut menyediakan insentif penyelidikan kepada kakitangan pentadbiran. Pada tahun 2014, USIM telah meluluskan dana berjumlah RM21,500.00 untuk 3 projek penyelidikan yang diterajui oleh kakitangan pentadbiran.

Kolaborasi penyelidikan di antara USIM dengan institusi luar terus diperkisasikan untuk meluaskan jaringan kerjasama serta menggalakkan pertukaran serta perkongsian kepakaran antara institusi. Sehingga Disember 2014, sebanyak 92 penyelidikan sedang berjalan di mana penglibatan USIM adalah sama ada sebagai ketua penyelidik atau penyelidik bersama. (Rajah 2.2)

## KURSI PROFESOR

Sehingga Disember 2014, USIM mempunyai dua Kursi Profesor iaitu dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam dan Kepemimpinan Islam. Kursi Kepemimpinan Islam telah dilancarkan pada 15 Oktober 2014. Dana bagi Kursi yang dinamakan *Kursi Tuan Haji Mohd Yassin bin Muhammad* ini adalah berjumlah

RM500,000 dibiayai oleh Yayasan Nurul Yaqeen. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Yassin selaku Pengerusi Yayasan berkenaan. Penubuhan Kursi ini amat bertepatan untuk melihat kepemimpinan Islam dari aspek kontemporari bagi menangani permasalahan semasa. YBhg. Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak telah dipilih sebagai penyandang pertama Kursi berkenaan dan pelantikan beliau adalah bermula pada Ogos 2014.

Pengurusan USIM memberi galakan berterusan bagi penubuhan Kursi-kursi Profesor dan beberapa cadangan telah dibawa kepada pihak Berkusa Universiti. Antara yang mempunyai potensi adalah Kursi Syariah dan Undang-undang dan Kursi Pengajian Fatwa yang mana perbincangan giat dilakukan bagi penubuhan Kursi-kursi tersebut dengan pembiayaan dana daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

## HARTA INTELEK

Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP) telah mendaftarkan lima (5) karya hakcipta dengan cara pemberitahuan secara sukarela (voluntary notification) bagi melindungi karya Penyelidik USIM dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Harta Intelek (JKHI). (Jadual 2.2).

Hartacipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hakcipta di Malaysia adalah berdasarkan kepada Akta Hakcipta 1987.

## i-INOVA 2014

Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) iaitu *signature program* USIM merupakan pameran pertandingan hasil penyelidikan produk inovatif yang telah dianjurkan mulai tahun 2010. Program ini menerima penyertaan daripada institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan (RIs) tempatan dan antarabangsa serta mendapat sokongan kuat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sains dan Teknologi dan Akademi Sains Malaysia. Tahun 2014 menyaksikan jumlah penyertaan tertinggi i-Inova sejak ia mula diadakan (Rajah 2.3). Pameran hasil penyelidikan dan produk inovatif dibahagikan kepada tujuh domain utama, dengan domain Teknologi dan Kejuruteraan dan Sains Sosial mencatatkan penyertaan tertinggi. (Rajah 2.4).


Bagi edisi 2014, sebanyak 160 produk dipertandingkan dengan jumlah 138 penyertaan iaitu 16 IPTA Malaysia, 6 IPTS dan 6 RIs tempatan. Penyertaan antarabangsa diterima daripada Indonesia, Iran, Iraq dan Mesir. Buat julung kalinya, penganjuran




Majlis Pelancaran Kursi  
Kepemimpinan Islam Tuan Haji  
Mohd Yassin Bin Muhammad



i-Inova 2014 telah menerima tajaan hadiah daripada Yayasan FAQEH untuk kategori pertandingan khas bagi membantu Orang Kurang Upaya (OKU). Tajaan berkenaan selari dengan tema '*Commercialisation of Innovation for Ummah Well-Being*' yang mana pihak pengajur telah menetapkan sasaran agar produk inovasi yang dihasilkan dapat membantu memudahkan urusan harian dan meningkatkan produktiviti golongan OKU dan berteraskan Sains Islam. Selain itu, i-Inova 2014 turut mendapat tajaan hadiah daripada Akademi Sains Malaysia bagi kategori Anugerah Khas Akademi Sains Malaysia.



Rajah 2.3: Penyertaan i-Inova 2010-2014



Rajah 2.4: Penyertaan i-Inova 2014 berdasarkan Domain

## PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

Selain memberi fokus kepada perolehan dana-dana penyelidikan khususnya dana luar universiti, USIM turut memberi perhatian kepada penghasilan produk-produk berimpak. Penyertaan produk USIM dalam pertandingan serta pameran hasil penyelidikan di dalam dan di luar negara telah mendapat pengiktirafan dan membawa kejayaan (Jadual 2.3).



Lawatan ke Pameran i-Inova 2014




Sesi Penilaian oleh Juri bagi Produk *Crushy Bar* di Pameran BIS, London

Antara kejayaan yang membanggakan adalah penyertaan kedua USIM di peringkat antarabangsa di *British Invention Show (BIS) 2014*. Sebagaimana penyertaan pertama pada tahun 2013, kali ini produk USIM telah sekali lagi mendapat perhatian dan pengiktirafan para juri sekaligus melonjakkan nama USIM di pentas antarabangsa. Produk Inovasi *Novel Active NF Membrane for Dyes Wastewater Treatment* menerima pingat emas dan anugerah khas (*Best Invention of the Year - Double Gold*) manakala produk inovasi *Crushy Energy Bar* menerima pingat perak. Produk Inovasi *Novel Active NF Membrane* dan *Crushy Energy Bar* sebelum ini telah memenangi pelbagai anugerah di pertandingan inovasi peringkat tempatan antaranya di Pameran Reka Cipta, Inovasi & Teknologi Antarabangsa (ITEX) dan *International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX)*.

## PENERBITAN

### Penerbitan Jurnal Berimpak


Penerbitan yang dihasilkan oleh para penyelidik USIM dalam jurnal berimpak tinggi telah menunjukkan peningkatan setiap tahun. Jumlah keseluruhan penerbitan jurnal yang diindeks di dalam ISI, SCOPUS dan ERA pada tahun 2014 adalah sebanyak 195 dengan nisbah bilangan jurnal kepada penyelidik adalah 0.50. Ia menyaksikan peningkatan lebih 30 peratus berbanding tahun 2013 (Jadual 2.4).



Rajah 2.5: Statistik Penerbitan Jurnal Berindeks

### Penerbitan Buku

USIM telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam penerbitan buku-buku menerusi pelbagai genre sepanjang tahun 2014. Ia menyaksikan peningkatan sebanyak 5 peratus daripada jumlah buku bergenre ilmiah yang diterbitkan pada tahun 2013. Dalam penerbitan jurnal pula, USIM berjaya mengekalkan penerbitan sebanyak dua kali setahun



Rajah 2.6: Janaan Pendapatan (RM) Jualan Buku tahun 2011-2014

bagi Jurnal ‘Ulum Islamiyyah di samping satu terbitan Jurnal ‘Ulum Islamiyyah Edisi Khas yang bertemakan Sains Islam. Secara keseluruhannya, sepuluh edisi jurnal berjaya diterbitkan pada tahun 2014 termasuk jurnal-jurnal fakulti (Jadual 2.6)



PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN) %
	2013	2014	
	BIL	BIL	
<b>Penerbitan</b>			
Buku Ilmiah	25	25	0.00
Buku Teks/Modul	18	27	50.00
Jurnal	2	10	400.00
Terbitan Bersiri	37	11	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>82</b>	<b>73</b>	


Jadual 2.6: Jumlah Penerbitan bagi Tahun 2014

Hasil daripada promosi dan jualan buku terbitan USIM, sebanyak RM400,372.40 pendapatan berjaya dijana sepanjang tahun 2014. Jumlah ini adalah antara yang tertinggi sejak tahun 2011 (Rajah 2.6). Sebahagian hasil pendapatan tersebut diperoleh daripada tender daripada Perpustakaan Negara Malaysia dan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku-buku yang telah dibekalkan untuk tender tersebut telah ditempatkan di perpustakaan negeri, desa dan sekolah di seluruh Malaysia. Melalui perolehan tender ini, buku-buku USIM dapat disebar luaskan ke seluruh negara.

## PERSIDANGAN

Peruntukan dana persidangan USIM bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM450,000.00. Dari segi penyertaan, 67 persidangan luar negara telah mendapat pembiayaan universiti manakala bagi persidangan dalam negara pula adalah sebanyak 219 (Rajah 2.7).

Dari aspek penganjuran, sepanjang tahun 2014 USIM telah menganjurkan 18 persidangan peringkat kebangsaan dan lima di peringkat antarabangsa (Jadual 2.5). Ia termasuk Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan 2014 (PREVENT 2014), *Seminar Islamic Banking, Accounting and Finance* (6th iBAF) 2014, *Language And Education Conference 2014* (LEC2014) dan Muktamar Waqaf Iqlimi 2014 (Seminar Wakaf Asia).



Rajah 2.7: Bilangan Penyertaan Persidangan

## GABUNGAN STRATEGIK

Sepanjang tahun 2014 USIM telah menandatangai 9 memorandum perjanjian (MOA) dan 17 memorandum persefahaman (MOU).8 daripada memorandum persefahaman (MOU) dan 2 memorandum perjanjian (MOA) tersebut telah ditandatangani bersama rakan strategik dari luar negara seperti International Islamic University Chittagong, Bangladesh dan Universitas Muhammadiyah Jogjakarta. Ini telah menjadikan jumlah kerjasama MOA/MOU bersama rakan strategik dalam dan luar negara sejak tahun 2007 sebanyak 128. (Jadual 2.8).

## RUMUSAN

Status Universiti Berfokus tidak menghalang USIM untuk memacu kecemerlangan dalam aspek penyelidikan dan inovasi. Bahkan, untuk menuju ke *niche* integrasi ilmu Naqli dan Aqli, penyelidikan harus terus digalak. Kekangan pembentukan penyelidikan menjadi faktor yang terpaksa didepani oleh universiti, namun usaha giat dilakukan agar aspek ini terus diperkasa. Prestasi yang ditunjukkan oleh para penyelidik USIM sememangnya boleh dibanggakan terutamanya menerusi peningkatan bilangan penerbitan yang diindeks di dalam jurnal berimpak tinggi. Produk-produk penyelidikan yang dihasilkan juga terus mendapat tempat dan pengiktirafan termasuk di peringkat antarabangsa. Strategi bagi pemerkasaan penyelidikan dan inovasi sentiasa menjadi keutamaan universiti dan diwacanakan di dalam pelbagai forum perbincangan.



Perasmian Seminar Penyalahgunaan Dadah "Way Forward" sempena Hari Anti Dadah Antarabangsa

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN) %
	2013	2014	
Gabungan Strategik	BIL	BIL	
MOU	10	17	0.00
MOA	4	9	
JUMLAH	14	26	0.00

Jadual 2.8: Bilangan MOU dan MOA sepanjang 2014



## JADUAL DAN GRAF

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN)
	2013	2014	
	BIL	BIL	
<b>Penyelidikan</b>			
Geran Universiti	37	34	(8.11)
Geran KTP	2	2	0.00
Geran FRGS	20	24	20.00
Geran ERGS	5	0	(100.00)
Geran RACE	6	2	0.00
Geran RAGS	14	13	0.00
Geran NRGS	1	11	0.00
Geran Agensi Luar	16	9	(43.75)
Geran Swasta	0	9	0.00
Geran Tanpa Biaya	0	0	0.00
JUMLAH	101	104	


Jadual 2.1: Jumlah Projek Penyelidikan Baharu bagi Tahun 2014

BIL.	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN (RM)	KETUA PENYELIDIK	PEMBIAYA
1	<i>Shariah Audit Training</i>	RM144,437	Prof. Dato' Dr Mustafa Mohd Hanefah	KPM ( <i>Geran Knowledge Transfer Programme</i> )
2	Bimbingan Modul Ruksah Ibadah Ketika Sakit kepada Kakitangan Kesihatan dan Pesakit	RM163,562	Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris	KPM ( <i>Geran Knowledge Transfer Programme</i> )
3	Pengesanan Bekas Peserta Program Rawatan, Perubahan Dan Pemulihan di Klinik <i>Cure and Care 1Malaysia</i>	RM84,870	Dr. Amin Al Haadi Shafie	AADK

Jadual 2.2: Penyelidikan Berintegrasikan Ilmu Naqli dan Aqli yang Mendapat Pembiayaan Dana Luar

BIL	TAJUK PRODUK	NAMA PEMOHON	FAKULTI	JENIS HARTA INTELEK
1	<i>Efficient Malware Secure System (E3MSS)</i>	Dr. Madihah Mohd Saudi	FST	Hakcipta
2	Nouga Temp	Ahmad Danial Tajul Arif	FST	Hakcipta
3	Panduan Rukhsah Ibadah Ketika Solat	Prof. Madya Dr. Mohammad Shamsir Mohd Aris	FPSK	Hakcipta
4	<i>FARAIDSYS: iLEGACY</i>	Dr. Mohd Fadzli Marhusin	FST	Hakcipta
5	EZCERT	Dr. Madihah Mohd Saudi	FST	Hakcipta

Jadual 2.3: Senarai Produk USIM dalam Proses Mendapatkan Kelulusan Hakcipta



Rajah 2.2: Kolaborasi Penyelidikan Bersama Institusi Luar



KATEGORI PINGAT	JUMLAH PINGAT	JENIS PENYERTAAN	NAMA PRODUK
		ITEX 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ezcert</li><li>• <i>Novel Narrow-Pores Active Ultrafiltration (NPA-UF) Membrane for Bio-Industry</i></li><li>• iTAG V1.0</li></ul>
		i-ENVEX 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Novel Narrow-Pores Active Ultrafiltration (NPA-UF) Membrane for Bio-Industry</i></li></ul>
		NRIC 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Crushy Snack Bar</i></li><li>• <i>Novel Active Membrane for Dyes Wastewater</i></li><li>• <i>Novel Narrow-Pores Active Ultrafiltration (NPA-UF) Membrane for Bio-Industry</i></li></ul>
		BIS 2014	<p><b><i>Special Award – Best Invention of the Year – Double Gold</i></b></p>
EMAS	15	i-INOVA 2014	<p>(Pra Siswazah)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ez Pay</li><li>• Ski Nana (<i>Product Development</i>)</li><li>• Jvp Ruler</li><li>• “Hurma”- Advanced Hospital Gown</li><li>• Service Oriented Interactive Quran (Soiq)</li><li>• Mangifera Flakes</li><li>• Bananabi D’agro Pagoh</li></ul> <p>(Kategori Terbuka)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Standard Transkripsi Penulisan Arab/Jawi Braille &amp; Aplikasi Terhadap Buku Iqra’ Versi Braille</li></ul>
PERAK	15	ITEX 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• Illegacy</li></ul>
		Business Social Innovation for Poverty Eradication@ MYHE	<ul style="list-style-type: none"><li>• Trashilizer’</li></ul>
		MIROC 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• ‘Conquer Robot</li></ul>
		NRIC 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• I-ok</li><li>• Mangifera Flakes</li><li>• Bimzy Product</li></ul>
		BIS 2014	<ul style="list-style-type: none"><li>• Crushy Snack Bar</li><li>• MY-EMA (<i>Entrepreneurship Monitoring Apps</i>)</li><li>• FARADSYS: Towards Syariah Compliant in Faraid System</li></ul>
		ISCIID 2014	

	i-INNOVA 2014	(Pra Siswazah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Teens Angel App</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Novel Green Active Nanofiltration Membrane for Dyes Wastewater Treatment</i></li> <li>• <i>BIMZY (Bilimbi Made Easy)</i></li> <li>• <i>Dinaria</i></li> </ul> </li> </ul> <p>(Kategori Terbuka)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>my-EMA (Entrepreneur Monitoring Apps)</i></li> <li>• <i>Ujian Tahap Kesediaan Kepimpinan (UTK) USIM/USIL Leadership Succession Plan Tool</i></li> </ul>
GANGSA 21	i-ENVEX 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Novel Active Nanofiltration (ANF) Membrane for Dyes Wastewater</i></li> <li>• <i>Active Reverse Osmosis-water Desalination</i></li> </ul>
	NRIC 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skinana Krunchi</li> <li>• Blossom Bites</li> <li>• Ez Pay Version 1.1</li> <li>• Bananabi D'agro Pagoh</li> </ul>
	i-INNOVA 2014	<p>(Pra Siswazah : 6 Produk )</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Astab Nuzul Al-Quran: Design for Enhancing Quran Resource Acquisition</i></li> <li>• <i>Crushy Bar</i></li> <li>• <i>D'blossoms</i></li> <li>• <i>Disposable Lipase Biosensor Based on Lab-on-Paper for Detection of Fat in food Samples (Milk)</i></li> <li>• <i>Aminder Website</i></li> <li>• <i>Multi-Malabys</i></li> </ul> <p>(Kategori Terbuka : 9 Produk )</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aplikasi Permainan Bahasa Arab Melalui Telefon Pintar (Smartphone) Bagi Meningkatkan Kemahiran Bertutur Di Kalangan Pelajar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua</li> <li>• <i>Edentist - A Database System For Demirjian's Dental Age Assessment</i></li> <li>• <i>Informer On Site (Prototype Mobile Apps)</i></li> <li>• <i>Synthesis, Characterization And Cytotoxic Activity Of 6-Hydroxy- 4-Methyl 7- (Bis-p-Chloro phenyl azo) Coumarin</i></li> <li>• <i>Halal Microbial Enzyme For Making Goat Milk Dadih</i></li> <li>• <i>I-Ok Innovation Version 2</i></li> <li>• <i>Faraidsys : A Faraid Training System and Certification Program</i></li> <li>• <i>Development of a Conceptual Framework for Integration of Naqli and Aqli Knowledge in a Dental Undergraduate Curriculum</i></li> <li>• <i>Sains Moden &amp; Al-Quran: Pembangunan Multimedia Interaktif bagi Integrasi Ilmu Naqli &amp; Aqli</i></li> </ul>



TAHUN	JURNAL			JUMLAH
	ISI	SCOPUS	ERA	
2010	12	32	-	<b>44</b>
2011	24	39	-	<b>63</b>
2012	50	71	-	<b>121</b>
2013	57	87	5	<b>149</b>
2014	71	109	15	<b>195</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>160</b>	<b>338</b>	<b>20</b>	

Jadual 2.5 Jumlah Penerbitan Jurnal tahun 2014

.....


PERINGKAT	BIL. PENGANJURAN	TAJUK PERSIDANGAN
Kebangsaan	18	<p><i>Oral Maxillofacial Surgery: Oral Rehabilititon</i></p> <p>CPD: <i>Update on Cariology</i></p> <p>iREKA</p> <p>i-Inova 2014</p> <p>Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama (SIGMA)</p> <p>Seminar Kaunseling Perkahwinan dan Seksual (MASEC)</p> <p>Seminar Warga Emas</p> <p>Karnival Komunikasi</p> <p>Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah (SMED):</p> <p>Seminar Keselamatan dan Jaminan Maklumat (IS@S)14</p> <p>Seminar Fizik Gunaan 2014 (Ephys'14)</p> <p>Seminar Kebangsaan Kejuruteraan Elektronik 2014 (eleENS'14)</p> <p>Seminar Teknologi Kimia Industri 2014</p> <p><i>Language And Education Conference 2014 (LEC2014)</i></p> <p>Seminar Hari Anti Dadah Peringkat Kebangsaan 2014</p> <p><i>International Caries Detection and Assessment System (ICDAS) &amp; International Caries Classification and Management System (ICCMS)</i></p> <p><i>Fundamental Knowledge of Medical Emergencies for Dental Auxiliaries: Bridging The Knowledge Gap</i></p> <p>Seminar Tamadun Islam &amp; Tamadun Asia dan Hubungan Etnik (SETH) 2014</p> <p>Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Peringkat Kebangsaan 2014 (PREVENT 2014)</p> <p><i>Seminar Islamic Banking, Accounting and Finance (6th iBAF) 2014</i></p>
Antarabangsa	5	<p>Persidangan Antarabangsa Da'wah dan Pengurusan Islam (IC-DAIM)</p> <p>Muktamar Waqaf Iqlimi 2014 (Seminar Wakaf Asia)</p> <p>Seminar Warisan Nabawi (SWAN) 2014</p>

Jadual 2.7 Senarai Persidangan / Seminar

# PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyedari bahawa untuk menjadi peneraju dalam integrasi ilmu Naqli dan Aqli, aspek pembelajaran serta pengajaran amat penting. Maka dengan sebab itulah, isu berkaitan pembelajaran dan pengajaran diberikan perhatian serius oleh universiti sama ada dari segi kualiti akademik, mutu perkhidmatan dan juga kemudahan prasarana. Ini penting kerana USIM berhasrat untuk menjadi Pusat Rujukan Serantau dalam bidang Sains Islam pada tahun 2016 dan di peringkat Global menjelang tahun 2025. Justeru, cabaran USIM pada masa hadapan adalah untuk menjadikannya kekal relevan sebagai sebuah Universiti yang berteraskan Naqli dan Aqli demi memastikan kelestarian ilmu terus diperkasa dalam arus pendidikan tinggi negara kelak.



Rajah 3.1. Gabungan Tiga Bidang Utama Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

USIM sentiasa memastikan kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran melalui program-program akademik yang ditawarkan mengikut tiga bidang umum berdasarkan model pendidikannya iaitu Trek Pengajian Islam, Quran dan Sunnah; Trek Sains Islam, Teknologi dan Kejuruteraan dan Trek Kesusasteraan Islam, Sosial Sains dan Kemanusiaan. Gabungan ini diharapkan dapat menjayakan hasrat pembentukan insan yang seimbang yang mempunyai kesepadan pemahaman dalam ilmu Islam serta pakar dalam bidang profesion yang diceburi. Di samping itu,

adalah menjadi keutamaan USIM untuk melahirkan ilmuan dan cerdik pandai Islam yang bukan saja boleh dijadikan pakar rujuk dalam bidang masing-masing tetapi juga boleh mengolah berkaitan isu-isu semasa demi kebaikan ummah. Ini sejajar dengan hasrat universiti melahirkan graduan USIM yang bertaraf global yang memenuhi kehendak pasaran kerjaya berserta pada masa yang sama mampu menjadi pemimpin yang mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi.

## GLOBAL CLASSROOM

GOAL Centre telah membangunkan *Learning Management System* (LMS) atau sistem pengurusan pembelajaran secara atas talian yang dinamakan GOALS (Global Open Access Learning System) bermula Ogos 2011 bagi menggantikan sistem LMS sedia ada iaitu myLMS Ver. 4.0. GOALS digunakan oleh kesemua pelajar dan pensyarah USIM (pra dan pascaijazah) untuk kegunaan pembelajaran dan pengajaran atas talian dengan akses rekod dari serata dunia. Penggunaan GOALS juga selaras dengan keperluan pendidikan mod teradun (blended mode) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menyasarkan penggunaan 30% - 80% proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. GOAL Centre juga mula memperkenalkan program perkongsian ilmu dan amalan terbaik melalui sesi GOALShare dan Video Open Educational Resources (OER).

Bermula Semester 1 2014/15, USIM menawarkan kursus Analisis Data dan Metodologi Penyelidikan secara atas talian kepada pelajar pascasiswazah. Pembentangan juga telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Big Blue Button* yang telah diintegrasikan dengan GOALS. Pihak GOAL Centre juga telah memperkenalkan Sistem Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) yang berdasarkan perisian sumber terbuka (open source) yang mempunyai banyak kelebihan seperti mempunyai komuniti pembangunan dan pengguna yang besar tanpa kos penggunaan. Selain itu, ia juga membolehkan capaian informasi pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja di samping menyediakan modul untuk forum, wiki, kuiz, blog, serta menyokong format 'scorm'. Pada masa yang sama, ia turut dimantapkan lagi dengan perkakasan tele-sidang (video conferencing) dan perisian semakan Turnitin bagi membolehkan masalah dan ralat diatasi dengan



Pameran GOALS

Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL Centre), merupakan sebuah pusat yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan e-pembelajaran di USIM.

lebih berkesan. Perisian sumber terbuka (open source) boleh dicapai melalui forum komuniti Moodle yang telah diuji dari segi pedagogi dan digunakan oleh ribuan universiti di seluruh dunia.

Pembangunan bahan-bahan e-pembelajaran USIM diiktiraf melalui penganugerahan pingat kepada kesemua empat pasukan yang bertanding di dalam Pertandingan *Invention, Innovation & Design on e-Learning (IIDE)* 2014 bersempena program *National University Carnival on e-Learning 2014 (NUCeL 2014)* yang berlangsung di Shah Alam Convention Centre, Selangor. Modul Program Pengajian Sijil Tajwid Asas Atas Talian telah meraih pingat emas melalui inovasi pembelajaran pengajian Al-Quran (kursus Tajwid Asas) secara kendiri, yang menitikberatkan praktikaliti dengan idea untuk menjimatkan kos dan memberikan fleksibiliti kepada pelajar untuk menelaah tanpa mengira masa dan tempat. Modul

Pembelajaran Kendiri Secara Atas Talian bagi kursus *Research Methodology* dan *Data Analysis* pula masing-masing telah meraih pingat perak. Modul pembelajaran kendiri atau *Self-Instructed Module (SIM)* ini mengabungkan kaedah pembelajaran *Asynchronous* dan *Synchronous* di mana proses pembelajaran kendiri secara atas talian disokong oleh video pengajaran daripada tenaga pengajar disamping penggunaan aplikasi tambahan seperti forum, tugas atas talian, kuiz atas talian serta pengajaran bersemuka secara atas talian yang dijalankan melalui GOALS. Kajian bertajuk *A New Instructional Design Model for Java Learning online* pula telah memenangi pingat gangsa. Kajian ini dijalankan berdasarkan pertimbangan yang perlu diambil ke atas pelbagai tahap pengalaman pelajar dan bagaimana tahap yang berbeza-beza ini akan memberi kesan kepada sistem e-pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mewujudkan satu

**COURSE SYNOPSIS**

- Analysis and decision making is an important discipline which integrates the tools of quantitative & qualitative analysis. Learning and applying these concepts placed on real-life examples to derive what is necessary to apply the relevant tools in both quantitative and qualitative analyses & decision sciences in deriving optimum business and organisational decisions.
- Both qual & quant tools will be covered as listed in the course contents.

**USIM-BIMB Certification Programme**

BANK ISLAM | UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA | GOALS CENTRE

Paparan Antara Muka Modul Pembelajaran Atas Talian




Pingat Emas Pertandingan *Invention, Innovation & Design on e-Learning (IIDEL)* 2014 bersempena program *National University Carnival on e-Learning 2014 (NUCeL 2014)*

mod reka bentuk pengajaran baru untuk laman web pembelajaran JAVA.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan usaha pembangunan program *Massive Open Online Course* Kebangsaan melalui empat (4) kursus sepunya yang ditempatkan dalam platform terbuka *Open Learning*. Inisiatif MOOC Kebangsaan dimulakan pada Semester 1 2014/2015 (September 2014) kepada kesemua pelajar Semester 1 dan 2. Sebagai inisiatif awal, GOAL Centre telah memberikan taklimat kepada kesemua pensyarah terlibat termasuk mempromosikan konsep MOOC kepada warga USIM. Inisiatif ini mendapat penyertaan memberangsangkan daripada pelajar tahun 1 di USIM di mana ia melebihi 5000 penyertaan. Statistik penyertaan pelajar USIM adalah seperti di Rajah 3.2.

Bilangan Penyertaan di dalam Inisiatif MOOC Kebangsaan Mengikut Institusi



Rajah 3.2: Statistik Penyertaan Pelajar USIM di dalam Inisiatif Mooc Kebangsaan

## PENARAFAN DAN PENGIKTIRAFAN AKADEMIK

Tahun 2014 menyaksikan USIM berjaya mengekalkan penarafan tahap Tier 5 (Cemerlang) yang telah berjaya dicapai dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang disertai oleh 53 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berstatus universiti dan kolej universiti di Malaysia. Kejayaan ini adalah hasil daripada persiapan rapi melalui beberapa siri bengkel dan dokumentasi yang dilaksanakan oleh Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP). Selain itu juga, beberapa program akademik yang baharu telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Jadual 3.1 menunjukkan program akademik yang telah diluluskan pada tahun 2014.

BIL	NAMA PROGRAM
1	Sarjana Sains Perubatan, FPSK
2	Tamhidi Sains dan Teknologi, Tamhidi Perakaunan dan Muamalat dan Tamhidi Syariah dan Undang-Undang bagi kemasukan pelajar antarabangsa
3	Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian
4	Sarjana Perbankan Islam
5	Sarjana Kewangan Islam

Jadual 3.1 Program Akademik yang Telah Diluluskan JKPT dan KPM pada Tahun 2014

Manakala itu, sebanyak dua belas (12) program akademik telah mendapat perakuan memenuhi keperluan kualiti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2014. Program-program akademik tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.2. Pecahan bilangan penawaran kursus seperti dijadual 3.3.

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN) %
	2013	2014	
	BIL	BIL	
<b>Penawaran Kursus</b>			
Phd	11	11	0.00
Sarjana	19	19	0.00
Sarjana Muda	26	26	0.00
Diploma Siswazah	3	3	0.00
Tamhidi	5	5	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>64</b>	<b>64</b>	<b>0.00</b>


Jadual 3.2. Pecahan Penawaran Kursus Akademik pada tahun 2014.

## PERAKUAN AKREDITASI PENUH MQA DAN BADAN PROFESIONAL

Pada tahun 2014, Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah mendapat perakuan Akreditasi Penuh program bermula 11 Julai 2014 hingga 10 Julai 2019 oleh Majlis Perubatan Malaysia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi pada 2 September 2014. Selain itu, program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah mendapat perakuan Akreditasi Penuh program bermula 18 April 2013 oleh Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi pada 26 November 2013 yang diterima pada 17 September 2014. Program Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian



Bengkel oleh kakitangan USIM



Rajah 3.3 Statistik Permohonan Kemasukan ke Program Tamhidi Mengikut Sesi Akademik

pula telah mendapatkan pengiktirafan Malaysian Institute of Accountants (MIA) sebagaimana dimaklumkan oleh pihak MIA melalui surat bertarikh 8 Julai 2014.


Sebagai langkah berterusan dalam memperkasakan lagi program akademik sedia ada mahupun yang akan datang, pelbagai latihan meliputi ceramah, kursus dan bengkel dianjurkan oleh PIPP kepada kakitangan akademik sepanjang tahun 2014.

Bagi memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran di USIM dapat diperkasakan lagi, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh pihak PIPP seperti Program *Executive Talk - Sustainability Assessment Methodology*. Program ini disampaikan oleh Profesor Dr. Kamarulazizi Ibrahim, Pengarah, Pusat Kajian Kelestarian Global, Universiti Sains Malaysia (USM) dan telah menarik minat seramai 52 orang staf akademik. Program ini dianjurkan dengan tujuan membimbing dan memberi panduan, pendedahan serta keyakinan kepada peserta tentang kepentingan *sustainability* dalam merangka program semakan kurikulum yang diperlukan. Ia mengambil kira faktor *sustainability* khususnya dalam mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Selain itu, Bengkel Semakan Kurikulum Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli turut diadakan bertujuan melaksanakan progres semakan dan mengemaskini struktur kurikulum serta memuktamadkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam setiap program pengajian di setiap fakulti. Bengkel yang diadakan di luar kampus ini dihadiri seramai 54 orang yang terdiri daripada dekan, Timbalan Dekan dan Ketua Program. Sebagai susulan daripada Bengkel Semakan Kurikulum Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, Program Taklimat Kurikulum Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli telah diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada staf akademik meningkatkan kesedaran terhadap pelaksanaan integrasi kurikulum berdasarkan Naqli dan Aqli di USIM di samping berkongsi pengalaman pelaksanaannya di setiap fakulti serta menambah kefahaman dalam mengukur keberkesanan kurikulum dan penyampaian pengajaran berdasarkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Program ini telah dihadiri seramai 213 orang staf akademik USIM.

## PENGAMBILAN PELAJAR SESI AKADEMIK 2014/2015

Positif Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus menjadi pilihan utama bagi para pelajar lepasan SPM/setaraf aliran agama untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pra-Universiti/Matrikulasi/Asasi. USIM telah menerima sejumlah 2,702 permohonan pilihan pertama daripada 25,875 jumlah permohonan untuk mengikuti pengajian dalam 5 program berbeza iaitu Tamhidi Perubatan, Pergigian, Sains dan Teknologi, Tamhidi Perakaunan dan Muamalat dan Tamhidi Syariah dan Undang-Undang. Pada pendaftaran pelajar baru Pusat Tamhidi sesi akademik 2014/2015, seramai 902 pelajar baru iaitu 289 pelajar lelaki dan 613 pelajar



Rajah 3.4 Statistik Permohonan Kemasukan ke Program Tamhidi bagi Pilihan Pertama (1)

perempuan telah mendaftar. Jumlah ini merupakan satu catatan angka tertinggi selepas 11 tahun Pusat Tamhidi ditubuhkan. Rajah 3.3 menunjukkan statistik permohonan kemasukan ke program Tamhidi mengikut sesi akademik manakala Rajah 3.4 pula menunjukkan statistik permohonan kemasukan ke program Tamhidi bagi pilihan pertama (1).

Program Tamhidi Sains dan Teknologi mencatatkan pendaftaran yang tertinggi iaitu sebanyak 346 orang pelajar, diikuti Tamhidi Perakaunan dan Muamalat seramai 214 orang pelajar, Tamhidi Syariah dan Undang-Undang 133 orang pelajar, Tamhidi Perubatan 127 orang pelajar dan Tamhidi Pergigian 78 orang pelajar. Kemasukan pelajar baru sesi ini juga melakar sejarah yang tersendiri apabila menerima seorang pelajar berkelainan upaya, Muhammad Hadi bin Darus, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah yang kini mengikuti program Tamhidi Syariah dan

Undang-Undang. Muhammad Hadi adalah penerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada tahun 2012 dan telah dinobatkan sebagai pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 dengan keputusan 11A dalam kategori Calon Berkeperluan Khas (CBK).

#### Kemasukan Pelajar Sarjana Muda Sesi 2014/2015

Bagi pelajar Sarjana Muda pula, sesi akademik 2014/2015 menyaksikan, seramai 2,488 permohonan sebagai pilihan pertama telah diterima daripada sejumlah 24,867 jumlah permohonan untuk mengikuti pengajian dalam 25 program pengajian peringkat Sarjana Muda. Bilangan pemohon lepasan STPM/Setaraf, Matrikulasi/Asasi, STAM, Diploma dan Tamhidi keseluruhan yang mendaftar bagi sesi akademik 2014/2015 adalah berjumlah 2,502 orang termasuk 9 orang bukan warganegara (Jadual 3.4).

Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan mekanisme mod kemasukan baharu bagi isi rumah 40% terendah (pendapatan isi rumah di bawah RM 3000) kepada pelajar yang tercincir melalui sistem pemilihan berdasarkan prinsip meritokrasi.

Mesyuarat Jemaah Menteri turut bersetuju agar USIM menjadikan mekanisme mod kemasukan baharu ini sebagai salah satu agenda *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam memberi ruang dan peluang kepada pelajar berkaitan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ekoran itu, di bawah program ini, seramai 41 orang pelajar telah mendaftar masuk ke USIM pada tahun 2014.



### Kemasukan Pelajar Pengajian Pascasiswazah

Pada tahun 2014, bilangan pelajar pascasiswazah pada peringkat PhD, Sarjana dan Diploma Siswazah, USIM adalah seramai 540 orang. Jumlah bilangan pengambilan pelajar pascasiswazah seperti di jadual 3.5.

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN) %
	2013	2014	
	BIL	BIL	

#### Pengambilan Pelajar

PHD	272	265	(2.57)
Sarjana	294	243	(17.35)
Sarjana Muda	2,477	2,502	1.01
Diploma Siswazah	123	32	(73.98)
Tamhidi	1,179	1,171	(0.68)
JUMLAH	4,345	4,213	(3.04)

Jadual 3.5. Pecahan Bilangan Pengambilan Pelajar Pascasiswazah Tahun 2014.

Manakala bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah pada tahun 2014 ialah seramai 1,122 orang seperti di jadual 3.6.

Pada tahun 2014, Pusat Pengajaran Siswazah (PPS) telah melaksanakan beberapa program bagi tujuan memantapkan mutu pengajaran dan pembelajaran peringkat pasca siswazah. Antara program yang telah dijalankan ialah:

- Bengkel Terjemahan Dokumen Berkaitan Pengijazahan (Bahasa Arab) anjuran Pusat Pengajaran Siswazah (PPS) telah berjaya diadakan pada 22 Januari 2014 yang lalu bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajaran Siswazah, Bangunan Pusat Teknologi Maklumat.
- Bengkel Penulisan Proposal telah diadakan pada 24 April 2014 di Bilik Seminar PPS dan bilik seminar PTM yang terletak di bangunan Pusat Teknologi Maklumat (PTM), USIM.

c) Bengkel Pemantapan dan Pemurnian Silibus Program Intensif Bahasa Inggeris (IELP) Dan Pembinaan Soalan UEPT pada 25 hingga 26 Jun 2014 di bilik bengkel Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), aras 4, Bangunan Canselor USIM.

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN) %
	2013	2014	
	BIL	BIL	
<b>Enrolmen Pelajar</b>			
PHD	590	556	(5.76)
Sarjana	703	513	(27.03)
Sarjana Muda	9,072	9,780	7.80
Diploma Siswazah	529	53	(89.98)
Tamhidi	809	827	2.22
JUMLAH	11,703	11,729	0.22

Jadual 3.6. Pecahan Bilangan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Tahun 2014

## MAJLIS KONVOKESYEN KE-12

Majlis Konvokesyen Ke-12 USIM yang berlangsung pada 15 November hingga 16 November 2014 mencatat sejarahnya kerana buat julung kalinya diadakan di Dewan Besar USIM. Istiadat yang penuh gilang gemilang ini telah di sempurnakan oleh Tuanku Canselor USIM, Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud dan Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz selaku Pro Canselor USIM. Majlis penuh makna ini diadakan sebanyak empat (4) sidang yang menganugerahkan ijazah dan Diploma Siswazah kepada seramai 1,689 graduan daripada peringkat Ijazah Sarjana Muda (1,549 graduan), Diploma Siswazah (29 graduan), Ijazah Sarjana (88 graduan) dan Doktor Falsafah (23 graduan) daripada lapan (8) fakulti berbeza (Jadual 3.6). Statistik graduan USIM 2003-2014 seperti di Rajah 3.4.

Majlis Konvokesyen kali ke 12 ini turut menyaksikan dua tokoh menerima penganugerahan Ijazah Kehormat iaitu Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), YBhg Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Bin Che Othman yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat. Turut menerima penganugerahan adalah Penasihat Agama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Penggerusi Institut Wasatiyyah Malaysia, YBhg Tan Sri Dr. Abdullah Bin Md. Zin yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam.




Penerima Anugerah di Majlis Konvokesyen




### Analisa Graduan Terbilang

Tahun 2014 menyaksikan seramai 1,549 graduan Ijazah Sarjana Muda berjaya dilahirkan dengan peningkatan sebanyak 20.08% berbanding hanya 5.05% pada tahun 2013 (Rajah 3.5). Jadual 3.8 dan Rajah 3.6 masing-masing menunjukkan pecahan graduan mengikut fakulti dan statistik kelas pengijazahan graduan Ijazah Sarjana Muda Konvokesyen Ke-12 USIM.



Rajah 3.5 Jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda bagi tahun 2012-2014



\* Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian tidak mempunyai kelas pengijazahan.

Rajah 3.6 Statistik Kelas Pengijazahan Graduan Ijazah Sarjana Muda Konvokesyen Ke-12 USIM.

## PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH KECEMERLANGAN

Seramai 38 graduan cemerlang dalam bidang akademik dan ko-kurikulum telah menerima Anugerah Khas. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan kecemerlangan dalam bidang akademik, aktif dalam ko-kurikulum,

Penganugerahan Ijazah Kehormat Majlis  
Konvokesyen ke-12 USIM

menyumbang bakti kepada masyarakat di samping mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan sifat-sifat keperibadian yang mulia. Selain itu, terdapat juga lain-lain anugerah disampaikan dalam Majlis Konvokesyen kali ke 12 ini. Jadual 3.9 menunjukkan anugerah-anugerah yang telah disampaikan pada majlis tersebut.

## PROGRAM SEKOLAH ANGKAT DAN SEKOLAH KLUSTER

Sepanjang tahun 2014, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mengorak langkah dalam jalinan strategik dengan sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM yang dimulakan sejak tahun 2010 semakin menampakkan hasil yang membanggakan dengan pelbagai program telah diadakan bersama pihak sekolah terbabit seperti penganjuran seminar, program akademik dan kem kepimpinan, program pemantapan bahasa serta penglibatan secara langsung sekolah-sekolah terbabit dalam program rasmi USIM. Sehingga kini, USIM telah mengiktiraf sebanyak 9 buah Sekolah Kluster dan 15 buah Sekolah Angkat menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 24 buah sekolah setakat ini. Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM (kecuali Sekolah Kluster Sekolah Rendah) terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Menengah (SAM), Kelas Aliran Agama (CAA) dan Program Ulul Albab (MRSMS).

Sekolah Kluster adalah di bawah kategori Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih termasuk USIM untuk memainkan peranan sebagai mentor. Manakala Sekolah Angkat pula dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak pengurusan universiti sendiri. Berkongsi aspirasi yang sama dalam membawa Pendidikan Islam ke arus perdana pendidikan, para pelajar Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM yang terdiri dari pelajar-pelajar yang terpilih dan cemerlang dari segi akademik, kurikulum dan kebitaraan yang tersendiri secara tidak langsung menyediakan calon-calon pelajar berpotensi untuk masuk ke USIM samada ke Program Tamhidi (Pra-Universiti) mahupun Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, menerusi program ini, USIM bertekad ingin memacu dan berkongsi ilmu bersama sekolah-sekolah tersebut dalam ruang lingkup pentadbiran dan akademik terutamanya melalui pendekatan ilmu Naqli dan Aqli di samping mempelopori sistem ‘best practices’ di antara universiti dan sekolah-sekolah terbabit agar memberi manfaat sekaligus diaplikasikan demi kecemerlangan ummah sejagat.

ANUGERAH	PENERIMA ANUGERAH
Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang)	2
Anugerah Canselor	2
Pingat Emas Naib Canselor	1
Anugerah Khas Yayasan Tun Azmi	1
Anugerah Khas Malaysian Press Institute	1
Hadiah Buku Universiti	5
Hadiah Buku Fakulti (Siswazah)	10
Hadiah Buku Fakulti	8
Hadiah Ko-Kurikulum	8
JUMLAH	38

Jadual 3.9 Anugerah-Anugerah Graduan Majlis Konvokesyen ke-12 USIM



Penyerahan watikah sekolah angkat/kluster

## PUSAT PERMATA INSAN

Pusat PERMATA Insan (PPI), di USIM menekankan kepada aspek pendidikan untuk pelajar pintar berbakat seawal umur 8 tahun. Tumpuan pendidikan dan pembelajaran yang bersifat holistik merupakan suatu usaha yang berterusan untuk membangunkan dan menggilap potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepada dengan menekankan kepada perkembangan rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Usaha ini adalah bagi melahirkan generasi unggul yang seimbang dan berupaya menghasilkan ilmu dan inovasi yang mampu mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat demi mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat kelak.




Justeru itu, Pusat PERMATA Insan membangunkan dua sistem pendidikan bagi pelajar 8-12 tahun dan 13-17 tahun. Sistem pendidikan pertama adalah Pengajian Peringkat Rendah (Kem) yang mengandungi empat (4) modul iaitu Modul Pintar Quran Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insan. Manakala sistem pendidikan kedua pula merujuk kepada Pengajian Peringkat Menengah bagi kemasukan ke Kolej PERMATA Insan yang menekankan aspek penguasaan akademik, integrasi ilmu Naqli dan Aqli, komunikasi bahasa antarabangsa, ko-kurikulum dan biasiswa masyarakat, pembangunan insan, penyelidikan dan inovasi.


Pusat PERMATA Insan telah melaksanakan pelbagai program secara sistematik pada tahun 2014 bagi memastikan objektifnya tercapai dalam pembangunan pelajar dan kakitangannya. Program tersebut merangkumi pelaksanaan promosi kemasukan pelajar, Kem PERMATA Insan, program pengantarabangsaan pelajar serta kakitangan dan sebagainya. Kesemua aktiviti yang dilaksanakan adalah menepati keperluan dalam memastikan peningkatan prestasi akademik pelajar di samping memberi pendedahan tentang pengurusan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi kakitangan terlibat.

Program promosi yang telah dilaksanakan dalam usaha menjelaki pelajar pintar berbakat seluruh negara telah mula membawa hasil apabila seramai 23,268 pelajar berumur 8 tahun beragama Islam telah menduduki ujian saringan pertama (UKM-1) berbanding hanya seramai 8,790 pelajar tahun 2013 (Rajah 3.7). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 164.7% berbanding tahun 2013. Proses ujian saringan pertama (UKM-1) ini telah bermula pada 1 Februari 2014 hingga 31 Mei 2014. Rajah 3.8 menunjukkan perbandingan pengambilan pelajar PERMATA Insan, USIM sejak ditubuhkan pada tahun 2010.

Pada tahun 2014 sebanyak 24 judul buku penulisan pelajar telah berjaya diterbitkan menerusi tema “Zoologi”. Program ini merupakan salah satu



Rajah 3.7 Ujian Perbandingan Bilangan Pelajar Menduduki UKM-1 2013-2014



Rajah 3.8 Perbandingan Pengambilan Pelajar PERMATA Insan 2010-2014

daripada penekanan dan penerapan aspek di dalam Modul Pembangunan Insan iaitu mencungkil bakat dan potensi di samping meningkatkan daya kreativiti pelajar kelahiran Pusat PERMATA Insan. Sepanjang tempoh 5 tahun penubuhan, Pusat PERMATA Insan telah berjaya melaksanakan Kem PERMATA Insan sebanyak sembilan (9) kali. Program tersebut merangkumi kesemua tujuh (7) tahap yang perlu dilalui oleh pelajar PERMATA Insan berasaskan Modul Pintar Quran dan Sunnah di samping tambahan dua (2) Kem Intensif al-Quran bagi pengukuhan al-Quran sebagai memenuhi syarat kelayakan kemasukan ke Kolej PERMATA Insan (Rajah 3.9). Rekod kehadiran pelajar ke 9 Kem PERMATA Insan tersebut adalah seperti di dalam Rajah 3.10.

Dalam usaha merealisasikan objektif penubuhan Pusat PERMATA Insan, latihan-latihan dan bengkel-bengkel dirancang dan dianjurkan kepada semua kakitangan agar pengurusan pentadbiran dan kemahiran dalam pengajaran pelajar pintar berbakat dapat dipertingkatkan. Jadual 3.10 menunjukkan bengkel-bengkel dan latihan-latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014.

Program pengantarabangsaan turut dilaksanakan di kalangan semua pelajar dan kakitangan Pusat PERMATA Insan dalam usaha menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran terbaik bagi melahirkan ilmuwan, pemikir, teknokrat, saintis dan profesional Islam yang agung berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Dengan hasrat menjalinkan hubungan secara aktif dengan universiti-universiti di Mesir, seramai 29 anak-anak pintar PERMATA Insan telah terpilih bagi mengikuti Lawatan Ilmiah PERMATA Insan ke Arab Saudi pada 10 April hingga 19 April 2014. Objektif utama lawatan adalah bertujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar genius ini kepada asal usul peradaban Islam. Siri lawatan ini mendapat sambutan yang amat baik serta mendapat sokongan penuh daripada Tabung Haji, pihak kerajaan dan Kedutaan Arab Saudi.

Lawatan ini dianggap satu kejayaan membanggakan kerana belum pernah lagi Kerajaan Arab menerima kunjungan dari kanak-kanak dari negara Asia khususnya. Selain berpeluang menuaikan umrah dan mengunjungi tempat-tempat bersejarah dalam lawatan tersebut, pelajar-pelajar ini juga telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat seperti Taibah University, Ummu Qurra' University, American International University, Jeddah, Gifted School (MAWHIBA) dan Kedutaan Malaysia Jeddah. PERMATA Insan turut mencatat sejarah penting yang tersendiri dalam siri lawatan ini apabila pelajar berpeluang bertalaqi bersama Imam Besar Masjidil Haram dan Masjid Nabawi iaitu Sheikh Abdul Rahman As Sudais, seorang ulama ulung bertaraf dunia seperti beliau.

Selain itu, Pusat PERMATA Insan turut mengadakan Lawatan Kajian Penandaaran Kurikulum Pembelajaran dan Pengajaran Kolej PERMATA

Tumpuan pendidikan dan pembelajaran yang bersifat holistik merupakan suatu usaha yang berterusan untuk membangunkan dan menggilap potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadan dengan menekankan kepada perkembangan rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli.



Nur Ameera Fitra Bt Yusoff Raih 4  
Pingat Kejohanan Sukan Perahu Layar



Lawatan Permata INSAN ke Arab Saudi

Bersama Imam Besar Masjidil Haram

Insan ke Sir Karl Popper Schule, Vienna pada 13 September sehingga 19 September 2014. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah bagi melihat praktis terkini yang diamalkan oleh institusi berprestasi tinggi dalam usaha menghasilkan konsep sekolah dan kurikulum yang efektif untuk pelajar PERMATA Insan. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat merealisasikan penubuhan Sekolah PERMATA Insan yang bakal menggabungkan kurikulum persekolahan kebangsaan, Modul PERMATA Insan subjek universiti dan beberapa bidang pengkhususan lain yang akan dibangunkan.

Selain itu, pada 9 November hingga 11 November 2014, Pusat PERMATA Insan turut mengadakan Lawatan Ilmiah ke Singapura bagi memberi peluang kepada kakitangan pengurusan dan sokongan melihat amalan pengurusan yang terbaik bagi institusi pelajar pintar dan berbakat. Antara tempat-tempat yang telah dikunjungi dalam lawatan

tersebut adalah seperti Nanyang Girls' School, National University of Singapore, HP Technology Park dan Madrasah al Irsyad, Singapore.

Tahun 2014 juga menyaksikan pencapaian cemerlang Pusat PERMATA Insan kerana berjaya mengharumkan nama negara dalam *World Creativity Festival 2014* yang diadakan di KAIST (Korea Advanced Institute of Science & Technology), Daejeon, Korea. Festival yang diadakan pada 24 hingga 27 Oktober 2014 ini disertai oleh wakil-wakil negara dari serata dunia. Berkat usaha gigih semua pihak dan inovasi yang unggul dari kumpulan PERMATA Insan sebanyak 10 anugerah telah di raih. Jadual 3.11 dan Jadual 3.12 masing-masing menunjukkan senarai anugerah yang berjaya dirangkul oleh delegasi PERMATA Insan.

### Pembangunan Usim Intelligent Learning Environment (USIM ILE)

Sistem e-learning khusus untuk pelajar PERMATA Insan iaitu *Intelligent Learning Environment (USIM iLE)* telah dibangunkan sejak tahun 2011 bagi membolehkan pelajar dipantau serta diberi bahan pengajaran yang menepati aras keupayaan minda mereka. Sistem ini telah berjaya mendapat pingat Perak di Ekspo Inovasi Islam 2014, i-Inova'14 USIM dalam kategori terbuka. Pencapaian pada tahun 2014 telah membuktikan bahawa Pusat PERMATA Insan telah berjaya mengorak langkah dalam menyediakan pendidikan bagi pelajar pintar berbakat ia menawarkan pendidikan peringkat menengah, Kolej PERMATA Insan yang dijangka akan mula beroperasi pada Januari 2015 dengan pengambilan pertama seramai 50 orang pelajar ke Asas 1 (Tingkatan 1).

## JADUAL DAN GRAF

BIL	NAMA PROGRAM	PERINGKAT PENGAJIAN	TARIKH PERAKUAN
1	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pengkomputeran Matematik Gunaan)	Sarjana Muda	22 April 2014
2	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Teknologi Sistem Terbenam)	Sarjana Muda	19 Mac 2014
3	Sarjana Sains Komputer (Informatik Enterprais)	Sarjana (Mod Campuran)	27 Mac 2014
4	Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian	Sarjana Muda	18 Ogos 2014
5	Sarjana Kewangan Islam	Sarjana (Mod Campuran)	20 Ogos 2014
6	Sarjana Perbankan Islam	Sarjana (Mod Campuran)	17 September 2014
7	Doktor Falsafah (Komunikasi)	Doktor Falsafah Open Distance Learning (ODL)	13 Ogos 2014
8	Doktor Falsafah (Kaunseling)	Doktor Falsafah Open Distance Learning (ODL)	22 September 2014
9	Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Arab)	Doktor Falsafah Open Distance Learning (ODL)	22 September 2014
10	Sarjana Undang-Undang	Sarjana Open Distance Learning (ODL)	17 Oktober 2014
11	Doktor Falsafah Sains Islam	Doktor Falsafah (secara Penyelidikan)	13 November 2014
12	Sarjana Sains Islam	Sarjana (secara Penyelidikan)	5 Disember 2014


Jadual 3.2 Program Akademik yang Mendapat Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti MQA

BIL	KEMASUKAN	TARIKH PENDAFTARAN	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	JUMLAH
1	Peringkat Pertama	2 September 2014	2143	6	2149
2	Peringkat Rayuan	17 September 14	350	3	353
<b>JUMLAH</b>			<b>2493</b>	<b>9</b>	<b>2502</b>


Jadual 3.4 Statistik Pendaftaran Pelajar Sarjana Muda bagi Sesi Akademik tahun 2014/2015

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN)
	2013	2014	
	BIL	BIL	
<b>Jumlah Graduan</b>			
PHD	33	23	(30.30)
Sarjana	92	88	(4.35)
Sarjana Muda	1,290	1,549	20.08
Diploma Siswazah	53	29	(45.28)
Tamhidi	0	0	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1,468</b>	<b>1,689</b>	<b>15.05</b>


Jadual 3.7 Pecahan Graduan USIM Majlis Konvokesyen Ke-12



Rajah 3.4 Statistik Graduan USIM 2003-2014



Rajah 3.9 Modul Kem PERMATA Insan



Rajah 3.10 Rekod Kehadiran Pelajar ke Kem PERMATA Insan

FAKULTI	JUMLAH GRADUAN
Fakulti Pengajian Bahasa Utama	144
Fakulti Syariah dan Undang-Undang	243
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	371
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	213
Fakulti Sains dan Teknologi	227
Fakulti Ekonomi dan Muamalat	268
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	55
Fakulti Pergigian	28
<b>JUMLAH</b>	<b>1549</b>

Jadual 3.8 Pecahan Graduan Mengikut Fakulti

BIL.	BENGKEL/LATIHAN	KUMPULAN SASARAN
1	Bengkel Pemantapan Modul PERMATA Insan	Warga
2	Bengkel Halatuju dan Penulisan Kreatif Pusat PERMATA Insan	Pusat PERMATA Insan
3	Bengkel Penggunaan Peralatan dan Perisian APPLE	
4	Bengkel Penyelidikan : Pemantapan Dan Penyepadan Ilmu Naqli Dan Aqli bagi kurikulum Tingkatan 1	
5	Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Pintar dan Berbakat	Kakitangan Akademik
6	Praktikum 'UKM-JHU-CTY SCHOOL HOLIDAY CAMP'	

Jadual 3.10 Bengkel dan Latihan anjuran Pusat PERMATA Insan

BIL	PELAJAR PERMATA INSAN	ANUGERAH
1	Muhammad Fakhruzzai bin Riduan	<i>Special Award on Virtual Reality Short Term Problem Solving Contest</i>
2	Uwais Al Qarni Bin Yahya	<i>Bronze Award for Students' Long Term Thesis (Dabai Fruit Project)</i>
3	Muhammad Faris Daniel Bin Azman	
4	Fatin Nabilah Binti Mohamed Sallehuddin	<i>Silver Award for Students' Long Term Thesis (Belimb-ing Buluh Innovation, FIT)</i>
5	Muhammad Imran Ihtisyam Bin Mohd Najid	
6	Nur Ameera Fitrah Binti Yusoff	<i>Appreciation Award for Student's Long Term Thesis (The Betels)</i>

Jadual 3.11 Senarai Anugerah yang diterima Pelajar PERMATA Insan di WCF 2014

BIL	PEGAWAI PENGIRING	ANUGERAH
1	Dr.Khairunneezaam Bin Mohd Noor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Bronze Medal for Short Term Innovation Project</i></li> <li>• <i>Silver Medal for Elementary Students' Long Term Thesis</i></li> <li>• <i>Special Award for Leadership in Creativity</i></li> <li>• <i>Appreciation Award for Creativity Achievement</i></li> </ul>
2	Puan Amirah Binti Zainun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Bronze Award for Students' Long Term Thesis</i></li> <li>• <i>Special Award for Leadership in Creativity</i></li> </ul>

Jadual 3.12 Senarai Anugerah yang diterima Staf PERMATA Insan di WCF 2014

# PENGALAMAN PEMBELAJARAN



Pengalaman pembelajaran mahasiswa (*student experience*) adalah elemen penting dalam membentuk kemahiran insaniah dan penerapan keyakinan diri yang tinggi bagi berdepan dengan dunia luar sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Pelajar USIM sentiasa diberi peluang menimba pelbagai bentuk pengalaman sepanjang proses pembelajaran mereka. Universiti percaya ilmu bukan hanya dinilai daripada pencapaian akademik semata-mata, tetapi juga bakat terpendam yang digilap serta pengalaman yang bermanfaat dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam dan di luar kampus.

Di USIM, pelajar berpeluang mengikuti pelbagai pengalaman ko-kurikulum termasuklah dalam badan beruniform, latihan industri, seni dan kebudayaan, lawatan antarabangsa serta khidmat komuniti dalam dan luar negara.



Majlis Santapan Malam Rejimental Pegawai Kadet Palapes 2014 Bersama DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

## KOKURIKULUM

Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) merupakan pusat yang bertanggungjawab melaksanakan Kursus Kokurikulum Berkredit di mana pelajar mempunyai ruang yang amat luas untuk melatih diri menerap kemahiran insaniah dalam diri mereka untuk menjadi graduan yang holistik dan berdaya saing tinggi kelak.

PPKI menawarkan pelbagai pilihan kursus-kursus kokurikulum berkredit yang merangkumi lapan teras seperti berikut:

- Teras Sukan
- Teras Kebudayaan
- Teras Kesukarelawanan
- Teras Pengucapan Awam
- Teras Kepimpinan
- Teras Daya Usaha dan Inovasi
- Teras Khidmat Komuniti
- Teras Keusahawanan

Antara kejayaan yang dicapai menerusi aktiviti badan beruniform ialah pentaulahan Pengurusan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) USIM dalam Istiadat Pentaulahan DiRaja PALAPES yang berlangsung pada 10 hingga 23 Ogos 2014 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Peserta terdiri daripada 105 kadet dengan pecahan 86 kadet senior, 10 kadet *intermediate* dan 9 kadet junior.

Selain itu, pentaulahan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi SUKSIS IPTA SeMalaysia kali ke-10 juga memperlihatkan 43 anggota SUKSIS USIM berjaya ditauliahkan dalam majlis yang berlangsung pada 11 hingga 25 Ogos 2014 di Universiti Teknologi MARA (UiTM Shah Alam). Lebih membanggakan, Nurul

Syazana Mohd Nor, pelajar tahun tiga jurusan Pentadbiran Muamalat Fakulti Ekonomi dan Muamalat dinobatkan sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan SUKSIS. USIM turut termaktub sebagai IPTA pertama di Negeri Sembilan yang menubuhkan Kor-SUKSIS. Ini memperlihatkan penerapan nilai kepolsian di kalangan peserta yang terpilih telah diberikan keutamaan supaya setiap peserta dapat memberikan keterampilan dan ketahanan mental serta disiplin yang tinggi.

Selain pentaulahan PALAPES dan SUKSIS, Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (KOR SISPA) juga ditauliahkan dalam Majlis Pentaulahan dan Perhimpunan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (KOR SISPA) Peringkat Kebangsaan kali kelima tahun 2014 yang melibatkan 75 kadet Kor SISPA USIM. Majlis tahunan itu berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 16 hingga 20 Ogos 2014.

Kursus kokurikulum berkredit turut memberi peluang kepada pelajar menganjurkan projek yang dinilai berdasarkan impak positif kepada masyarakat hasil pembelajaran kursus. Projek-projek seperti ini memberi peluang yang sangat baik kepada pelajar untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari dalam kursus ini sepanjang semester.

## LATIHAN INDUSTRI

Selain wajib mengikuti kursus berbentuk kokurikulum, pelajar USIM juga wajib menimba pengalaman secara langsung dengan industri iaitu melalui

Latihan Industri (LI) yang dikelolakan oleh Pusat Perhubungan Industri dan Pengkomersilan (PHIP). Pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) telah memulakan LI pada Semester II 2013/2014. Sejumlah 1535, pelajar telah menerima tawaran dari pelbagai industri bagi menjalani LI. Selanjutnya bagi sesi Semester I 2014/2015, proses permohonan LI telah bermula pada 14 September 2014 melibatkan 5 buah fakulti. Latihan Industri bagi pelajar sesi ini akan bermula sekitar Februari 2015 dan tarikh adalah mengikut program masing-masing.

## PENCAPAIAN PELAJAR

Selain itu, pelbagai kejayaan dicipta oleh pelajar USIM membuktikan bahawa pengalaman yang diperoleh di peringkat universiti mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di peringkat kebangsaan, Kelab Debat USIM menjadi Johan Pertandingan Debat Bahasa Arab Maal Hijrah 1436H Institusi Pengajian Tinggi.

Manakala, di peringkat antarabangsa, warga USIM boleh berbangga dengan kejayaan-kejayaan pelajar di peringkat antarabangsa. Misalnya, Misi Sukarelawan Siswa YSS Ke Luang Prabang, Laos PDR melibatkan tiga orang pelajar USIM iaitu Wan Amar Ikram Wan Abdullah, Nurain Zakiah Md Hazizi dan Nurathiqah Mohd Fadzil. Misi Sukarelawan Siswa YSS Green Summer Volunteer Campaign Vietnam pula melibatkan tiga pelajar USIM yang terpilih iaitu Syafi'ie Syukri Mohammaed Faridz, Ahmad Fikri Husrin dan Siti Aishah Mustafa. Manakala World Heritage Youth Forum Qatar melibatkan pelajar Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin.

## ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah menganjurkan Anugerah Kecemerlangan Siswa 2013 (AKSIS '13) sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan universiti atas pencapaian cemerlang pelajar yang telah memperdaya saing dan motivasi yang tinggi dalam aktiviti berpersatuan serta pertandingan hasil garapan kemahiran insaniah yang ditonjolkan serta melonjakkan nama USIM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2013.

Muhammad Safwan Hamdy, 22 pelajar Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko Fakulti Sains dan Teknologi dianugerah Tokoh AKSIS 2013 dan turut berjaya merangkul dua anugerah lain iaitu Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik dan Anugerah Tokoh Cemerlang Kepimpinan Siswa. Safwan merupakan seorang yang aktif dan berbakat dalam aktiviti debat sejak dari program Tamhidi lagi. Pernah menyertai pertandingan Debat Naib Canselor, Pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Jemputan Nusantara dan Pertandingan Debat Piala Diraja 2010 (Bahasa Inggeris) di UTHM, Johor.



Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin  
Wakil Malaysia di World Heritage Youth  
Forum, Qatar .



Profesor Madya Dr. Lim Swee Tin  
Mendeklamasikan Sajak pada Malam Puisi Gaza

Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Sukan dan Rekreasi Terbaik, Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik, selain Anugerah Sukarelawan Terbaik, Anugerah Cemerlang Pencapaian Inovasi, dan Anugerah Cemerlang Pencapaian Kebudayaan.

## SENI DAN BUDAYA

Pelajar USIM juga mempunyai peluang mengasah bakat dalam bidang seni dan kebudayaan melalui aktiviti anjuran Pusat Kebudayaan USIM. Sepanjang 2014, sebanyak 26 kejayaan telah dirangkul oleh Kumpulan Urus Setia Kesenian Pelajar yang telah mengharumkan nama universiti dengan penglibatan 1,797 penyertaan pelajar menerusi pelbagai program dan pertandingan pelbagai peringkat. Urus Setia Kesenian Pelajar telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dan sekaligus menunjukkan betapa pelajar USIM yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang agama turut boleh maju dalam bidang seni dan budaya.

Program-program berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada pelajar dan komuniti setempat adalah seperti Malam Puisi GAZA dan Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA). Dalam CIPTA misalnya, penglibatan mahasiswa dalam menghasilkan lagu patriotik bersama penghuni penjara merupakan wadah dalam menampilkan imej USIM sebagai Universiti Awam yang berkebolehan, berketerampilan dan sentiasa terhadap dalam mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli. Nilai dan semangat patriotisme dizahirkan melalui bait-bait lirik dan cipta pelbagai genre melodi mengikut kesesuaian pelbagai lapisan golongan masyarakat. Sejumlah 40 lirik patriotik dihasilkan di samping 30 lagu ciptaan mahasiswa USIM.

Program ini turut memberi impak kepada penghuni penjara kerana ianya sebahagian daripada program pemulihan untuk meningkatkan rasa keinsafan dan cintakan negara. Pemilihan secara berperingkat penghuni penjara seluruh negara dan berjaya menghimpunkan sejumlah 45 lirik dan 28 lagu hasil ciptaan mereka.

Selain itu, di peringkat kebangsaan, pelajar USIM turut bergemeralpan apabila dinobatkan sebagai pemenang dalam pelbagai pertandingan seperti Johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan sempena Festival Belia Putrajaya (Mohamad Husaini Mahmur, pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama), Johan Pertandingan Khat dalam Pertandingan Khat sempena Festival Nasyid, Marhaban dan Berzanji peringkat Negeri Sembilan (Mohd Aliff Nasir), Johan Kumpulan Nasyid pada Pertandingan Nasyid Piala Rabbani (Kumpulan Interacksee), Johan Sayembara Puisi MAKUM - Ikon Sasterawan Negara Usman Awang (Mohd Hanif Abdul Jalil, pelajar Fakulti Sains dan Teknologi) dan Muhammad Shukri Sahari,



Muhammad Safwan Hamdy merupakan Tokoh AKSIS 2013



Peserta dan Barisan Juri Festival Cipta Lagu Patriotik bertempat di Dewan Besar USIM



"Dalam perniagaan 98% yang terlibat adalah 'attitude' dan 2% adalah kemahiran. Hanya dengan 'attitude' usahawan yang asli, seseorang mampu untuk menceburi perniagaan secara konsisten"

-Ibrahim Adham bin Asmail @ Ismail  
Alumni Sarjana Muda Pengajian  
Al-Quran dan Sunnah,  
Pemilik Restoran Fikles



Alumni USIM), serta Saudara Mohd Nurhakimi Md Yaman yang menjuarai Pertandingan Nyanyian Lagu Asli Peringkat MAKSAK Negeri Sembilan 2014.

### KEUSAHAWANAN SISWA

Pelajar USIM juga sentiasa digalakkan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) berperanan untuk merancang serta melaksana program-program latihan dan pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar USIM secara berstruktur. Matlamat utama PPKS adalah untuk melahirkan usahawan graduan Muslim (graduate muslimpreneurs) dan graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan (entrepreneurial graduates) yang mempunyai keterampilan tinggi dan berakhhlak mulia.

Antara pencapaian PPKS bagi tahun 2014 ialah penganjuran aktiviti keusahawanan yang melibatkan lebih 5000, orang pelajar. Selain itu, PPKS juga mensasarkan 11 orang siswazah USIM untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan selepas tamat pengajian. Manakala sebanyak 78 kumpulan pelajar telah dibentuk sebagai kelompok pelajar yang berniaga di samping menjalankan tugas harian sebagai pelajar USIM.

Demi usaha melahirkan usahawan Islam yang berilmu dan beretika tinggi, Latihan Asas Keusahawanan Islam (LAKIS) telah dianjurkan pada 18 hingga 23 Oktober 2014 di Shah Alam. Latihan Keusahawanan Islam amat diperlukan untuk

pembangunan Muslimpreneurs di kalangan pelajar IPT khususnya pelajar USIM. Ledakan perubahan sistem ekonomi konvensional kepada sistem ekonomi Islam semakin ketara dengan peningkatan permintaan terhadap sistem perbankan dan kewangan Islam, produk dan perkhidmatan halal, dan sistem pengurusan Islam.

Terdapat lima modul khusus dalam Latihan Asas Keusahawanan Islam ini. Modul-modul yang ditawarkan adalah tidak terhad dan boleh ditambah dan dikembangkan berdasarkan keperluan semasa. Matlamat kursus secara keseluruhannya adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada ilmu-ilmu teori asas dan praktikal di dalam bidang keusahawanan Islam yang melibatkan asas-asas perniagaan.

### MINGGU KEUSAHAWANAN

Untuk mempraktikkan ilmu keusahawanan yang diperoleh, pelajar juga berpeluang melibatkan diri terus dalam bidang keusahawanan menerusi Minggu Keusahawanan Siswa 2014. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap dunia keusahawanan dan perniagaan baik di luar maupun di dalam kampus.

Minggu keusahawanan yang bertemakan 'Melestarikan Keusahawanan Kampus' telah menghimpunkan pelajar seramai 1600 orang yang terdiri daripada 7 fakulti yang terdapat di dalam



USIM kecuali Fakulti Pergigian. Sebanyak 200 gerai telah dibuka sepanjang minggu keusahawanan ini.

Selain itu, projek-projek berimpak tinggi juga dianjurkan untuk menyediakan lebih ruang dan peluang untuk pelajar mendalami teori dan praktis keusahawanan. Misalnya, kemudahan *Student Mall* memberi ruang dan peluang kepada usahawan siswa untuk memperolehi pendedahan awal menjalankan perniagaan secara berpremis di dalam kampus. Hasil yang diharapkan daripada penyediaan prasarana ini adalah untuk melahirkan usahawan pelajar yang mampu berdikari sebagai usahawan berjaya setelah mereka menamatkan pengajian di universiti. Bagi tahun 2014, sebanyak 8 buah lot kedai telah beroperasi.

Kiosk Siswa Niaga pula menjadi platform bagi pelajar-pelajar USIM yang berminat menjalankan perniagaan sendiri sebagai landasan awal sebelum melangkah ke dunia perniagaan yang sebenar. Terdapat 6 buah kiosk yang disediakan oleh pihak PPKS yang telah ditempatkan di Bangunan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Kolej Kediaman 1, Bangunan Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Bangunan Fakulti Ekonomi & Muamalat (FEM) dan di Pusat Komersil.

Koperasi Siswa Universiti Sains Islam Malaysia Berhad (KOSISWA USIM) merupakan koperasi pelajar Universiti Sains Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 25 Jun 2012. Matlamat utama penubuhan koperasi ini adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi mahasiswa USIM mengikut prinsip-prinsip koperasi. Dengan cara ini mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti ekonomi yang diusahakan secara berkoperasi, justeru menambahkan sumber pendapatan mereka semasa di dalam pengajian.

Untuk tujuan dokumentasi usaha keusahawanan di USIM, satu penerbitan Buku Biografi Usahawan Alumni USIM sedang diusahakan untuk merekodkan kejayaan alumni USIM dalam bidang perniagaan. Buku ini adalah merupakan suatu usaha untuk membuktikan hasil keberkesanan program-program keusahawanan yang telah dijalankan oleh universiti selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi. Usaha ini juga dapat membantu Pejabat Pengurusan Alumni USIM untuk menjalankan kajian kebolehpasaran graduan USIM bagi memenuhi sistem penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia atau SETARA.

Salah satu daripada sasaran KPI *Critical Agenda Programme* (CAP) Keusahawanan adalah untuk melahirkan siswazah dan lepasan IPT yang menceburi bidang keusahawanan. Cadangan untuk menerbitkan Buku Biografi Usahawan Alumni USIM ini dilihat menjadi penanda aras untuk mendokumentasikan maklumat usahawan graduan USIM yang merangkumi maklumat perniagaan yang mereka ceburi.

## **USIM ‘ALAMIYYAH**

USIM ‘Alamiyyah merupakan pusat rujukan setempat kepada aspek perhubungan antarabangsa universiti, pengurusan pelajar antarabangsa serta program – program pengantarabangsaan yang melibatkan pelajar, kakitangan akademik dan pentadbiran serta pelawat universiti dari luar negara.

Penubuhan USIM ‘Alamiyyah mampu mengerakkan agenda pengantarabangsaan universiti dengan penstrukturkan strategi dan pelaksaan di peringkat



Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pelbagai program kerjasama telah mula dilaksanakan dengan kerjasama fakulti dan PTJ USIM antaranya program mobiliti, *Internationalization @ Home*, program kerjasama Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Oman, program pertukaran pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama dengan China dan sebagainya. Program pengantarabangsaan universiti kini lebih terstruktur dan jelas pelan tindakannya dengan rujukan di USIM 'Alamiyyah.

### **Program Inbound**

USIM telah berjaya memetakan namanya dalam arena pendidikan tinggi di peringkat nasional dan global melalui program pengantarabangsaan yang begitu rancak sepanjang tahun 2014. Program mobiliti *inbound* telah menunjukkan peningkatan penyertaan dengan kehadiran pelbagai peserta program dari kalangan pelajar, pensyarah serta individu dari organisasi luar negara yang menyertai program-program anjuran USIM.

Pelbagai program promosi dan lawatan kerja rasmi USIM telah dilaksanakan pada 2014 dengan memfokuskan kepada 'route' ke USIM '16 dan USIM '25. Program promosi memfokuskan kepada *roadshow* ke rangkaian sekolah i-GSN USIM (*Islamic Global School Network*) di peringkat ASEAN.

USIM telah menerima 47 lawatan antarabangsa dari pelbagai negara yang berminat untuk meneroka peluang kerjasama bersama USIM di antaranya Lawatan Kerja dari Daffodil International University (DIU) & Chairman DIU, Bangladesh, Lawatan Kerja International Islamic University Chittagong (IIUC), Bangladesh dan Lawatan Kerja College of Islamic Studies Male Maldives bersama Deputy Minister, Ministry of Islamic Affairs Maldives.

Hasil daripada lawatan ke USIM turut membawa kepada kerjasama antarabangsa antaranya Program Kerjasama USIM – IIUC dalam menawarkan program pengajian siswazah USIM secara atas talian bagi kumpulan tenaga akademik IIUC. Selain itu, lawatan dari DIU juga mengikat program kerjasama dalam program pengajian siswazah USIM bagi kumpulan pensyarah mereka.

Tahun 2014 merupakan tahun bermulanya pengenalan program *International @ Home* atau I@H. Program ini memberi peluang kepada pelajar USIM untuk menyertai program mobiliti anjuran USIM 'Alamiyyah dengan penyertaan peserta dari luar negara. Program I@H memberi pendedahan kepada pelajar dalam aspek pengantarabangsa, kepelbagaian budaya, bahasa dan interaksi tanpa perlu modal yang banyak seperti mana program lawatan ke luar negara. Antaranya, AFLES atau *Asian Future Leaders Summit* 2014 telah

berjaya menarik penyertaan dari pelbagai negara dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Prince Songkhla University (PSU), Thailand. Pelajar USIM yang menyertai program AFLES 2014 berpeluang merasaikan pengalaman antarabangsa dengan pendedahan kepada pelbagai budaya melalui pelbagai aktiviti program. (Jadual 4.1)

### **Program Outbound**

USIM turut mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah negara melalui program outbound, antara lain bertujuan untuk memperkuuhkan aspek jalinan kerjasama akademik, penyelidikan dan pertukaran pelajar. Antara lawatan kerja yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah China, Bangladesh, Nigeria, Uganda dan Oman.

Program latihan industri antarabangsa juga diteruskan pada tahun 2014 dengan lebih ramai pelajar diberi peluang untuk menyertai program latihan industri dan *elective posting* di luar negara dalam tempoh 4 – 16 minggu. Organisasi seperti hospital, yayasan kerajaan dan universiti luar negara menjadi pilihan pelajar dalam mencari penempatan untuk latihan industri di luar negara. (Jadual 4.2)

### **SUKAN DAN REKREASI**

USIM terus melangkah maju ke hadapan untuk melahirkan para ilmuan yang bukan sahaja dinamik, berketrampilan, dan berdaya saing, malah bertekad untuk seimbangkan dari segi rohani, mental dan fizikal dengan mengadakan program-program dan pertandingan kesukanan bagi meningkatkan kecerdasan badan dan fikiran samada dikalangan pelajar, kakitangan dan pengurusan universiti.

Selain itu, Pusat Sukan juga merupakan penggerak Program Senamrobik dan Berbasikal yang diadakan pada setiap Rabu. Program senamrobik dan berbasikal ini merupakan salah satu pengisian dalam Program Penggalakkan Pembudayaan Sukan dikalangan warga kampus. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan dan mengamalkan gaya hidup sihat dikalangan kakitangan.



Aktiviti Berbasikal Mahasiswa  
USIM



## JADUAL DAN GRAF

Program Pengantarabangsaan Pelajar dan Staf - Mobiliti Inbound

BIL	PTJ	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN DELEGASI
1	Institut Penyelidikan Dan Pengurusan Halal (IHRAM)	<i>Halal Meat Production and Marketing Training</i>	27 - 31 Januari 2014	Hotel Sama Sama, KLIA	18
2	USIM 'Alamiyyah	Walisongo, Indonesia	15 Sep - Nov	Indonesia	6
3	Fakulti Ekonomi Dan Muamalat	<i>Public Lecture on "Self Adjusting Profit Sharing Ratio for Musharakah Financing" and "Inheritance of Family Wealth and Shariah" by 2 visiting Professor: Prof. Volker Neinhaus, SC-UM &amp; Associate Prof. Malcom Voyce, Macquarie University</i>	26 Feb-2014	Bilik Persidangan, FEM	57
		<i>Knowledge Sharing Session bersama Dr Ahmad Jamal, Cardiff University, United Kingdom</i>	28 April 2014	Bilik Persidangan, FEM	23
		Lawatan dari Universitas Muhammadiyyah, Jogjakarta	6 Mac 2014	Bilik Persidangan, FEM	23
		Lawatan dari Universitas Muhammadiyyah, Jogjakarta ke FEM (kali kedua)	24 Mac 2014	Bilik Persidangan, FEM	12
		Lawatan dari Sek. Tinggi Ekonomi Islam, Tazkia, Indonesia	24 Mac 2014	Bilik Mesyuarat Ketua Program 2, FEM	7

Jadual 4.1: Program Pengantarabangsaan Pelajar dan Staf - Mobiliti Inbound

**Program Pengantarabangsaan Pelajar dan Staf (Semua PTJ) - Mobiliti Outbound**

BIL	PTJ	NAMA PROGRAM	TARIKH (2014)	TEMPAT	BIL. DELEGASI
1.	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	Kembara Lawatan Ilmiah Anak USIM ke Yogyakarta, Indonesia 2014	25 - 31 Januari	Indonesia	18
		<i>AALCO Workshop on Law of The Sea</i>	24 - 25 Februari	New Delhi, India	1
		<i>International Conference on Islamization of Economics</i>	8 - 9 Mac	Gontor Indonesia	1
		<i>Plenary and Course Development Workshop on Asean Economic Community</i>	1 April	Hanoi, Vietnam	2
		<i>Foundation For Islamic Finance Conference Theme: Islamic Economics and Finance: The Frontier</i>	2 - 3 April	Durham, UK	1
		Pengembaraan USIM <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Kemanusiaan dan Kemasyarakatan "Erti Hidup Pada Memberi" Ke Kampung Cham, Kemboja	4 - 8 April	Kemboja	30
		Pengembaraan USIM <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Ilmu dan Kemasyarakatan ke Satun, melibatkan pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang.	6 - 11 April	Thailand	22
2.	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Keprihatinan Ummah ke Guangzhou, China	19 - 24 Januari	Guangzhou, China	13
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Islam Medan Di Bumi Indonesia	20 - 24 Januari	Medan, Indonesia	16
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Jaulah Mahabbah di Bumi Sakura,Tokyo,Jepun	23 – 29 Januari	Tokyo, Jepun	17
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Misi Bantuan Kemanusiaan Yogjakarta	9 - 15 Februari	Indonesia	107
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Kemanusiaan Dan Kemasyarakatan 'Erti Hidup Pada Memberi'Kampung Cham Kemboja	4 - 8 April	Kemboja	30
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Kasih Ummah di Lanzhou, China	4 - 13 April	Lanzhou, China	25
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Helping Hand Across Mekong,Kemboja	5 - 10 April	Kemboja	26
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Ilmu dan Kemasyarakatan di Satun, Thailand	6 - 10 April	Thailand	10
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Mahabbah Bersama Masyarakat Muslim di Chengdu, China	6 - 13 April	China	26
		Pengembaraan <i>Global Islamic Student Outreach</i> (GISO) 2014: Kembara Kasih Ummah dan Pembudayaan Masyarakat di China	9 - 12 April	Guangzhou, China	22



BIL	PTJ	NAMA PROGRAM	TARIKH (2014)	TEMPAT	BIL. DELEGASI
3.	Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA)	Program Pengantarabangsaan Dan Lawatan Teknikal Ke Melbourne, Australia	7 - 12 Januari	Melbourne, Australia	33
4.	Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Program GISO: Kembara Keprihatinan Ummah ke Guangzhou, China	19 - 24 Januari	Guangzhou, China	13
		Program GISO ke Jogjakarta, Indonesia	9 - 15 Februari	Jogjakarta, Indonesia	107
		Seminar Pengurusan Wakaf - Pembentangan Kertas Kerja	15 Mac	Universitas Medan Area, Sumatera Utara, Indonesia	1
		Lawatan susulan ke Oman ke Majan College University, Al Buraimi College dan College of Banking and Finance, Oman	18 – 26 April	Oman	3
		<i>International Conference on Business, Science and Technology (ICBST 2014) - Pembentangan Kertas Kerja</i>	25 – 26 April	Thailand	1
		<i>Global Interdisciplinary Business-Economics Advancement Conference - Pembentangan Kertas Kerja</i>	15 – 18 Mei	Clearwater Beach, Tampa, Florida-USA	1
		<i>IMT - GMT Entrepreneurship and Community Development Forum 2014 - Peserta</i>	25 – 27 Mei	Pekanbaru, Riau, Indonesia	
5.	Bahagian Penerbitan	Pesta Buku Brunei 2014	2 - 9 Mac	Putus Persidangan Barakas, Brunei	2
		Lawatan Ke Penerbit Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)	3 Mac	Putus Penerbitan KUPU SB	2
6.	Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan	Program Lawatan Antarabangsa (LA) Eksplorasi Keilmuan Nusantara, Jakarta, Indonesia	27 - 31 Januari	Jakarta, Indonesia	29
		Program Lawatan Antarabangsa Jejak Ukhwah Islamiyah di Medan, Indonesia (JUIM'14)	7 – 11 April	Medan, Indonesia	31
7.	Fakulti Sains Dan Teknologi	Program Pengembalaan USIM GISo 2014 : Kembara Mahabbah di Bumi Sonata	04 – 9 April	Korea	24
		Program Pengembalaan USIM GISo 2014 : <i>Helping Hand Across The Mekong</i>	5 – 10 April	Kemboja	26
		Program Pengembalaan USIM GISo 2014 : Kembara Mahabbah Bersama Masyarakat Muslim di Chengdu, China	6 – 13 April	China	26
		Program Pengembalaan USIM GISo 2014 : Kembara Kasih Ummah ke Lanzhou, China	7 – 12 April	China	26
		Program Pengembalaan USIM GISo 2014 : Kembara Kasih Ummah dan Pembudayaan Masyarakat di Guangzhou, China	7 – 12 April	China	24

BIL	PTJ	NAMA PROGRAM	TARIKH (2014)	TEMPAT	BIL. DELEGASI
8.	Pejabat Naib Canselor	Program USIM Benchmarking visit ke Institut Studi Darussalam (ISID) Gontor di Rumah Sakit JIH Yogyakarta	30 Januari 2013 - 3 Februari	Yogyakarta , Indonesia	21
		<i>International Conference On Business Economics and IT (ICEBEIT 2014)</i>	17- 19 Mac	Taipei, Taiwan	1
		Lawatan Kerja Rasmi USIM dan Promosi Antarabangsa ke China	22 Mac	China	1
9.	Fakulti Quran Dan Sunnah	Lawatan Antarabangsa dan Baktiswisa Mahasiswa Pengajian Quran Dengan Multimedia Tahun Tiga ke Hong Kong	20 – 24 Januari 2014	Hong Kong	37
		Lawatan Intelek Antarabangsa , Pelajar Tahun 3 Program Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat	20 – 24 Januari	Jakarta, Indonesia	36
		Lawatan Intelek Antarabangsa , Pelajar Tahun 3 Program Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat	23 – 27 Januari	Korea	20
		Program Jejak Warisan Ilmu Islam di, Bandung Indonesia	4 – 8 Februari	Bandung, Indonesia	40
		Lawatan Antarabangsa Ke Institusi Pengajian Tinggi dan Khidmat Masyarakat di Aceh Indonesia	5 – 9 Februari	Acheh, Indonesia	27
		Lawatan Antarabangsa Intelektual, Mahasiswa Pengajian quran Dengan Multimedia tahun tiga ke Padang, Indonesia	8 – 12 Februari	Padang, Indonesia	28
		Program Misi Menjejaki Budaya Islam Antarabangsa, Mahasiswa Tahun 3, Pengajian Quran dan Sunnah	9 – 13 Februari	Thailand	30
		Seminar Jisda 2014: Pembangunan Umat Di Era Globalisasi Berlandaskan Al-Quran Realiti Dan Tentangan	17 Februari	Thailand	3
		<i>International Seminar Of Arabic Language University Of Sultan Qabus</i>	2 – 3 Mac 2014	Oman	1
		<i>The Conference Of Food And Medicine In Light Of Recent Developments: An Islamic Law Perspective</i>	16 -17 April	University of Sharjah	1
		<i>International Conference On Liberal Arts And Social Sciences 2014</i>	25 – 29 April	Melia Hotel Hanoi & Ha Long Bay ,Vietnam	1
10.	Fakulti Pergigian	<i>Internationalization Programme to Vinayaka Mission's Sankarachariyar Dental College 2014</i>	3-7 November	Vinayaka Mission's	5

Jadual 4.2: Program Pengantarabangsaan Pelajar dan Staf (Semua PTJ) - Mobiliti Outbound

LIBATSAMA  
KOMUNITI



Universiti memainkan peranan dalam membawa kepakaran yang dimiliki dalam pelbagai bidang ilmu kepada komuniti sekitar. Libatsama komuniti merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam membina jalinan nurani antara Universiti dan masyarakat setempat dan komuniti global melalui pelbagai bentuk program yang mewujudkan interaksi langsung antara kedua belah pihak. Di USIM, pelbagai Jabatan, kelab/persatuan staf dan pelajar serta Pengurusan Universiti aktif dalam mengambil inisiatif untuk mengadakan program sebegini sepanjang 2014.

Selain aktiviti kokurikulum dan hubungan industri yang berbentuk ‘wajib’, pelajar USIM juga sentiasa mempunyai pilihan yang luas untuk mengasah kemahiran insaniah dalam program libatsama masyarakat yang dianjurkan.

Melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), program libatsama masyarakat terus diperkasakan pada tahun 2014 dengan sejumlah 37 program dilaksanakan, melibatkan seramai 5853 orang pelajar. Program libatsama masyarakat ini turut memfokuskan lokasi program meliputi tujuh (7) daerah di Negeri Sembilan.



## KESUKARELAWANAN KOMUNITI SETEMPAT

Mahasiswa sebagai kumpulan kepimpinan masyarakat di masa hadapan perlu untuk sentiasa cakna dan menghayati keperluan masyarakat sekitar khususnya. Menjadikan universiti sebagai agen perubahan, khidmat komuniti adalah pendekatan sentuhan hati yang amat sesuai untuk membawa aspirasi ini bagi membolehkan mereka yang terlibat menyelami denyut nadi komuniti setempat.

Sebagai satu-satunya universiti awam yang berpangkalan di Negeri Sembilan, USIM mendukung segala aspirasi kerajaan negeri serta turut sama membangunkan sosiobudaya masyarakat mengikut acuan yang tersediri.

Untuk itu, program libatsama masyarakat terus diperkasakan pada tahun 2014. Sejumlah 37 program telah dilaksanakan dengan bilangan penyertaan seramai 5,853 orang pelajar. Program libatsama masyarakat ini turut memfokuskan lokasi program meliputi tujuh (7) daerah di Negeri Sembilan.

## KLINIK PAKAR DAN PUSAT HEMODIALISIS

Memorandum Persefahaman (MoU) USIM bersama bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) merintis laluan baru dalam aspek khidmat komuniti dalam bentuk penjagaan kesihatan. Hasil usaha Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW) USIM membawa kepada pembangunan projek Klinik Pakar Kesihatan USIM dan Pusat Hemodialisis USIM melalui pembiayaan wakaf.

Sumbangan sebanyak RM3.5 juta yang disampaikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan dengan RM2 juta diperuntukkan

untuk menubuhkan Klinik Pakar Kesihatan USIM yang ditempatkan di Nilai Square Bandar Baru Nilai. Klinik ini akan menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pergigian dan rawatan pesakit luar yang akan dikendalikan oleh Khidmat Profesional yang terdiri daripada doktor-doktor pakar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM.

## PROGRAM BELIA ISLAM SELAMAT DAN SEJAHTERA (BLISS)

Program Belia Islam Selamat dan Sejahtera (BLISS) anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar diadakan bertujuan menyalurkan ilmu dan kepakaran warga USIM yang terdiri daripada kumpulan kakitangan pentadbiran, warga pendidik serta pelajar kepada penduduk setempat. Ia merupakan satu pendekatan yang berkesan untuk ahli masyarakat kawasan sekitar USIM mengenali USIM dengan lebih dekat di samping mengeratkan hubungan silaturahim sedia ada.

Bertempat di Surau Taman Desa Anggerik, Nilai, pelbagai aktiviti praktikal diatur dan sambutan serta penyertaan daripada ibu bapa dan kanak-kanak amat memberangsangkan. Antara aktivitiannya adalah Bengkel Celik Solat, Taklimat dan Praktikal Cara Penyembelihan Halal, Taklimat dan Demonstrasi Penjagaan Gigi dan Tangan, Bengkel Motivasi, Bengkel Cup Cake, Eksplorasi, Gotong-royong Memasak dan Pemeriksaan Kesihatan.

## DEKATI MASYARAKAT ORANG ASLI

Dalam usaha mendekatkan mahasiswa dengan ahli masyarakat orang asli, pelbagai aktiviti dirancang secara sistematis bagi memahami masyarakat secara lebih mendalam. Salah

satu daripadanya ialah program yang diadakan di Felda Sg. Lui, Jempol, Negeri Sembilan anjuran pelajar Dakwah Tahun 3 Fakulti Kempimpinan dan Pengurusan (FKP).

Program ini dilihat sebagai satu usaha dakwah yang menjadikan pelajar sebagai ejen dalam medium penyebaran agama Islam dengan lebih meluas. Melalui program ini juga, mahasiswa dapat membantu meningkatkan kesedaran sosioekonomi Orang Asli serta kepentingan pendidikan kepada generasi lebih muda dalam kalangan Orang Asli. Antara agensi yang terlibat secara rasmi adalah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

## KARNIVAL KESIHATAN GEMENCHEH

Seramai 26 pelajar tahun 4, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan menganjurkan program Karnival Kesihatan Islam di Sekolah Kebangsaan Kampung Gedok, Gemencheh, Negeri Sembilan. Karnival ini mendapat sambutan baik dari penduduk setempat dan seramai lebih 60 orang telah menjalani saringan kesihatan.

Karnival anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Gedok dan Klinik Kesihatan Daerah Tampin ini merupakan program intervensi kesihatan lanjutan hasil kajian komuniti yang telah diadakan selama 2 minggu tentang penyakit tidak berjangkit (non-communicable disease) seperti darah tinggi, kencing manis dan sakit jantung.



Menteri Besar Negeri Sembilan  
Menjalani Ujian Kesihatan di Klinik  
Pakar USIM

Karnival ini adalah inisiatif bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk kampung bagi mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit serta menjelaskan mengenai isu-isu perubatan yang berlandaskan Islam seperti fiqh perubatan Islam dan solat ketika sakit.

Dengan penganjuran program seperti ini, ia merupakan satu platform untuk melahirkan bakal doktor yang lebih berwibawa serta mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap kesihatan masyarakat.

## DEKATI KELAINAN UPAYA

Mahasiswa Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat (SPM) Tahun 3 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah mengadakan Lawatan Akademik dan Khidmat Masyarakat ke Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma (SKPK Alma) yang bertempat di Bukit Mertajam Pulau Pinang, di mana para pelajarnya mengalami kecacatan penglihatan.

Objektif utama adalah untuk mendekati pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik ini selari dengan pengkhususan peserta dalam bidang Sunnah dengan Pengurusan Maklumat yang mengambil mata pelajaran Aplikasi Braille Dalam Pengajian al-Quran dan Sunnah.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti program Reset Minda, gotong-royong, Klinik Al-Quran dan Motivasi yang disertai oleh pelajar-pelajar SKPK Alma bersama mahasiswa SPM.

## SENTUHAN KASIH ANAK YATIM

Program selama sehari ini dijalankan oleh sekumpulan pelajar USIM bertempat di Rumah Pertubuhan Aak-Anak Yatim dan Miskin Darul Khusus (PEYAKIN).

Rumah PEYAKIN Negeri Sembilan ditubuhkan sejak tahun 2007 dipilih adalah atas dasar keprihatinan pelajar untuk merasai, menyelami dan mendekati 33 orang penghuni di rumah ini yang kurang bernasib

baik. Mereka terdiri daripada anak-anak yatim dan miskin dari umur 6 hingga 17 tahun.

Program diharap dapat mewujudkan perasaan bertanggungjawab dan berbakti kepada masyarakat sekeliling dan mereka yang memerlukan. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk para penghuni antaranya ceramah motivasi, sukaneka berkumpulan, pertandingan mewarna dan kuiz. Selain itu, turut dijalankan program gotong-royong bagi keceriaan rumah dan sembang santai bersama para penghuni dan kakitangan rumah berkenaan.

Pada penghujung program, para penghuni ini menerima cenderamata USIM serta penyerahan sumbangan wang tunai sebanyak RM 300.00 hasil inisiatif para pelajar membuat kutipan amal di kalangan rakan-rakan mereka di kampus.



Humanity Convoy sekitar Bandar Baru Nilai



Iklan Raya USIM

## HUMANITY CONVOY

Majlis Perwakilan Pelajar USIM menganjurkan program konvoi berbasikal dengan cogan kata *Humanity Convoy 2014* dengan kerjasama Pusat Sukan USIM. Program julung kali dianjurkan MPP ini telah mendapat sambutan hampir 80 mahasiswa USIM dengan diiringi oleh Unit Kesihatan Pelajar.

Program ini bermula seawal jam 7 pagi dengan kayuhan bermula dari USIM sejauh 17KM melewati beberapa lokasi sekitar Bandar Baru Nilai. Antara lokasi persinggahan bertemu penduduk setempat adalah Taman Perumahan Desa Cempaka Puri dan Surau Ar-Rahman Desa Cempaka Nilai. Di sana, aktiviti khidmat masyarakat yang dilakukan adalah membersihkan kawasan longkang, membersihkan pokok, menanam pokok, membersihkan dan mengindahkan surau.

Selain dapat membudayakan menjaga kesihatan dan menyemarak budaya, ia dapat merapatkan ukhwah antara warga MPP dan pelajar bersama masyarakat komuniti.

## KHIDMAT KOMUNITI BERKREDIT

Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan Kursus Kokurikulum Berkredit yang ditawarkan kepada semua pelajar. Melalui kursus ini, para pelajar perlu mengadakan projek akhir yang berteraskan khidmat komuniti dan kelestarian alam. Selain menjadi medium perantara di antara Universiti dan pelajar dalam memangkin usaha meningkatkan tahap Kemahiran Insaniah (KI), ia memberi pelajar peluang untuk mendekati masyarakat setempat dengan pelbagai program. Sebanyak 78 program komuniti dilaksanakan sepanjang tahun lalu oleh PPKI.

## IKLAN RAYA BERKESAN

Iklan berjudul "Dua Lebih Baik" yang dihasilkan oleh sekumpulan pelajar kreatif USIM yang menamakan produksi mereka *Light Motion Production* (LMP) dengan kerjasama Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) tersemari antara 10 iklan Hari Raya paling popular di Malaysia hasil tinjauan laman berita Astro Awani. Walaupun tidak ditayangkan di televisyen dan hanya dimuat turun di laman Youtube, ternyata kemudahan melayari laman media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram menggunakan telefon pintar oleh pengguna kini terbukti memberi pengaruh yang besar.

Dua Lebih Baik menceritakan mengenai keinginan seorang pemuda yang berusaha gigih melakukan pelbagai kerja untuk membeli sepasang Baju Melayu idamannya untuk dipakai pada 1 Syawal sebagai tema utama. Pelbagai cabaran dihadapi dengan tabah dan akhirnya upah yang diterima menjadi nikmat rezeki yang dikongsikan bersama dengan mereka yang kurang berasas baik agar kegembiraan Aidilfitri dapat dirasai oleh semua.

## MELANGKAU SEMPADAN

Program bakti USIM bukan hanya memfokuskan kepada komuniti setempat sahaja, malah turut melangkaui sempadan negara untuk memberi pendedahan yang lebih meluas kepada yang terlibat. Bagi mahasiswa, program khas *Global Islamic Student Outreach* (GISO) merupakan platform terbaik bagi mereka menjalankan program bersama komuniti di samping menimba pengalaman di luar negara.

Pengembaraan USIM GISO yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk menabur budi dan bakti melalui aktiviti libatsama masyarakat terus diperhebatkan. Program di bawah inisiatif *University Community Transformation Centre* (UCTC) ini telah dimulakan sejak tahun 2011 dengan sasaran kepada komuniti muslim minoriti di pelbagai negara.

Tahun 2014 mencatatkan peningkatan 50% daripada bilangan pengembaraan tahun sebelumnya apabila sejumlah 32 pengembaraan menjelajahi sembilan (9) buah negara diaturkan dengan jayanya.

### **GISO Tembok Besar China**

Anjuran Nadi Thaqafah Fakulti Pengajian Bahasa, mahasiswa merasai dan menimba pengalaman berharga bersama masyarakat Islam di Beijing. Pemilihan Beijing yang merupakan minoriti penduduknya beragama Islam menarik para peserta untuk bersama-sama merasai sedikit sebanyak cara hidup mereka dalam menempuh suasana dan tempat yang majoritinya bukan Islam selain mendapat pengalaman mempelajari bahasa, juadah makanan dan budaya masyarakat di Beijing.

Sepanjang berada di sana, pelbagai pengisian aktiviti libatsama masyarakat antaranya gotong-royong, suai kenal dengan ahli jemaah dan penyampaian sumbangan-sumbangan berbentuk cenderamata dan wang kepada Masjid Nan Dou Ya, Masjid Niu Jie, pusat pengajian al-Quran Tong Zhe Mei Wai dan tempat-tempat lain.

Peserta mengambil peluang mengadakan libatsama masyarakat di sekitar Tembok Besar China di mana peserta mengedarkan risalah-risalah berkaitan USIM. Selain itu, mereka turut menghiburkan pengunjung dengan persembahan Qasidah daripada kumpulan Bushra Lana.

### **GISO Kemboja**

Pelajar Fakulti Sains danTeknologi (FST) bertindak sebagai sukarelawan dalam menjayakan misi *A Step For Changes Across The Mekong*. Program yang dijayakan bersama Al – I'tisam Relief Program (ARP) memfokuskan khidmat bakti untuk menolong masyarakat Islam minoriti di Kampung Ampel, Kemboja yang baru sahaja ditimpa musibah banjir yang besar. Hujan lebat diantara Jun hingga Disember saban tahun mengakibatkan kemusnahan dan kerosakan harta-benda, tanaman dan ternakan akibat ditenggelami air.


Pelbagai aktiviti dilaksanakan bersama penduduk kampung selama seminggu mereka di sana yang menekankan aspek pembangunan jasmani, rohani, spiritual dan intelektual.

Sumbangan turut diterima dari organisasi di Malaysia antaranya Permodalan Nasional Berhad (PNB), Projek Wakaf NGO dan pihak pihak persendirian untuk diserahkan kepada penduduk kampung. Sumbangan lain turut diagihkan seperti 273 bungkus makanan harian, alat kelengkapan solat, naskah Al-Quran, pakaian serta wang tunai kira-kira RM 4000.00.

### **GISO India**

Program Misi Tautan Mahabbah dan Kebajikan yang disertai pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa membuka mata dan minda peserta untuk mencari sesuatu yang tersirat di negara yang paling ramai penduduknya yang dianggarkan 1.2 billion orang selepas China.





Mereka memperoleh pengalaman yang amat berharga dalam usaha mendekati komuniti Muslim di New Delhi, India dengan sebahagian besar kos misi tersebut telah mendapat tajaan daripada Bank Rakyat.

Aktiviti dan pengisian yang dijalankan adalah tertumpu kepada komuniti penduduk Islam, masjid-masjid di sekitar New Delhi dan Agra, Madrasah Tahfiz, rumah anak yatim juga institusi pengajian di sana.

Disamping memberi khidmat masyarakat, peserta juga berpeluang melawat tempat-tempat bersejarah di sekitar India seperti Taj Mahal yang merupakan salah satu tujuh keajaiban dunia.

### **GISO Guangzhou**

Pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah menyumbang bakti di bumi Guangzhou dengan berkampung selama enam hari lima malam di sana untuk menjalankan aktiviti khidmat masyarakat.

Bertemakan ‘Jom Siswa Jejak Di Guangzhou’, para peserta diterapkan dengan nilai kepimpinan dan sahsiah dalam diri pelajar serta pendedahan terhadap aktiviti pengantarabangsaan dalam menyumbang bakti dan jasa.

Antara aktiviti yang dijalankan di sana termasuk gotong-royong membersihkan kawasan masjid, tadarus, dakwah jalanan, menyalurkan sumbangan kepada penduduk tempatan dan juga mewakafkan al-Quran kepada pihak masjid iaitu Masjid Huaisheng, Masjid Xian Xian dan Masjid Xiaodongying.

Berbeza dengan situasi di Malaysia yang sentiasa mendapat suntikan dana daripada kerajaan bagi aktiviti keislaman, komuniti Muslim di Guangzhou tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan. Dana yang mereka perolehi hanya daripada individu-individu yang sudi menyalurkan bantuan kepada pihak masjid.

Antara senarai GISO lain yang telah dijayakan oleh USIM sepanjang 2014 seperti berikut :

- Jawatankuasa Kebajikan Siwa/i (JAKSA) Kolej Kediaman 1 USIM mengadakan program khidmat komuniti di negara yang terkenal rakyatnya dengan budaya membaca dan menepati masa selama 7 hari bermula 23 hingga 29 Januari 2014. Program yang dinamakan “Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura” telah disertai seramai 16 orang peserta.
- Pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (FST) mengembara ke Korea Selatan melaksanakan “Kembara Mahabbah di Bumi Sonata” pada 4 hingga 9 April 2014.
- Pelajar FST melaksanakan “Helping Hand Across The Mekong” di Kemboja pada 5 hingga 10 April 2014.
- Pada 6 hingga 13 April 2014, pelajar FST mengadakan “Kembara Mahabbah Bersama Masyarakat Muslim di Chengdu” di China.
- Pada 7 hingga 12 April 2014, pelajar FST mengadakan program yang dinamakan “Kembara Kasih Ummah ke Lanzhou” di China.
- Pada tarikh yang sama iaitu pada 7 hingga 12 April 2014, pelajar FST mengadakan program “Program Kembara Kasih Ummah Dan Pembudayaan Masyarakat Di China” bertempat di Guangzhou, China.
- Pada 16 hingga 19 Mei 2014, Misi Kembara Ilmiah dan Kesukarelawan USIM di Jogjakarta, Indonesia di bawah program Global Islamic Student Outreach (GISO). Program ini memberi khidmat masyarakat dari aspek sumbang tenaga, ilmu serta melaksanakan aktiviti kesukarelawan kepada semua lapisan masyarakat Islam yang memerlukan. Misi bantuan ini telah disertai oleh Urusetia Perlindungan Perubatan Pelajar (U3P) dan pegawai pengiring serta kakitangan Unit Kesihatan Universiti USIM.
- Pada 30 Jun hingga 5 Julai, pelajar FST telah mengadakan program “Jalinan Mahabbah Ummah di Kemboja” bertempat di Kemboja.
- Pada 7 hingga 12 Ogos, sekali lagi pelajar FST telah mengembara ke Kungmin, China untuk mengadakan program “Kembara Kembara Ilmu, Iman Dan Amal”.
- Pada 23 hingga 28 Ogos, pelajar FST telah ke Kemboja untuk melaksanakan “A Step For Changes Across The Mekong”.
- Pada 25 hingga 30 Ogos, pelajar FST telah ke China untuk mengadakan program “Eksplorasi Islam Dan Apresiasi Ukhvwah Di Bumi Beijing”.
- Pada 1 hingga 6 September, pelajar FST telah ke Padang, Indonesia untuk program “Eksplorasi Sains Islam di Bumi Padang”.
- Pada 1 hingga 6 September, pelajar USIM ke Kampung Cham, Kemboja untuk program “A Step For Changes Across The Mekong”.



Pelancaran Produk ICT Rukhsah Ibadah di Langkawi

- Pada 12 hingga 19 Ogos, pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) telah mengadakan program “Kembara Insaniah Generasi Muda ke Sydney” di Australia.
- Pada 25 hingga 30 Oktober pula, pelajar FSU telah ke Wilayah Cham, Kemboja untuk melaksanakan program “Program Jelajah Kehidupan di Bumi Kampong Beng Broul, Wilayah Cham”.
- Sementara itu, pada 24 hingga 29 Ogos, pelajar FSU telah ke China untuk mengikuti program “Jom Siswa Jejak di Ghuangzhou”.
- Pada 6 hingga 11 April, pelajar FSU ke Satun, Thailand untuk program “Kembara Ilmu dan Kemasyarakatan ke Satun”.
- Pada 24 hingga 29 Oktober, pelajar FSU berkesempatan untuk mengadakan program “Misi Tautan Mahabbah dan Kebajikan di New Delhi” yang diadakan di New Delhi, India.
- Pada 4 hingga 8 April, pelajar FSU ke Kampung Cham, Kemboja untuk melaksanakan program “erti Hidup Pada Memberi” untuk masyarakat Muslim di Kemboja.
- Pada 13 hingga 16 November, pelajar FSU berjaya mengadakan program “Kembara Insaniah ke Phnom Penh” bertempat di Kemboja.

## PEMINDAHAN ILMU

Aspek libatsama komuniti juga melibatkan perkongsian kepakaran yang dimiliki warga universiti dengan masyarakat dalam pelbagai bidang sama ada dalam aspek kesihatan, keusahawanan dan pembangunan

ekonomi sosial. Melaluianya, kedua-dua pihak memperolehi manfaat yang amat berguna terutama dalam memastikan simbiosis universiti dan komuniti sentiasa proaktif.

### Rukhsah Ibadah

USIM menjalin hubungan kerjasama dengan Hospital Langkawi atas platform Geran Pemindahan Ilmu (KTP) yang diwujudkan oleh kerajaan melalui pendekatan libatsama komuniti.

Melalui jalinan kerjasama ini, USIM berperanan memberi bimbingan serta menyampaikan ilmu berkenaan rukhsah ibadah kepada Kakitangan Perubatan dan Kesihatan Hospital Langkawi. Ilmu tersebut seterusnya dipertanggungjawabkan kepada Kakitangan Hospital Langkawi untuk dilanjutkan kepada para pesakit untuk diamalkan bagi memudahkan pesakit melakukan ibadah dalam keadaan sakit.

Kerjasama yang terjalin memberi peluang kepada USIM untuk memperluaskan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat terutamanya kumpulan sasaran iaitu pesakit yang bukan sahaja di kawasan sekitar Nilai malah di luar kawasan Nilai juga. USIM turut melancarkan Produk ICT Rukhsah Ibadah iaitu kesinambungan daripada produk DVD Panduan Rukhsah Ibadah yang telah mendapat pingat gangsa semasa pameran PECIPTA 2013.

Pelancaran Produk ICT Rukhsah Ibadah menampilkan ilmu berbentuk penerangan video serta panduan lengkap berkaitan cara menunaikan ibadah antaranya cara-cara mengambil wuduk dan menunaikan solat ketika sakit. Melalui aplikasi ini, pengguna dapat mengikut kaedah pengajaran dengan mudah difahami melalui cara penyampaian yang jelas dan teratur yang disampaikan oleh pelajar perubatan USIM.



### Projek Golden Oil

Projek "Golden Oil" adalah suatu aktiviti keusahawanan sosial para mahasiswa untuk membantu masyarakat setempat dalam meningkatkan taraf kesihatan di samping dapat menjana pendapatan sampingan. Projek ini dijalankan dengan mengumpul minyak masak terpakai dan kemudian menjual minyak tersebut kepada syarikat Kris Biofuels untuk dikitar semula.

Tujuan utama projek ini diadakan adalah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar akibat pembuangan sisa minyak masak terpakai secara terus ke bumi tanpa sebarang proses. Projek "Golden Oil" ini juga merupakan salah satu kaedah bagi menambah pendapatan sampingan kepada pihak-pihak terbabit di samping membantu mereka-mereka yang memerlukan.

Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Perbandaran Nilai, Seremban dan Persatuan Koperasi Groombig Negeri Sembilan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat akan pentingnya untuk kita melupuskan minyak masak terpakai dengan betul di samping mereka menjana pendapatan.

### Projek Musaceae

Projek ini dilaksanakan bermula dengan penanaman pokok pisang di Kampung Orang Asli Ulu Kelaka, Jelebu Negeri Sembilan. Pisang yang dikumpul dan dibeli daripada penduduk kampung kemudiannya diagihih kepada tiga golongan sasaran sebelum diproses untuk dijadikan kerepek pisang dan dipasarkan.

Projek ini juga merupakan salah satu medium untuk menggalakkan golongan sasaran tersebut untuk lebih kreatif dengan memanfaatkan sumber yang ada dengan mempelbagaikan hasilnya.

Para pelajar berperanan untuk membantu penduduk di Kampung Ulu Kelaka untuk menjalankan projek pemprosesan pisang di Industri Kecil Sederhana (IKS) di kampung tersebut serta melakukan pemantauan terhadap hasil tanaman pisang yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya di atas tanah seluas tiga ekar.

Para pelajar juga berperanan dalam memasarkan hasil pisang yang telah siap diproses oleh golongan sasaran tersebut. IKS telah ditubuhkan di kampong ini selepas mengenal pasti golongan asnaf dan ibu tunggal bagi mengendalikan perusahaan kerepek di mana hasilnya dijual kepada pelanggan-pelanggan tetap.

### Baja Kompos "Trashilizier"

Kumpulan pelajar USIM terdiri daripada Mushirah Zainuddin, Saddiq Iskandar Mazlan, Muhamad Nor Amin Jamaludin, Zafirah Suhaileh Abdullah dan Nurul Hafifah Hassan Adli menghasilkan idea projek yang dinamakan 'Trashilizer' iaitu penghasilan baja kompos melalui sampah buangan. Projek penghasilan baja tersebut dicipta sempena Pertandingan *Business Social Innovation For Poverty Eradication* bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Melalui kajian lapangan di Kampung Gial, Kampung Nelayan Kuala Perlis dan Kampung RTC Kedah didapati masalah ketidaaan kutipan sampah berkala dan tempat pembuangan sampah yang khusus mendatangkan masalah kepada penduduk. Melalui idea penghasilan baja kompos dari sampah, ia akan digunakan sebagai baja bagi penanaman tanaman utama di kampung berkenaan iaitu jagung.

Apabila diaplilikasikan, ia mampu mengurangkan masalah sampah yang tidak terurus dan gangguan kesihatan. Selain itu, penduduk kampung juga dapat menjana ekonomi lebih baik kerana kos pembelian baja bagi pokok jagung dapat dikurangkan melalui



penggunaan baja kompos dan produktiviti hasil pertanian juga dapat ditingkatkan. Ia memberi pendedahan yang amat baik kepada peserta untuk berkhidmat kepada masyarakat.

### SAHABAT KEMBARA ILMU

Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL) USIM adalah sebuah persatuan pelajar yang bernaung di bawah Jabatan Perpustakaan USIM. Secara rasminya, ia mendapat kelulusan penubuhan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 28 Februari 2012. SKIL aktif mengadakan pelbagai program dengan kerjasama Perpustakaan USIM dengan keahlian terkini mencapai 400 orang.

### EKSPLORASI ILMIAH NEGERI UTARA 2014

Program ini disusun sebagai mendidik pelajar dalam mengamalkan nilai-nilai dan etika Islam kepada masyarakat luar. Ia juga menjadi wadah kepada pelajar untuk mendekatkan diri dengan masyarakat khususnya melalui kerja-kerja kesukarelawanan dan kebajikan.

Program ini ditumpukan kepada negeri Kedah dan Perak. Antara lokasi yang diberikan tumpuan semasa di Perak adalah Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh dengan pengisian program Talk & Touch, Bulatan Cinta Bersama Pesakit Kanak-kanak, dan kemudiannya menyumbangkan buku untuk wad berkenaan. Semasa di Politeknik Sultan Azlan Shah (POLISAS), mereka mengadakan program *Talk & Touch (Library system and application among students)* dan diskusi bersama Kelab Perpustakaan di sana.

Di Kedah, peserta berkampung di SMA Al-Khairiah, di Kedah. Ahli-ahli SKIL yang mengikuti lawatan telah mengadakan sesi dialog bersama Majlis Perwakilan Pelajar sekolah serta mengadakan slot khas yang dinamakan CUDIPT (See You Di IPT).

### Khidmat Komuniti Kampung Orang Asli Ulu Chembong

Program yang bertujuan melahirkan pelajar yang lebih proaktif dan positif apabila berada dalam kelompok masyarakat melalui semangat kesukarelawanan dan kebajikan terhadap penduduk kampung yang kurang berkemampuan. Seramai 48 peserta iaitu 38 perempuan dan 10 lelaki telah menjayakan program ini.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bersama masyarakat orang asli ialah ziarah keluarga angkat, LDK bersama kanak-kanak, Cabar Minda, Syoknya Membaca, Oh My English, Explore dan Malam Gala. Selain itu sukaneka kanak-kanak dan dewasa juga diadakan melibatkan aktiviti senamrobik, tarik tali, sumpit dan sebagainya. Peserta juga mengedarkan barang sumbangan kepada seluruh penduduk kampung yang berupa pakaian, bahan bacaan, bahan keperluan harian.



PEMERKASAAN  
INSTITUSI DAN  
KELESTARIAN  
BAKAT




USIM bertekad untuk menjadi sebuah Institusi Ilmu yang berteraskan Pengajian Islam di samping pada masa yang sama, menjadi peneraju ilmu-ilmu baru dengan penggunaan teknologi terkini agar dapat menghasilkan inovasi yang memberi manfaat kepada negara, ummah dan manusia sejagat. Untuk mencapai hasrat ini, USIM memfokuskan kepada aspek pengintegrasian ilmu Naqli dan Aqli sebagai wadah perjuangan utamanya dengan mensasarkan lima objektif utama iaitu:

- Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara
- Membina kesepadan antara teori dan amali di dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai petensi yang tinggi menerajui pembangunan negara
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini
- Membekalkan modal insan yang kukuh dalam penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat

## INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

Konsep integrasi ilmu Naqli dan Aqli merupakan agenda utama USIM sejak dari awal penubuhannya bagi memastikan kecemerlangan yang seimbang di antara Ilmu Islam dan Sains. Proses pembangunan integrasi ilmu sains *revelational* (ilmu Naqli) dan ilmu sains rasional (ilmu Aqli) ini dilaksanakan secara berfasa-fasa dan ia telah bermula sejak universiti ini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) hingga ke tahun 2025 menerusi Pelan Strategik Universiti Sains Islam Malaysia 2013-2025 atau USIM 2025. Fasa-fasa tersebut adalah seperti berikut:


- Tahun 2000-2012 – menyediakan struktur asas konsep Integrasi ilmu Naqli dan Aqli
- Tahun 2013 – menjadi rujukan setempat kepada konsep Integrasi ilmu Naqli dan Aqli
- Tahun 2014 – menjajarkan pelan strategik ke arah pengukuhan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli
- Tahun 2016 – menjadi pusat rujukan serantau Integrasi ilmu Naqli dan Aqli
- Tahun 2025 – menjadi rujukan global Integrasi ilmu Naqli dan Aqli



Amalan pendekatan secara holistik ini juga dimantapkan lagi kepada amalan pentadbiran dan pengurusan USIM ke arah menjadikan universiti ini berstatus universiti '*Syariah Compliant*' dalam tempoh terdekat ini. Hasil kesepadan ilmu Naqli dan Aqli ini diharapkan dapat menjadikan USIM sebagai universiti yang menghasilkan 3R iaitu sebagai universiti yang dihormati (*Respected*), menjadi tempat pakar rujuk (*Referred*) serta relevan (*Relevant*) di hati masyarakat.

Dalam memastikan visi, misi serta objektif USIM tercapai, rangka kerja Pelan Strategik USIM telah dibentangkan mencakupi masa bermula 2013-2025. Terdapat tiga peringkat perkembangan dalam meletakkan Sains Islam sebagai bidang tujuan universiti, iaitu:

- **Peringkat Pertama – *Branding and Positioning of USIM***  
Memastikan USIM dikenali sebagai sebuah universiti yang mempunyai model pendidikan Sains Islam yang unik melalui usaha mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli
- **Peringkat Kedua – *Consolidating USIM***  
Memantapkan konsep ilmu Naqli dan Aqli bagi memastikan USIM dapat bergerak mencapai matlamatnya
- **Peringkat Ketiga – *Delivering Excellence***  
Menjadikan USIM sebagai tempat rujukan global dalam ilmu Naqli dan Aqli atau Ilmu Sains Islam dan seterusnya menjadi sebuah institusi yang ulung di hati dan minda rakyat



Rajah 6.1. Gabungan Tiga Bidang Utama Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli

Universiti berhasrat bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang seimbang malah mampu melahirkan ilmuan Islam yang dapat menjadi pakar rujuk utama bagi membantu menyediakan formula penyelesaian terkini demi kesejahteraan ummah. Justeru bagi menjayakan perkara ini, USIM menyediakan beberapa prinsip asas



yang mengintegrasikan Sains Islam, Sains Sosial dan Sains Fizikal di dalam model pendidikannya merangkumi tiga bidang utama berikut:

1. Pengajian Islam, Quran dan Sunnah
2. Sains Islam, Teknologi dan Kejuruteraan
3. Kesusasteraan Islam, Sains Sosial dan Kemanusiaan

Di samping itu, sebagai usaha mempergiatkan ekosistem ilmu Naqli dan Aqli di dalam universiti ini, pihak pengurusan universiti juga sedang memperluaskan skop pembangunan universiti ini secara terus menerus menerusi tujuh tujuan iaitu:

- Pengajaran dan Pembelajaran (*Teaching and Learning*)
- Penyelidikan dan Inovasi (*Research and Innovation*)
- Pentadbiran dan Pengurusan (*Administration and Management*)
- Pengantarabangsaan (*Internalization*)
- Pembangunan Pelajar dan Kakitangan Universiti secara holistik (*Holistic Development of Students and Staff*)
- Kelestarian Kewangan (*Financial Sustainability*)
- Khidmat Masyarakat dan Governans Universiti (*Community Engagement and Governance*)

## STATUS AUTONOMI

USIM telah menjalani Audit Kesediaan Autonomi Tahun 2014 oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang telah dilantik oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 10 hingga 12 Mac 2014. Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK) telah dilantik menguruskan Audit Autonomi di USIM.

Empat komponen Audit Kesediaan Autonomi yang disemak adalah:

- Institusi (IG);
- Kewangan (F);
- Pengurusan Sumber Manusia (HRM); dan
- Governan Akademik (AG).

Susulan daripada audit tersebut, PPKPK telah menyediakan maklum balas Laporan Interim Audit Kesediaan Autonomi Tahun 2014 melalui Mesyuarat Persediaan Maklum balas Laporan Interim Audit Kesediaan Autonomi Tahun 2014 Bil. 1/2014 pada 2 Mei 2014 khusus membincangkan penyelarasan dan penyediaan maklum balas kepada syor dan keseluruhan kandungan laporan tersebut.

Usaha Pemurnian Maklum balas Laporan Interim Audit Kesediaan Autonomi Tahun 2014 berdasarkan catatan mesyuarat pertama diteruskan dalam mesyuarat Persediaan Maklum balas Laporan Interim Audit Kesediaan Autonomi Tahun 2014 Bil. 2/2014 yang diadakan pada 5 Mei 2014. Maklum balas lengkap telah dihantar kepada pihak MPC pada 6 Mei 2014.



100

USIM mencipta kejayaan membanggakan di akhir jendela tahun 2014 apabila menerima pengiktirafan dari KPM dengan penganugerahan status autonomi kepada universiti ini pada 12 Disember 2014. Ia menjadikan USIM antara 12 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) setakat ini yang menerima status autonomi daripada Kementerian.

## PERANCANGAN PELAN STRATEGIK USIM

Sebanyak 7 Kenyataan Output USIM, serta 18 Kenyataan Sub-Output USIM digariskan. Perancangan Pelan Strategik telah mula dibengkelkan pada 23 Januari 2013 dan telah mula mempamerkan impak apabila beberapa *Key Performance Indicator* (KPI)-sasaran *Quick Win* telah tercapai dengan jayanya. Namun wujud keperluan untuk memperhalusi Pelan Tindakan dan KPI yang digariskan bagi penambahbaikan dokumen pelan strategik sedia ada. (Jadual 6.1, 6.2 dan 6.3.)

Pada 13-15 Januari 2014, warga USIM telah berbengkel di Klana Beach Resort Port Dickson. Pada bengkel ini perancangan adalah lebih terarah untuk menjajarkan perancangan USIM dengan KPI Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Beberapa siri perbincangan telah diadakan sepanjang tempoh 2014 dari Januari sehingga Ogos 2014. Beberapa isu telah diambil perhatian terutama untuk meringkaskan Pelan Strategik USIM agar lebih relevan dan menggabungkan dengan unsur Integrasi Ilmu Naqli-Aqli. Atas niat murni ini Jawatankuasa Pelan Strategik USIM telah diubah kepada Pelan Strategik & Integrasi Naqli-Aqli USIM.

Bengkel Pelan Strategik & Integrasi Naqli-Aqli USIM bil. 2. 2014 diatur sebagai medan bagi kumpulan pemikir di USIM membantu pihak pengurusan membina pelan strategik yang lebih baik dengan memastikan objektif bengkel tercapai. Bengkel ini telah dijalankan dengan jaya pada 10-11 September 2014.

Pada 22-24 Disember 2014, sekali lagi warga USIM telah berbengkel di Hotel Grand Kampar, Perak. Objektif

bengkel pada kali ini adalah untuk merancang aktiviti utama USIM 2015 berdasarkan Pelan Strategik yang telah dijalankan pada September 2014. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengkoordinasikan antara aktiviti-aktiviti jabatan 2015 dengan Pelan Strategik & Integrasi ilmu Naqli-Aqli USIM. Dengan usaha ini diharap dapat memastikan USIM berada di landasan yang jelas dan boleh diikuti oleh warganya dalam merealisasikan Pelan Strategik & Integrasi ilmu Naqli-Aqli USIM 2015. Pada bengkel ini juga telah mensasarkan USIM 2016 iaitu menjadi pusat rujukan Integrasi ilmu Naqli-Aqli serantau dan USIM 2025 menjadi pusat rujukan Integrasi ilmu Naqli-Aqli di peringkat dunia.

## PENGIKTIRAFAN DAN PENJENAMAAN (BRANDING)

Jumlah keratan akhbar mengenai USIM telah mencecah 1424 dengan PR Value sebanyak RM32,826948. Ia menunjukkan peningkatan jumlah 27 artikel sebanyak 586 dan peningkatan terhadap PR value sebanyak RM 9.9 juta. Pada suku terakhir tahun 2014, laporan daripada syarikat pemantauan media antarabangsa, Isentia, menunjukkan jumlah artikel yang memaparkan brand USIM di media cetak dan media elektronik berjaya mengatasi universiti terkemuka negara yang lain seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa.

Sebanyak 66 artikel berkaitan USIM diterbitkan di media global antaranya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Oman, Nigeria, Thailand, China, Indonesia, 28 Bangladesh, Sri Lanka dan Brunei. Ini membuktikan bahawa mesej berkaitan keunikan dan kelebihan USIM sebagai institusi yang mempelopori integrasi ilmu Naqli dan Aqli semakin diketahui umum. Ini menunjukkan sokongan media yang tidak berbelah bahagi terhadap USIM. Ia juga membuktikan bahawa kredibiliti USIM sudah dirasai di peringkat serantau dan global.

Bagi meraih dan mengeratkan silaturrahim antara pihak USIM dan rakan media Satu Majlis Makan Malam Bersama Media turut diadakan di dataran Canselori USIM pada 19 Mei 2014. Majlis dihadiri oleh lebih 20 rakan media antaranya RTM, Bernama, Utusan Malaysia, Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro,



Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2013

TV9 dan ramai lagi. Bertemakan Arabian Night, objektif utama majlis adalah untuk menghargai jasa dan komitmen yang sentiasa diberikan pihak media cetak dan elektronik dalam menyampaikan berita USIM ke khalayak umum.

### **PENGURUSAN KUALITI DAN AUDIT/ PERSIJILAN MS ISO USIM**

Sepanjang tahun 2014 pelbagai aktiviti berkaitan pensijilan dijalankan bagi memperkuuhkan pentadbiran korporat USIM. Ini termasuk aktiviti rutin tahunan seperti Kursus Asas Juru Audit Baharu, Kursus Kesedaran MS ISO, Kursus Kawalan Dokumen dan Rekod, Bengkel Pemurnian Dokumen ISO dan aktiviti audit. Aktiviti audit ISO USIM sepanjang tahun 2014.

#### **Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi**

Penganjuran Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 2014 bertujuan untuk memperkuatkan amalan nilai-nilai budaya kualiti dan inovasi di USIM. Disamping itu ia juga bertujuan memberi pengiktirafan dan memperbaharui komitmen pekerja serta pihak pengurusan kepada usaha-usaha ke arah peningkatan kualiti dan inovasi.

Program anjuran Universiti di bawah koordinasi PPKPK ini merupakan satu program yang menggabungkan beberapa elemen berkaitan dengan usaha meningkatkan produktiviti, kualiti dan inovasi di USIM.

Antara program-program yang telah diadakan dalam Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 2014 ini ialah :

- Perasmian Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi 2014
- Program Senamrobik Kualiti
- Skuad Kualiti dan Inovasi
- Taklimat dan Kempen 5S (Ke Arah Pensijilan 5S USIM)
- Program Ke Arah Pensijilan MS 1900:2014 Sistem Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pembelajaran dan Pengajaran Berasaskan Syariah USIM
- Permainan *Minute To Win It* Bersama Skuad Q
- Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2013

Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 2014 ini melibatkan keseluruhan staf USIM dan telah diadakan pada 3 hingga 6 November 2014.

#### **Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2013**

Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM 2013 telah diadakan pada 7 November 2014 bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya. Majlis diadakan dengan objektifnya untuk memanifestasikan usaha USIM dalam menghargai dan mengiktiraf warganya secara berterusan demi mengangkat martabat keilmuan dan pentadbiran.



Penyertaan Pasukan USIM di Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Inovatif Kreatif

Pada majlis kali ini, sebanyak 17 kategori dan anugerah dipertandingkan dengan seramai 110 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 71 penerima Anugerah Terpuji, 48 penerima Anugerah Khas. Terdapat 5 Anugerah Khas baru diwujudkan pada tahun ini, iaitu Anugerah Ahli Akademik Harapan, Anugerah Pendidik, Anugerah Kreativiti Seni dan Budaya, Anugerah Perdana Siwa/i dan Anugerah Pelajar Siswazah. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti telah merasmikan majlis ini serta menyampaikan hadiah kepada para penerima anugerah.

Prof. Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Pengarah Pusat Permata Insan dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Hasanul Mudir dan menerima hadiah berupa wang tunai RM 5,000, baucar buku RM 250 dan sijil penghargaan. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar menerima Anugerah Naib Canselor yang menerima wang tunai RM 3,000 beserta sijil penghargaan.

#### Konvensyen KIK


Dalam menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sebagai satu pendekatan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Di USIM peranan KIK sudah diperkenalkan dan diperkembangkan. Kebolehan warga USIM menghayati KIK telah terbukti dengan penyertaan wakil USIM pada Konvensyen KIK IPTA.

Pada Konvensyen KIK IPTA 2013, USIM telah menghantar satu kumpulan. Walaupun tiada sebarang anugerah diraih, USIM telah mendapat penarafan projek bertaraf perak. Ini secara tidak langsung membuktikan kemampuan kakitangan USIM melakukan inovasi.

#### MEMBINA MODAL INSAN UNGGUL

Dalam memastikan perancangan dan hala tuju universiti dapat dicapai secara optimum, pembinaan modal insan unggul diberikan perhatian serius oleh pihak universiti. Ini kerana pihak USIM menyedari bahawa warga universiti merupakan aset berharga dan perlu terus digilap untuk memastikan agenda Universiti tercapai. Sehingga Disember 2014, USIM mempunyai seramai 1,457 orang kakitangan dalam semua kategori seperti dalam Rajah 6.2. Secara keseluruhannya, jumlah kakitangan ini meningkat seramai daripada 62 orang daripada 1,395 orang. Pada tahun 2014, bilangan kakitangan akademik adalah seramai 538 orang. Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) Bukan Akademik adalah seramai 107 orang. Manakala P&P kumpulan Pentadbiran seramai 182 orang. Manakala kakitangan sokongan pula seramai 630 orang.



Rajah 6.2: Bilangan Pecahan Kakitangan Universiti

### **Pemerkasaan Modal Insan**

Bahagian Modal Insan (BMI), Jabatan Pendaftar menjadi teras dalam usaha pemerkasaan modal insan di USIM. Menyedari akan hakikat inilah, pelaburan dalam pembangunan kompetensi staf diberikan tumpuan utama bagi membolehkan semua staf universiti sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Usaha ini diharapkan dapat membantu membina warga USIM yang berkualiter dan mampu berkhidmat secara optimum.

Bagi mencapai objektif tersebut, latihan untuk kakitangan dilaksanakan secara sistematis oleh pihak BMI, Jabatan Pendaftar. Proses pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran ini penting agar peranan kakitangan terus relevan dan sesuai dengan tuntutan semasa alam organisasi. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program mentoring atau yang seumpama

dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

Antaranya langkah yang telah diambil, pihak USIM telah menyediakan Kertas Cadangan Pemerkasaan Rangkaian Strategik Antara Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia (JALUMA) Dengan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT). Rangkaian strategik ini adalah bertujuan memastikan kesinambungan kerjasama pintar daripada aspek latihan kepimpinan antara AKEPT dan JALUMA yang mana USIM telah diamanahkan untuk menjadi peneraju utama. Melalui kerjasama strategik ini, pihak JALUMA akan membangunkan modul dan menganjurkan latihan kepimpinan berteraskan kerangka kepimpinan AKEPT. Manakala, AKEPT akan bekerjasama dengan JALUMA khususnya menampung sebahagian peruntukan kewangan yang diperlukan bagi penganjuran latihan kepimpinan.

Pada tahun 2014 universiti meluluskan penguatkuasaan Ujian Tahap Kesediaan Kepimpinan (UTK) dan Sistem Pengurusan Bakat (e-TALENT) yang telah selesai dibangunkan. Objektif UTK adalah sebagai satu daripada langkah pemilihan kumpulan bakat (talent pool), penentuan keperluan latihan generik dan fungsional serta kesesuaian penempatan berdasarkan personaliti diri merangkumi tiga domain iaitu Kepimpinan Islam, Personaliti dan Motivasi



Memimpin. Objektif e-TALENT adalah sebagai satu daripada langkah pemilihan kumpulan bakat yang merangkumi tiga (3) aspek iaitu UTK secara atas talian, Lapan Kriteria Umum, Ciri-Ciri Personaliti Unggul (Towering Personality) dan juga Sembilan Kriteria Khusus. Sistem ini berupaya untuk melaksanakan pemilihan kumpulan bakat, penentuan keperluan latihan dan kesesuaian penempatan berdasarkan kedudukan (ranking) yang dijana dan seterusnya menjadi teras kepada pemilihan pengganti (successor) yang benar-benar bersedia untuk menyandang jawatan strategik dan jawatan khas pentadbiran selaras dengan pelan penggantian USIM.



Perhimpunan Bulanan Kakitangan USIM

Sebanyak dua kursus/ latihan pelan penggantian telah dilaksanakan iaitu Bengkel Pengurusan Risiko dan Kursus Sijil Pentadbiran Universiti (SPU) Tahap II. Bengkel Pengurusan Risiko telah diadakan pada 27 Jun 2014 dan 3 Julai 2014 yang melibatkan seramai 42 orang peserta. Sehingga kini, jumlah keseluruhan peratusan staf pentadbiran gred 44 dan ke atas serta staf akademik memegang jawatan khas pentadbiran yang telah menghadiri sekurang-kurang satu daripada kursus pelan penggantian adalah sebanyak 75.50%. Dalam hal ini, peratusan berdasarkan pecahan staf pentadbiran gred 44 dan ke atas ialah 83.10% dan staf akademik memegang jawatan khas pentadbiran ialah 71.32%.

#### Pencapaian DLSMSA USIM

Pelan pembangunan kakitangan secara menyeluruh telah merancang dan melaksanakan pelbagai latihan atau kursus demi pembangunan pengetahuan, pembentukan profesional dan keberkesanan dalam menyampaikan perkhidmatan. Pencapaian Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) USIM bagi Tahun 2014 (sehingga 31 Disember 2014) ialah 96.01% bagi staf yang menghadiri latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.

#### Kemudahan Cuti Belajar

USIM telah mula mengantar kakitangan akademik bercuti belajar sejak tahun 2001 selepas Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4 pada 8 September 2000 memutuskan sejumlah peruntukan perlu diberikan khusus untuk pembangunan tenaga manusia yang meliputi program Cuti Belajar, Cuti Sabatikal, kursus dan latihan untuk kakitangan akademik dan pentadbiran. Jumlah kakitangan yang sedang cuti belajar dan telah lulus pengajian pada tahun 2014 seperti di jadual 6.4.

Pada tahun 2014, seramai 32 orang telah melapor diri sebagai Felo Siswazah. Daripada agihan mengikut fakulti adalah seperti dalam Jadual 6.5.

BIL	FAKULTI	JUMLAH LAPOR DIRI
1	FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN	1
2	FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNAH	1
3	FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG	5
4	FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT	6
5	FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI	14
6	FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN	2
7	FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA	3
8	FAKULTI PERGIGIAN	0
<b>JUMLAH</b>		<b>32</b>


Jadual 6.5 Felo Siswazah yang telah Melapor Diri mengikut Fakulti

#### Kajian Kepuasan Kakitangan


Seperti tahun sebelumnya, USIM sekali lagi menjalankan Kajian Kepuasan Kakitangan. Objektif utama kajian soal selidik ini dijalankan ialah untuk membantu pihak Pengurusan Universiti melihat situasi keseluruhan staf dari aspek emosi dan fizikal seterusnya merencana, merancang aktiviti dan program yang bersesuaian hasil daripada dapatan yang diperolehi bagi memastikan keperluan dan kehendak staf dapat difahami. Kajian soal selidik ini mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 2011, sehingga kini dijalankan secara atas talian (online) iaitu dua kali setahun pada bulan Jun dan Disember. Walaubagaimanapun, bagi tahun 2014 hanya pada bulan Disember sahaja kajian ini dilaksanakan berikutan penambahbaikan yang dibuat ke atas soalan kajian. (Rajah 6.3)

Prestasi pencapaian keseluruhan kajian kepuasan bekerja kakitangan di USIM dari tahun 2011 hingga 2014 dapat dilihat melalui graf perbandingan yang disediakan (Rajah 6.4). Hasil kajian ini diharap mampu menambah baik dan meningkatkan prestasi pengukuhan sistem pengurusan di pejabat termasuklah mewujudkan medium berkesan dalam membina hubungan antara kakitangan dan suasana kerja yang positif.


Kajian ini juga merangkumi empat dapatan iaitu Skop dan Tugas kerja, Peluang Kemajuan dan Peningkatan, Hubungan dengan Pelbagai Pihak dan Kebajikan. Semakan kajian menunjukkan jumlah peratusan tahap kepuasan bekerja kakitangan USIM adalah seperti Rajah 6.5.



Rajah 6.3 : Purata Keseluruhan Tahap Kepuasan Bekerja di USIM



Rajah 6.4: Perbandingan Peratus tahap kepuasan bekerja di USIM bagi tahun 2011-2014



Rajah 6.5: Peratusan Tahap Kepuasan Bekerja Mengikut skop.

BIL	KENYATAAN OUTPUT UNIVERSITI
1	Keunikan Kurikulum Naqli-Aqli (Pembelajaran dan Pengajaran)
2	Penyelidikan yang relevan kepada industri dan kesejahteraan ummah (Penyelidikan)
3	Perkhidmatan berdasarkan syariah compliant, kelestarian didalam pemindahan Ilmu dan libatsama komuniti (Servis)
4	Penjenamaan USIM yang terdiri dari bakat yang global, berkebolehan pelbagai bahasa dan seimbang
5	Kelestarian kewangan
6	Persekutuan fizikal dan fasiliti yang kondusif
7	Penjenamaan

Jadual 6.1. Kenyataan Output USIM

BIL	KENYATAAN SUB-OUTPUT UNIVERSITI
S01	Universiti menjadi pusat rujukan global sains Islam
S02	Menjadi pemimpin aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan dan kelestarian alam sekitar
S03	Pengurusan sumber, bakat dan tadbir urus yang cekap dan berintegriti
S04	Peningkatan Kuantiti dan Kualiti Penyelidik
S05	Peningkatan Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan
S06	Peningkatan Kuantiti Siswazah dan Pasca Siswazah
S07	Peningkatan Kualiti Siswazah dan Pasca Siswazah
S08	Peningkatan Jumlah Harta Intelek
S09	Peluasan dalam Jaringan dan Hubungan (Networking & Linkages)
S10	Peningkatan dalam kemudahan dan persekitaran yang kondusif bagi pembelajaran dan penyelidikan
S11	Peningkatan siswa yang Berkualiti dan Inovatif
S12	Peningkatan staf yang berkeperibadian <i>noble</i> dan dinamik
S13	Peningkatan perkhidmatan ke arah kepatuhan syariah
S14	Peningkatan Minda Keusahawanan dan Inovatif Siswa dan Pasca Siswazah
S15	Peningkatan sahsiah dan kebolehpasaran siswa.
S16	Peningkatan kualiti dan kuantiti infrastruktur dan program <i>Global Classroom</i>
S17	Peningkatan rakan strategik akademik, penyelidikan dan industri
S18	Kelestarian penjanaan kewangan

Jadual 6.2. Kenyataan Sub-Output USIM



## Pencapaian CAP USIM Bagi Tahun 2014

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Akademia	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	44	113
	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	17	31
	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	3	6
	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk / penasihat di peringkat kebangsaan / antarabangsa	92	105
e-Pembelajaran	Bilangan kursus IPTA dalam Mod Blended Learning	267	10
Keusahawanan	Bilangan siswazah/lulusan IPT menceburji bidang perniagaan selepas tamat pengajian	20	15
	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan/ pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum	3500	4000
Kebolehpasaran Siswazah	Peratusan graduan yang mendapat perkerjaan dalam tempoh 6 bulan setelah menamatkan pengajian	85%	71.1%
Pembangunan Holistik Pelajar	Bilangan pemimpin yang berketerampilan di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	10	1
	Bilangan program berteraskan University Community Engagement (UCE) yang dilaksanakan oleh IPTA di seluruh Malaysia	3	0
Industri - Akademia	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	12%	10.33%

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Pengantarabangsaan	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	52	53
	Enrolmen mahasiswa pasca siswazah antarabangsa di IPT (IPTA/ IPTS)	718	637
	Enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPT (IPTA/ IPTS)	1025	770
Program Pemindahan Ilmu	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh Komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri, masing-masing.	2	2
	Bilangan projek pemangkin/ 'Flagship' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	3	2
	Bilangan Projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/ Komuniti	2	2
Pembelajaran & Pengajaran	Bilangan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD.	19	40
	Jumlah bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	13379.99	0
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH formal) - IPTA	10	101
	Bilangan Program PSH di IPTA	4	69
	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH tidak Formal) â€“ IPTA	100	15



CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MyBrain15	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduat dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	33	33
	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduatkan oleh IPTA	24	5
	Bilangan Staf Akademik berkelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	430	210
	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	348	520
Penyelidikan & Pembangunan	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	1	0
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	409091	0
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	100000	6000
	Bilangan harta intelek (IP) yang difaiklan	7	5
	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	286	186
	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	245	249
	Jumlah penjanaan pendapatan R&D&C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) Khidmat Knowledge Transfer	545455	147612

CAP	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Top Business School (TBS)	Bilangan jurnal di TBS/PPSP yang diindeks	-	-
	Bilangan penerbitan dalam jurnal berindeks di PPSP	-	-
	Bilangan penerbitan dalam jurnal berindeks di TBS	-	Tidak Berkaitan
	Bilangan Penyelidik Utama di PPSP	-	28
	Bilangan Penyelidik Utama di TBS	-	Tidak Berkaitan
	Jumlah pelajar pascasiswazah antarabangsa di PPSP	-	162
	Jumlah pelajar pascasiswazah antarabangsa di TBS	-	Tidak Berkaitan
	Jumlah pendapatan yang dijana sendiri oleh TBS/PPSP pada tahun semasa	-	Tiada

Jadual 6.3. Pencapaian CAP USIM Bagi Tahun 2014



BIL	JAWATAN	BILANGAN TELAH LULUS PENGAJIAN TAHUN 2014		BILANGAN SEDANG BERCUTI BELAJAR TAHUN 2014	
		DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1	Pensyarah Universiti	5	6	37	17
2	Pensyarah Perubatan	4	2	9	7
3	Pensyarah Pergigian	3	3	2	6
4	Tutor	10	10	7	11
5	Felo Siswazah	16	3	60	52
6	Guru Bahasa/PPPS				1
7	Pentadbiran			1	1
	Jumlah	38	24	116	95
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>62</b>		<b>211</b>	

Jadual 6.5: Jumlah kakitangan yang sedang cuti belajar dan telah lulus pengajian pada tahun 2014



# PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN

Strategi Belanjawan USIM 2014 adalah ke arah peningkatan penjanaan pendapatan dan penggunaan sumber dalaman secara optimum. Selaras dengan matlamat kementerian untuk meningkatkan penjanaan pendapatan, pelbagai strategi telah dibuat untuk memantapkan aktiviti kutipan hasil dan meningkatkan sumbangan dana seperti wakaf, endowmen, aset dan sebagainya. Pengagihan sumber yang cekap dan penggunaan sumber dalaman secara optimum juga difokuskan bagi memastikan pengurusan kewangan USIM diuruskan secara efisien. Kesedaran terhadap penjanaan pendapatan dan amalan berbelanja secara berhemah sentiasa diterapkan kepada warga USIM melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- a. Taklimat-taklimat kewangan
- b. Penguatkuasaan terhadap aktiviti hasil kutipan
- c. Menggiatkan aktiviti pengumpulan dana




## KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan Mengurus tahun 2014 berjumlah RM239.85 juta iaitu peningkatan sebanyak RM43.42 juta (22.10%) berbanding RM196.44 juta dalam tahun 2013. Geran Mengurus tahun 2014 yang diterima berjumlah RM173.75, merupakan peningkatan sebanyak RM55.66 (47.13%) berbanding RM118.09 juta dalam tahun 2013. Yuran pengajian menyumbang sebanyak RM28.06 juta daripada pendapatan USIM di mana ia merupakan peningkatan sebanyak RM3.62 juta (14.81%) berbanding RM24.44 juta dalam tahun 2013. Lain-lain pendapatan mencatat RM38.04 juta, penurunan sebanyak RM15.87 juta (29.44%) berbanding RM53.91 juta dalam tahun 2013.

TAHUN	2010 RM'juta	2011 RM'juta	2012 RM'juta	2013 RM'juta	2014 RM'juta
Geran Kerajaan	103.47	111.57	131.59	118.09	173.75
Yuran Pengajian	14.68	12.35	22.95	24.44	28.06
Lain-Lain Pendapatan	7.02	31.38	61.61	53.91	38.04
Jumlah	125.17	155.30	216.15	196.44	239.85

Jadual 7.1 Perbandingan Komponen Pendapatan 2010-2014




Rajah 7.1 Perbandingan Komponen Pendapatan 2010-2014

Perbelanjaan Mengurus USIM berjumlah RM221.52 juta di mana emolumen meningkat kepada RM87.05 juta (39.30%) dan diikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM92.20 juta (41.62%). Perbelanjaan pemberian dan kenaan tetap berjumlah juga meningkat iaitu RM11.14 juta (5.03%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan susutnilai dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM31.13 juta (14.05%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan.

Tahun	2010 RM'juta	2011 RM'juta	2012 RM'juta	2013 RM'juta	2014 RM'juta
Emolumen	55.32	62.30	75.23	83.02	87.05
Perkhidmatan dan Bekalan	46.27	59.24	81.25	87.39	92.20
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	5.25	6.53	8.09	9.69	11.14
Lain-Lain Perbelanjaan	15.66	14.72	62.25	25.67	31.13
Jumlah	122.50	142.79	226.82	205.77	221.52

Jadual 7.2 Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2010-2014




Rajah 7.2 Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2010-2014



## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Geran Pembangunan USIM yang diterima pada tahun 2014 adalah sebanyak RM51.15 juta di mana ianya merupakan peningkatan sebanyak RM17.32 juta (51.20%) berbanding dengan RM33.83 juta pada tahun 2012.

Perbelanjaan Pembangunan USIM pada tahun 2014 termasuk perbelanjaan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Funding Initiative) dan FRGS adalah sebanyak RM19.23 juta berbanding dengan RM15.31 juta pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM3.92 juta (25.60%). Oleh itu, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM581.30 juta berbanding dengan RM715.22 juta pada 31 Disember 2013.




Rajah 7.3 Perbandingan Kumpulan Wang Pembangunan 2010-2014

## ASET DAN LIABILITI

Jumlah Aset Tetap USIM pada tahun 2014 ialah sebanyak RM499.66 juta berbanding dengan RM389.46 juta pada tahun 2013, peningkatan sebanyak RM110.20 juta (28.30%) manakala, jumlah Aset Semasa USIM pada tahun 2014 pula adalah sebanyak RM166.32 juta berbanding dengan RM88.62 juta pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM77.70 juta (87.68%).

TAHUN	2010 RM'juta	2011 RM'juta	2012 RM'juta	2013 RM'juta	2014 RM'juta
Jumlah Aset Tetap	178.49	170.65	281.31	389.46	499.66
Jumlah Aset Semasa	63.71	98.73	73.46	88.62	166.32

Jadual 7.3 Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2010-2014




Rajah 7.4 Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2010-2014

Liabiliti semasa USIM pada tahun 2014 adalah sebanyak RM34.33 juta berbanding dengan RM17.84 juta pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM16.49 juta (92.43%). Aset bersih USIM pada tahun 2013 ialah sebanyak RM636.37 juta berbanding dengan RM748.46 juta pada tahun 2013. Ini merupakan penurunan sebanyak RM112.09 juta (14.98%)



120

## PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN



Rajah 7.5 Perbandingan Liabiliti Semasa 2010-2014.

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014
<b>PENYATA PENDAPATAN</b>					
JUMLAH PENDAPATAN	125,298,457	155,447,032	216,155,373	196,441,560	<b>239,856,908</b>
JUMLAH PERBELANJAAN	122,549,662	142,863,375	226,828,970	205,773,406	<b>221,519,062</b>
LEBIHAN / (KURANGAN)	2,748,795	12,583,657	(10,673,597)	(9,331,846)	<b>18,337,847</b>
PENDAPATAN SEBELUM CUKAI					
<b>LEMBARAN IMBANGAN</b>					
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	178,489,133	170,646,031	281,314,450	389,464,923	<b>499,663,248</b>
ASET SEMASA	63,714,970	98,733,776	73,461,521	88,621,830	<b>166,319,537</b>
LIABILITI SEMASA	11,397,136	15,350,395	14,900,191	17,835,097	<b>34,331,054</b>
KUMPULAN WANG MENGURUS	8,117,959	20,631,462	9,957,865	626,019	<b>18,963,867</b>
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	710,266,584	754,315,030	720,202,389	715,218,368	<b>581,302,772</b>
<b>NISBAH KEWANGAN</b>					
ASET SEMASA/LIABILITI SEMASA	5.59	6.43	4.93	4.96	<b>4.84</b>
ASET MUDAH CAIR/LIABILITI SEMASA	4.59	5.15	3.58	3.15	<b>4.07</b>
JUMLAH LIABILITI / JUMLAH ASET	0.05	0.06	0.04	0.04	<b>0.05</b>
MODAL DIGUNAKAN /JUMLAH LIABILITI	64.43	52.19	54.25	41.97	<b>18.54</b>
MODAL DIGUNAKAN /ASET TETAP	4.11	4.69	4.29	1.92	<b>1.27</b>

Jadual 7.4 Ringkasan Kewangan.



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

